

**BUDAYA ANWAR**  
**chedet.co.cc**  
**August 7, 2009**  
**By Dr. Mahathir Mohamad**

1. Apabila sahaja saya dilantik sebagai Menteri Pelajaran pada tahun 1974, maka Anwar Ibrahim pun mula menghasut penuntut universiti untuk mengadakan tunjuk perasaan jalanan. Isunya apa saya sudah lupa.
2. Walaupun Anwar bukan pengasas demonstrasi jalanan tetapi sejak dia memasuki politik, taktik memperalat orang untuk menjayakan dirinya melalui demonstrasi jalanan kerap diguna olehnya. Dianya memuncak apabila disingkir daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri. Tiap minggu demonstrasi diadakan.
3. Budaya demonstrasi datang dari luar. Memang dalam keadaan terlalu tersepit dan tidak ada cara lain untuk memperjuangkan sesuatu, demonstrasi jalan terpaksa diadakan. Demikian semasa melawan Malayan Union, orang Melayu berdemonstrasi.
4. Tetapi apabila cara lain terbuka luas demonstrasi tidak sepatutnya menjadi pilihan.
5. Sebabnya ialah orang yang menjadi mangsa bukan Kerajaan sahaja. Yang jadi mangsa ialah peniaga, terutama peniaga kecil yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Bagi mereka ini demonstrasi adalah mala petaka yang lebih buruk daripada hujan lebat. Barangan jualan terutama makanan sudah disiap dan tidak boleh disimpan. Kerugian sehari tidak dapat ditampung dengan keuntungan 10 hari atau lebih.
6. Peniaga lain juga akan tanggung kerugian. Tetapi kerugian yang terbesar ialah pembangunan negara untuk rakyat. Kita sedar bahawa pembangunan negara membawa banyak nikmat kepada seluruh rakyat. Banding sahaja pendapatan per kapita sebelum Malaysia dibangun dengan selepas kemajuan dicapai.
7. Apabila demonstrasi jalanan diadakan, pelabur samada tempatan atau asing akan curiga untuk melabur. Dengan itu peluang untuk kontraktor, pembekal barangan, khidmat pengangkutan, pekerja dan penjual makanan untuk pekerja – semua peluang ini akan hapus.
8. Polis terpaksa ambil tindakan. Gas pemedih mata dan belantan diguna. Kegunaan cara keras ini biasanya diumpam oleh pendemonstrasi. Imej polis dan negara jadi

buruk. Ini sangat menggembirakan Anwar kerana inilah ceritanya kepada orang luar negeri. Malaysia katanya adalah tidak demokratik, zalim, tidak ada kebebasan bagi rakyat, dan lain-lain. Demonstrasi bukan untuk mengugut kerajaan sahaja tetapi untuk tunjuk kepada dunia betapa buruknya Negara sendiri. Secara tidak langsung tujuan demonstrasi ialah supaya dianya memerintah Negara ini. Na'uzubillah.

9. Ada negara-negara di mana demonstrasi kerap diadakan. Di rantau ini pun ada. Apakah negara-negara ini berjaya?

10. Demokrasi mengizinkan demonstrasi. Samada demokrasi menguntungkan pengamal bergantung kepada pengamal. Jika pengamal tidak faham cara mengguna demokrasi, kebaikan dan keuntungan tidak akan tercapai.

11. Ada orang di sebelah sana, di Barat yang amat gembira apabila kita tidak dapat bangunkan Malaysia. Nama mereka adalah seperti Wolfowitz, Cohen dan lain-lain yang menjadi sahabat karib DSAI.

## 378 Comments

By kaka8609  on [November 16, 2009 4:06 PM](#)

salam buat tun sekeluarga...

sedih tggk malaysia skrg....  
terlalu taksu dgn pemimpin...sggp mati demi pemimpin..

buat KIJANG,

bukalah mata anda...malaysia bagaimana yg anda mahu untuk anak anda???

anda golongan "BERPELAJARAN"....

sy tak kisah anda BENCI dgn kerajaan skrg,mgkn anda ada sebab2 tertentu...anda golongan "BERPELAJARAN"....

sy hanya ada beberapa soalan untuk anda....

1- JIKA KERAJAAN SKRG DITUKAR,ANDA "SUDI" LIHAT PROVOKASI DIJALANAN SEPERTI SEKARANG???

2- JIKA PROVOKASI DAN DEMONSTRASI BERLAKU, DIMANA PEMIMPIN YG MELAUNG2KAN SLOGAN??? KENAPA MEREKA TIDAK IKUT SERTA BERDEMONSTRASI??? KENAPA KETIKA DITANGKAP, TIADA PEMIMPIN MEREKA YG MENJAMIN???

3- BUKA SISIPAN AKHBAR, TENGOK RUANGAN PEKERJAAN,APA CIRI2 PEKERJA YG SATU2 BANGSA INGINKAN??? BELUM BERKUASA SUDAH TUNJUK BELANG...ANDA FAHAM KAN MAKSUD SAYA???ANDA GOLONGAN "BERPELAJARAN"..

4- DARI BERIBU-RIBU BERDEMONSTRASI, BERAPA RAMAI BANGSA BUKAN MELAYU IKUT BERDEMONSTRASI SEDANGKAN MEREKA YG MELAUNG2KAN

KATA SEMANGAT...BILA BERDEMONSTRASI CUBA LIHAT BANGSA LAIN, MEREKA GELAK BESAR MELIHAT BANGSA MELAYU...CONTOH TERMUDAH DI PERTAMA PLAZA...

5- JIKA PR BERKUASA, MALAYSIA TIDAK AKAN JADI NEGARA ISLAM...MALAYSIA AKAN JADI NEGARA SEKULAR....ANAK2 KITA NANTI AKAN BEBAS PILIH AGAMA, KALAU ISLAM PILIHAN MEREKA SYUKUR,KALAU BUKAN???

..ANDA GOLONGAN "BERPELAJARAN"...

SYUKURLAH MALAYSIA BIBERKATI TUHAN,TP JGN LUPA NIKMAT DIBERIKAN...  
BILA2 MASA TUHAN AKAN LAKNAT KITA...

salam

By md.Lutfil  on November 12, 2009 1:42 PM

Salam Afag.

Yang lepas tu sudah2 la. Nak diungkit apa lagi. Semua orang ada buat salah silap & diberi peluang untuk betulkan kembali dan bolehlah berpesan pesan kepada kebaikan.

Hang pun ada buat silap aku pun ada buat silap. Manusia mana yang tak buat silap. Nak cerita panjang lebar buat apa la pasal sejarah anwar tu duk kata pengkhianat bangsa la apa la, hang pun tak lahir lagi time tu toksah loklak la.

Salah silap tu biar kerja Tuhan yang hitung akhirat kelak. Kita sekarang berdoa untuk kerajaan sekarang bawah DS Najib supaya dapat berubah seperti yang dijanjikan.

Maafla cuma tak elok la duk gaduh2 kat sini fitnah memfitnah mcm mati kutu xda keja lain ka. Elok pandang kedepan dan bagi idea2 dalam blog chedet ni untuk membangunkan negara ka, agama ka.

Itu baru sifat terpuji.

Wassalam

By md.Lutfil  on November 12, 2009 1:09 PM

Salam Tun & Semua

Saya rasa kalau kerajaan UMNO betul sudah tentu tiada lagi isu pengkhianatan bangsa, tiada demonstrasi jalanan dan lain-lain lagi.

Rakyat tak diperbodohkan pun cuma rakyat yang kurang cerdas sahaja yang diperbodohkan.


UMNO berubahlah secara istiqamah supaya rakyat yang akan nampak perubahan yang ingin ditunjukkan - Insyaallah.

p/s: sudah2 la isu pengkhianatan bangsa ni - agama pun takde la pula korang marah dengan pengkhianatnya sedangkan ramai dah pengkhianat agama atas bumi malaysia ni. Wasalam

By dv5266  on November 3, 2009 3:00 AM

I supposed if you really think out of the box, demonstrations should be a good opportunity for all the small time peniaga peniaga to reap in a lot of profit as there would be an abnormal

concentration of crowd that would patronise their business. Alas the reality is there would always be a spoiler.

By Apaijena  on October 30, 2009 9:04 PM

Assalamualaikum YAB Tun serta isteri,  
I'm new in this blog. Reading through all comments and bla...bla.. menyeronokkan. Byk perkara yang saya masih kelabu asap dah nampak terang. Saya teringat lagi insiden SUKOM 1998 dan di saat itulah DSAI dipecat. I was there when the comotion happened and activated by DSAI supporters..from Bkt Jalil, PWTC, Sri Perdana, Masjid Negara, Padang Merdeka Kelab Selangor, Masjid Kpg Baru, Police HQ Bukit Aman. Mungkin ramai generasi sekarang ramai tak tahu atau sudah lupa betapa akibat kejadian itu kita hampir2 mengorbankan keamanan serta kesejahteraan. YAB Tun begitu berhati2 mengambil tindakan menongkah arus memperbaiki kejaminan dilakukan DSAI.Syabas Tun dan semua pihak yang terlibat memastikan keamanan dan kesejahteraan yang dikecapi oleh kita dan anak2 kita sekarang.

Satu insiden yang tak dapat dilupakan pada tahun 1997, DSAI sebagai Timb PM membuat perasmian/pemilihan Ketua Bahagian Cabang Tiga Berangan, Tumpat. Ketika tengah dok rancak DSAI berucap kat pentas tiba2 datang S.O beliau membisikkan ke telinganya..nak tau apa..drebar DSAI kena tangkap kes rasuah. Terus DSAI take 5 dan pergi ke belakang pentas dan bercakap dengan Pengarah Jbtn tersebut melalui hp..tup..tup..drebar dilepaskan. Bila sekarang di pentas PKR, DSAI melaung2kan sana sini rasuah dalam kerajaan, saya tersenyum. Cuba-cubalah renungkan, kos perbicaraan Kes liwat DSAI dulu tu nak pi bayaq loyar2 dia mencecah RM10.8 juta..mana mai duit tu!!!. Tak caya kan... Last sekali, saya sering menadah tangan mendoakan semuga Tun serta isteri dan anak2 dilimpahkan keberkatan serta rahmat dunia akhirat...amin.

By afag  on September 7, 2009 1:48 PM

salam NUZUL QURAN pada muslimin dan mulimat di seluruh dunia...  
salam 17 RAMADHAN...

KHAS UNTUK KIJANG...

JIWA MU TIDAK KENTAL...MUDAH BERGETAR...HANYA DISEBABKAN OLEH KATA2 SAYA YG KERAS DAN PEDAS...MAKA TERBITLAH KATA2 HIPOKRIT BERSULAM MARAH DAN GERAM...SEBAGAI GANTI BALAS "NADA MEMPERTAHANKAN" KEDUDUKAN DIUCAPKAN...BERULANGKALI MENGAKU DIRI MEWAKILI SEKELOMPOK MANUSIA, NAMUN NATIJAHNYA EMPUNYA DIRI SENDIRI YG SEDANG MARAK TERBAKAR...

KETAHUILAH PERJALANAN KO MASIH PANJANG...BANYAK DUGAAN DIHADAPAN...

LANGKAHLAH DENGAN WASPADA...CERMINI DIRI...WALAUPUN IA SUKAR BUAT KO...JGN DIPEJAMKAN MATA KETIKA MELANGKAH...

TIADA BANDINGAN DIRI KO DGN SETIAP MANUSIA DI DUNIA INI...ITU YG NYATA!

By hazrin  on September 4, 2009 8:37 PM


Tun,

Siapa boleh lawan Budaya "Political Beast" Mahathir, orang lain buat kerja, kena kotorkan tangan, Tun buat kerja tak payah kotorkan tangan.

1. Umno baru sebabkan oleh Ku Li 1987.
2. Memali sebab Musa Hitam. 1985.
3. Tun Ghafar jatuh sebab Anwar Ibrahim.
4. Hal-hal Petronas ; Tun yang Bagus.
5. Korporate bermasalah ; TNB, Proton, Plus dll, depa tak reti. Tun buat dulu tidak ada masalah pun.

Stail Najib sekarang banyak macam Tun, memang Tun di belakang Najib menentukan Dasar dan strategi semasa kerajaan sekarang. Hanya Najib tak pandai, Najib buat kerja tangan jadi kotor, Tun tolonglah Ajaqlah perabih.

Yang Benar  
Hazrin Salim Marjan  
hazriin@yahoo.com  
0192856285

By hazrin  on September 4, 2009 8:33 PM

Anwar Ibrahim is a "Political Beast"

Tun Dr Mahathir adalah orang yang paling sesuai untuk memberi gambaran Budaya Anwar yang sebenarnya, sejarah Budaya Anwar, pemikirannya, kecenderungannya dan mekanisma yang di guna pakai dalam Budaya Anwar dapat dikenal pasti dengan jelas oleh Tun Dr. Mahathir.

Sebagaimana Tun Dr. Mahathir, Dato Seri Anwar juga ialah "Political Beast", nafsu politiknya tidak boleh dikawal apabila Tun Dr. Mahathir dapat memancing beliau masuk UMNO. Sebagaimana Mahathirism yang mementingkan Imej dan persepsi Massa, Dato Seri Anwar juga mementingkan Imej, beliau pula mahukan Imej dan Brand Islam dipaparkan; Bank Islam, Universiti Islam, Takaful ujudnya Yayasan-yayasan Islam. Tun Dr. Mahathir yang sememangnya Dr. Perubatan, sebagaimana yang telah Tun Diagnose orang Melayu dalam Malay Dilema, Tun sentiasa memastikan Dato Seri Anwar Ibrahim akan berpuashati dengan Dose Imej yang telah Tun Prescribe pada anak didiknya ini. Hang buat ikut suka Hang, janji dalam kerangka Dosage dan Presripsi yang Tun tentukan.

Nafsu "Political Beast" Dato Seri Anwar jelas terpancing sehinggakan beliau memerlukan 20tahun untuk mengenal hati budi Tun Mahathir. Dalam proses itu, Dato Seri Anwar adalah menjadi tulang belakang Tun Mahathir dalam melaksanakan Dasar-dasar kerajaan yang pincang. Dato Seri Anwar tidak dapat menghidunya walaupun dengan Ilmu-ilmu Islam, organisasi, ekonomi yang ada padanya.

- i. Pelancaran Bursa Saham, Amanah Saham pada tahun 1980an. (Riba)
- ii. Pemecatan Tun Salleh Abbas bersama 5 Hakim besar Malaysia 1987.
- iii. Menjual Bond Petronas pada tahun 1994. (Riba)
- iv. Reserve emas yang tidak bertambah (72Tan) dan digantikan dengan simpanan wang asing (Riba) 1981-2000.
- v. Bersama dengan Mahathir membelakangkan pertanian. Sedangkan kadar Saradiri Makanan

Malaysia ialah hampir 100% pada tahun 1981. Ini telah menidakkan komoditi sebenar yang menjadi fundamental sebuah ekonomi negara. Kadar saradiri makanan Malaysia ialah 50% sahaja pada RMK8 dan RMK9.

Komen Tun dalam Budaya Anwar menunjukkan, Tun tahu semua apa yang patut dan apa yang tidak patut, walaupun Tun mengaku sendiri, kerangka sistem Demokrasi sendiri membenarkan Demonstrasi, kalau kita telah menerima sesuatu sistem, kita tidak boleh memilih separuh-separuh. Ataupun Tun ada ubat untuk semua penyakit politik dalam Malaysia, Tun boleh prescribed ubat yang patut dan patut, warna putih, hijau, kuning, bentuk tablet, capsule dan cecair. Tetapi semuanya Paracetamol.....Depa bukan tahu.

Agak menarik juga Budaya Mahathirism dengan Tip yang diberi "How To Muzzle Your Critic", tip yang diberi mengajar kita bagaimana kita boleh buat pekak badak dengan Mahkamah dan buat Bodoh sebagai tektik untuk mengatasi Critic.

Kelebihan Malaysia untuk menawarkan kepada pelabur asing melabur di Malaysia dah habis di gadai, Upah buruh yang murah RM200 sebulan pada tahun 1981 dah lepas. Upah buruh sekarang sekurang-kurangnya RM700 sebulan adalah tidak menarik untuk pelabur asing, janganlah dikaitkan dengan Demonstrasi.

Saya berada di Kuala Lumpur pada 1 Ogos lepas, polis membuat sekatan jalanraya dari jam 3 pagi hingga 9malam. Kesukaran berlaku di pinggir Kuala Lumpur apabila banyak sekatan jalan raya ini. Orang ramai bergerak menggunakan LRT, stesen Masjid Jamek ditutup. Pada jam 6 petang, trafik disekitar Kuala Lumpur masih tersekat-sekat, di Petaling Street, perniagaan jalan macam biasa.

Tun pernahkah bersama Demonstrasi, mai join sama dengan Zaid Ibrahim, provokasi datang dari pihak berkuasa sendiri, bukan dari demonstrasi jalanan. Suara rakyat perlu didengar walaupun tidak diikuti, Tun sendiri telah menegur dengan keras Dato Zahid Hamidi pada tahun 1998, "Awat tidak bangkitkan teguran dalam mesyuarat majlis tertinggi Umno semasa agenda perkara-perkara berbangkit" Dalam Demokrasi "Political Beast" sememangnya saluran yang nampak ada tidak boleh digunakan. Apabila dibangkitkan dalam perhimpunan UMNO pula, Tun tidak bersedia menjawab....

Demonstrasi adalah satu saluran dalam sistem Demokrasi yang kita anuti, samaada Tun rasa patut atau tidak patut adalah tidak penting. Sementara kita dapat makan lagi pagi dan tengahari ini, demonstrasi Haram yang dilaungkan masih terbuka untuk orang kata setuju atau tidak setuju. Kalau dah teruk sangat nanti, orang Melayu ini, tunggu dah tidak makan baru nak mengamuk, masa itu dah terlambat, Demonstrasi tidak perlu dirancang lagi, jangan risau permit. Orang dah lapar, Demonstrasi akan meletup dengan sendirinya, bawa periuk ke hulu ke hilir sebagaimana Argentina pada tahun 2001.

Anwar sebagaimana Idola politik beliau selama 20tahun adalah "Political Beast" yang mempunyai agenda tersendiri. Untuk Tun, Tun tahu masa Tun dah terlepas, pekong Tun telah terbuka satu persatu, Perwaja, Lingam, Tenaga, Dana Harta, Plus, Petronas dan lain-lain instrument yang Tun telah gunakan untuk menaikkan imej semasa era Tun. Sebagai seorang "Political Beast" yang cekap, Tun mahukan Media Coverage, issue diversion dan sedikit

popularity untuk kelirukan Massa, kalau-kalau ada pula RajaLingam A/L RajaKapor baru nak buka pekong.

Yang Benar  
Hazrin Salim Marjan  
hazriin@yahoo.com  
019-2856285

By afag  on September 4, 2009 2:02 PM

kijang...

Kan aku dah kata sebelum nie lagi...golongan "terpelajar" macam ko nie lah, golongan yang paling mudah terpengaruh dengan berita sensasi lagi penuh manipulasi....

Siapa suruh baca dan percaya pada berita yang disebarkan di dlm malaysiakini dan yg lain-lain...lihat sahaja komen2 pelawat dalam malaysiakini selepas mereka baca berita palsu tuu...hancur dan menyedihkan...generasi inilah yang kijang paling suka dan dambakan. Sungguh menjelikkan! Cara cakap ko pun dah takbur...agaknye itu yg ko warisi dari kedua orang tua ko tak? Ke ko nie tiru stail nana anwar ibrahim? atau sebab ko rasa seronok menjaja cerita melalut lagi palsu dlm blog nih.. sebab org tak nampak dan kenal muka ko...jgn lupa kijang...Allah nampak! Malaikat kat kiri kanan ko punnn nampak!

TIADA Sekelumitpun jiwaku merasa parah gundah atau beremosi bila melihat berita palsu yang telah diubahsuai dari cerita sebenar terpampang dalam laman sesawang tu...

Kijang...Sebagai contoh yang paling hampir utk hal pengetahuan ko...Kes ubahsuai dan kacau ganggu maklumat berita seperti ini juga telah dan pernah berlaku sewaktu "pool" undian untuk menerangkan hal ISA yang mana dijalankan oleh pihak KDN di dalam laman sesawang rasmi mereka. Akibat dari pencerobohan dlm sistem, maka maklumat data sebenar telah berjaya dimanipulasi oleh pengodam sehingga menyebabkan berlakunya salah faham dan perasaan sangsi dikalangan rakyat Malaysia.

So...bila ko bagi alamat laman sesawang bagi capaian berita2 tu untuk menyokong "kedangkalan" diri ko tu...aku sendiri dah jadi tak heran lagi...jadi kelakar hangit lagi adalah...sebab semua berita yang terpampang dalam laman2 tu mempunyai agenda dan jalan cerita tersendiri...iaitu ayat-ayat yg disusun cantik bagi berkesan dalam menjatuhkan maruah dan peribadi manusia lain serta membelitkan kata ucapan diri seseorang...lebih2 lagi bila ia melibatkan seorang anak Malaysia berbangsa Melayu yg beragama Islam.

Itulah matlamatnya dan natijahnya...diubahsuai begitu rupa supaya apabila dibaca, orang jadi mudah percaya, marah dan mula membuat andaian yang negatif...alahhh..senang cakap, orang yg seperti ko nie kijang...

Supaya golongan "terpelajar" macam ko ni,mudah dicucuk hidung dan dihambat jiwa raga dengan berita yang palsu...seronok tak jadi mangsa?

Aku juga dah tanya kat member2 yang kerja kat Penerangan, Bernama, Jaring, Mindef(mereka ni juga anak Malaysia yg "terpelajar" juga)...dan melalui maklumat yg mereka beritahu, berita2 tu sebenarnya telah berjaya dimanupulasi oleh penggodam yang berpangkalan di Malaysia dan diluar, yg mana mereka ini menggunakan alamat I.P yang berbeza-beza.

So...ini sebab aku tak heran dengan cerita taksu ko kijang...jadi rasa seronok pulak aku bila dapat tengok ada lagi orang "cerdik pandai" macam ko nie jadi mangsa kebodohan diri sendiri...

Kesian kijang...ko ni sebenarnya telah berjaya menghabiskan beras kedua org tua ko jer...belajar jer tinggi melangit, tapi otak ko letak kat mana? Mana Jiwa Malaysia ko?

Taksu dan takbur dengan generasi "terpelajar" shj...benda lain ko dah tak peduli...

aku nie berkata dengan bukti...bukti empat mata...tapi ko..bukti di alam maya sahaja...alam teknologi yg penuh tipu muslihat...

pasal 3 org doktor tuu...ko tahu sapa 3 orang tu...mereka tu kawan baik nana anwar ibrahim masa blajar dulu-dulu...alahh..masa gerakan pelajar tahun 60-an dulu...

so.. bila "medical report" keluar for sure mestilah "backup" member lama...habuan 3 org ni tetap ada... sebab tolong backup...jadi bab pasal angkat sumpah tu...stail "defence" anwar tetap sama iaitu "mampuih biao pi lahhh....nangui! sungguh depa ni...aku kan ada medical report apa...boleh guna kat mahkamah nanti...ucap sumpah mana boleh pakai...sumpah2 nie bolehhh jalan daaaa..."

jadi pasal tu...juak2 anwar dah warning dia, "jgn sebarang sumpah nana!, kelak nanti sumpah tu makan diri balik...nayaaaa kitaa!"...

kijang...tu lah...ilmu dunia jer ko cari..dan ko agungkan..benda bab kaitan agama ko leceh2kan...jadi terserlah sekarang siapa yg sokong sapa. Cara stail ko cakap jer dah tunjuk ko nie sayang sangat kat nana anwar ibrahim...ada ape2 ke korang dua nie...?

kijang...satu lagi, hentikanlah tiru stail dan gaya lenggok pena ku...kerana ko nie langsung tiada bakat dlm menirunya...ko meng"hampeh"kannya lagi adalah...

TAK perlulah ko kasihankan pada diri ku...

sebaliknya kenali diri ko dulu...matlamat hidup ko...

janji ko pada yg esa...

"taLKin" ku bukan kerana adat...tapi sebagai kata "tanda" ingatan kpd manusia berbangsa Melayu yg "suka" lupa seperti diri ko kijang...

aku anak Melayu yg juga membaca, bila berjumpa bertanya dan juga tak lupa mencatatkannya...

Khas untuk kijang...ketahuilah, ada pihak yg tengah pantau ko sekarang nie...jadi tak salah kalau ko berniat nak jalan undur semula...

Suara aku lantang kerana fakta, "jiwaragaku" jadi berani kerana keBENARan masih HIDUP! lagi...

By kijang  on September 3, 2009 11:49 AM

Kesian Afaq,

Untuk lebih parah lagi jiwa Afaq, sila baca pautan di bawah :

<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=434390>

<http://www.malaysiakini.com/news/110988>

Terbukti bukan saya mereka-reka cerita tentang ugutan dari Singapura, diakui sendiri oleh TPM.

Lepas ini jangan kata dimanipulasi lagi. Ini bukti, bukan persepsi. Dua agensi berita yang sah melaporkan.

Untuk makluman Afaq, generasi kami tidak terganggu langsung dengan provokasi dan kata-kata kasar atau biadap dari orang macam Afaq kerana kami berpegang pada prinsip fakta dan hujah yang kukuh, bukan persepsi atau emosi.

Saya dah menyahut cabaran Afaq untuk membuktikan wujudnya ugutan daripada Singapura. Itulah sifat orang terpelajar, berdasarkan bukti bukan semata-mata persepsi. Pandangan persepsi adalah bentuk pandangan orang lama yang malas membaca.

Selamat berpuasa Afaq. Jangan emosi ya bila melihat bukti.

By kijang  on September 3, 2009 6:22 AM

Kesian sekali lagi untuk Afaq,

Tak tenteram jiwa kamu untuk menelan fakta yang terpampang di depan mata. Masih bermain-main dengan emosi tanpa bukti. Semua bukti yang ada semuanya dikata dimanipulasi. Hanya emosi sahaja yang diterima sebagai bukti. Inilah mainan orang yang malas berfikir. Generasi kami tak rapuh dalam menyaring berita tetapi kami cukup kritikal sebab kami tak terikat dengan mana-mana parti atau individu.

Saya tak panggil bang-joe "bangang" tetapi saya kata jangan jadi "bang-ang" kerana percaya sumpah tetapi tak percaya laporan saintifik 3 orang doktor. Tak kan laporan doktorpun dikatakan dimanipulasi. Orang yang jiwanya sakit sahaja yang berkata demikian. Saya tak lupa Afaq.

Semua berita yang saya ambil dari sumber yang sah, iaitu daripada Utusan Malaysia dan Bernama. Laman web mykamujohor tu laman web penyokong UMNO. Tak kan agensi berita tu menipu dan dimanipulasi oleh penyokong Anwar.


Anwar bukan penting sangat, tetapi cara berfikir dalam menganalisis sesuatu yang penting. Ingat, kita mahukan fakta bukan andaian, emosi dan prasangka tanpa bukti!

Generasi kami tidak mudah ditipu lagi!

Cuba baca komentar yang saya ambil dari Mstar Online ( kepunyaan akhbar The Star - MCA punya, bukan penyokong Anwar yang punya )

[http://mstar.com.my/kolumnis/cerita.asp?file=/2009/8/11/mstar\\_cangkir\\_retak/20090811181524&sec=mstar\\_cangkir\\_retak](http://mstar.com.my/kolumnis/cerita.asp?file=/2009/8/11/mstar_cangkir_retak/20090811181524&sec=mstar_cangkir_retak)

\*Zaman Nabi mana ada talkin. Itu hanya adat orang Melayu - kesian Afaq, generasi lama yang perlu lebih banyak membaca dan belajar. Tak apa, selagi masih mahu belajar, masih belum terlambat.

By afag  on September 2, 2009 2:57 PM

kepada Kijang...

ni ada satu lagi...fakta dan maklumat yg sumbernya adalah benar dan cukup terkesan untuk menangkis tohmahan serta cerita karut yang dijaja oleh nana anwar ibrahim dan juak2 politikusnya...silalah baca...tak boleh baca...eja!

Singapore kini mempunyai apa yang dia panggil 'Four National Taps' -empat paip air nasional - untuk digunakan oleh rakyat jelatanya:

- 1) Air dari Johor,(DISALUR MASUK, GUNA PAIP BESI, melalui tambak Johor dari Loji Air Sg. Lingu.)
- 2) Air kolam,(tadahan khas)
- 3) NeWater,(air kumbahan domestik yang diproses suling semula)
- 4) Air laut yang diproses.(Desalinated water)

Jadi situasi sekarang sebenarnya sumber air DARI Johor kini kurang dari 50 % kegunaan air yang diperlukan oleh "Temasek Darul Haus"(gelaran khas untuk Singapore) jadi SEPATUTNYA TAK PERLU TIMBUL cerita ADA empangan AIR @ LOJI AIR DI JOHOR jadi milik mutlak Singapore.  
(DYMM SULTAN JOHOR PUN BOLEH JADI MURKA BILA DENGAR CERITA Karut Marut dan FULL OF BULLSHIT! seperti ini).

Ingat senang2 ke nak bagi atau jual tanah negeri, lebih-lebih lagi kepada negara asing TANPA PENGETAHUAN RASMI OLEH DYMM SULTAN JOHOR ATAU TMJ..ketahuilah setiap inci isi kandung "tanah" milik negeri Johor adalah dibawah Payung Naungan Pemerintahan dan Kedaulatan DYMM Sultan Johor.

Maklumat Yang sebenarnya ialah Singapore yang "setuju" nak biayai sendiri kos pembinaan fasilitati dan kemudahan2 teknologi untuk menyalur keluar air dari kws Sungai Lingu, Bandar Tenggara Johor. Sebabnya ketika itu Kerajaan Negeri Johor tidak mempunyai peruntukkan wang yang mencukupi untuk membiyai projek loji tersebut namun selepas ianya siap, segala kemudahan loji yang telah dibina disitu adalah menjadi MILIK MUTLAK DAN SAH KERAJAAN NEGERI JOHOR, MALAYSIA...manakala sumber air yang dialir keluar sahaja yang Singapore mahu...itu yang mereka minta(air) maka itulah yang mereka hanya layak dapat.


Tetapi dalam saluran "Malaysiakini", berita ini telah disensasikan dan diputar alam sembelit sehingga menyebabkan ramai pembaca dari anak-anak Malaysia yang terdiri dari pelbagai umur, bangsa, agama dan tahap pendidikan menjadi salah faham dan hati dan minda mereka ini mula membuat andaian dan dakwaan fitnah dan menyeleweng lagi merugikan diri mereka sendiri...(bab ni, setan turut sama bergembira dan bersorak riang sebab kuotanya "didalam sana" semakin penuh dan sedang mencapai sasaran...)

Bila ini terjadi, maka tercapailah maksud propaganda gelap nana Anwar Ibrahim. Pesta Boria politiknya sekali lagi berjaya menghambat anak2 Malaysia terjerumus tergolek bersama ke mainan putar alam politiknya.

So kepada semua...terutama KIJANG, sekali lagi disarankan agar terus mencari dan menyelidiki fakta dan data tentang sesuatu perkara atau peristiwa berdasarkan kepada rujukan dari sumber yang sah dan lebih dipercayai.

Janganlah "latih diri" untuk dengan mudah menerima dan menjaja sesuatu berita atau cerita tanpa usul periksa, kita biarlah berhujah dan berpena di dlm blog ini dengan cara yang lebih bersemangat cintakan tanahair dan membina jiwa yg terus Merdeka!

BILA MELANGKAH, BIAR KE HADAPAN...BUKAN KE BELAKANG...

By afag  on September 2, 2009 1:32 PM

SELAMAT TENGAHARI MALAYSIA...

Kijang...saya dah berfikir dan telah "cuba" memahami apa yang terbuku di dalam jiwa anda sekarang...dan kesimpulan yg boleh saya nyatakan disini adalah nana anwar ibrahim TETAP LAYAK DIGELAR sebagai pengkhianat bangsa dan negara. Sikap khianat ini telah berlaku sejak dia berada di dalam UMNO lagi...memang suatu kenyataan yg pahit untuk ditelan, tapi itulah sketsa sebenar boria politiknya sehinggalah kini.

Untuk apa dan sebabnya kijang tetap mempertahankan kebatilannya dan propaganda politiknya tidaklah saya ambil peduli...sebab kijang ada berkata, ini negara demokrasi...bukan negara satu parti...jadi tiada gunanya saya berhujah panjang lebar dengan orang yg "terpelajar" sebegini...jadi ko kena faham2lah sendiri maksud "tersirat" saya ini.

Saya ada berkata kasar?...atau diri kijang sendiri yang tak sedar?

Kijang sewenang-wenangnyanya menggelar "abang Joe", diri saya dan rakan-rakan lain dalam blog ini "Banggang!" Awak mudah lupa ke?

Bahasa saya yg kasar ke atau kata-kata awak yg lagi kasar dan lagi biadap...Nah! Terbukti jiwa dan mental kijang tidak sekuat mana...hanya dengan kata-kata keras dan pedas dari saya, hati kijang mudah terasa dan jiwa jadi berkocak gulana.

"Meludah merata tempat, terludah kena pipi sendiri..."

Fasal cerita karut isu empangan dan sumber air Singapore yang mana kijang susah payah korek dalam internet dan dari sumber yg lain, sebenarnya isi beritanya telah dimanipulasi dan telah diubah suai kandungannya oleh geng-geng dan juak politik anwar.

Tiada langsung kenyataan sebegitu rupa telah dikeluarkan oleh kedua-dua pihak. Ingat sikit kijang...,ugutan atau sebarang kenyataan yg bersifat ancaman melancarkan perang@serangan dari seseorang pemimpin oleh sesebuah negara adalah merupakan satu bentuk kesalahan ugutan keselamatan yang besar impaknya terutamanya pada serantau ini...perkara sebegini boleh dibawa ke Majlis Keselamatan PBB untuk tujuan bantahan rasmi serta kecaman antarabangsa.

Kijang ingat dua negara nie takde Menteri Luar Negeri ke...takde Panglima Angkatan Tentera? Ko ingat jiran terdekat kita Indonesia nak berdiam diri...Apa? Kijang ingat senang-senang jer ke seseorang tu ugut nak "declare war" dan tempah maut yg sia-sia...

Logik ke?...Berbaloi ke?...Pasal nak pakai air milik Mutlak Allah S.W.T, sampai sanggup nak berperang-perang...nak berbunuh-bunuh...apa punya cerita "bengong" yg ko dapat dan percaya nih...

Lihatlah kijang...bagaimana ceteknya dan dangkalnya ilmu dan mental seorang yg "terpelajar" seperti kamu ni dalam menerima input sesebuah berita...begitu mudah percaya dan bulat2 pula menerimanya. Berita sensasi penuh manipulasi memang menjadi santapan hati nurani generasi terkini...kesian kamu kijang...sungguh merugikan...

Sepatutnya menjadi kewajipan kita sebagai anak Malaysia yg bertuah ini, untuk menyangkal cerita palsu dan dakwaan melalut seperti ini...bukannya menyokong dan menjaja cerita tipu lagi karut ini.

Renungkanlah bagaimana jiwa kita ini begitu mudah menerima sesuatu, baik yang palsu dan juga yg sah. Tak kiralah sumbernya dari siapa dan untuk siapa. Mana pergi rasional dan nilai kewajarannya?

Kali ni "turn" ko utk fikir balik kijang...  
nanti ko letak lengan atas dahi masa baring...dan "start" fikir...

Begitu rapuhnya pedoman dan mental generasi sekarang(seperti ko kijang...)dalam menapis dan menerima input tentang sesuatu isu, lebih-lebih lagi tentang isu negara yg cukup sensitif.

Ia telah menjadi satu polemik dimana ia sukar dikawal akibat dari sikap dan perbuatan m.a.n.u.s.i.a yg sememangnya taksub,ujub dan suka mencari kesempatan atas kelemahan manusia yang lain.

Fasal suruh baca kenyataan bloggers yg lain dalam sebahagian "modal sokongan" ko dalam isu ni...saya rasa dia pun sama "dua kali lima" pael macam ko kijang...cuma sayangnya ko langsung tak perasan dan langsung tak tahu malu tentangnya.

What a waste! for a waste person like U...

Sekali lagi seorang anak Malaysia telah "mati" akibat kerakusan wacana juak-juak politikus nana anwar ibrahim.

Kasih...dan "apo nak dikato laie..."  
sudah jadi nasib badan si kijang dan sipolan -sipolan yg lain...

Talkin...

By kijang  on August 30, 2009 6:46 AM

Kesian Afaq,

Baca soalanpun susah nak faham. Isunya ialah, komen pertama anda berkaitan Anwar Ibrahim. Langsung tidak ada fakta, semuanya persepsi sahaja. Kita perlukan fakta. Kedua, soal pengkhianat negara. Cuba buka fikiran dan jangan berpolitik cara kampung. Bila orang tak sama ideologi dengan kita, maka kita tuduh dia pengkhianat. Berikanlah faktanya. Ini negara demokrasi bukan negara satu parti. Jadi orang yang bersandarkan fakta bukan emosi. Tuduh saya beremosi, tapi cuba bandingkan tulisan saya dengan tulisan saudara, siapa yang beremosi dan menggunakan kata-kata yang kasar. Untuk dapatkan fakta berkaitan empangan singapura di johor tersebut cuba baca laman web di bawah :

[http://www.mykmujohor.com/index.php?option=com\\_content&task=view&id=606&Itemid=53](http://www.mykmujohor.com/index.php?option=com_content&task=view&id=606&Itemid=53)

Petikan berita ini daripada Utusan Malaysia. Cuba baca maksud tersirat daripada berita yang dipaparkan. Apa maksud, " Johor ambil alih dua loji diurus oleh Singapura "? Sebelum ini Singapura ke yang urus sumber alam di Malaysia? Berapa banyak lagi sumber alam Malaysia yang orang lain uruskan?

Sebelum tu baca juga komen di bawah ini :

By vivakl on August 26, 2009 2:05 PM

Thanks for comment Tun...

Looks like someone is lying here... in your link to Bernama news - Muhyiddin state:

"Lee said Singapore was ready to go to war if Malaysia did not want to supply enough water and expressed his regret over the stalled water supply project from Sungai Lingu."

But Tun clarify this point where Lee never mentioned that.

'But Lee Kuan Yew did not threaten to go to war if we did not supply water. If he had done that, I think I would have stopped any further supply. '

I'm just wonder why these politician 'Orang Besar' like to twist their words?

How can people believe a politician without honesty.

Appreciated and thanks for the truth Tun.

Fikirlah sendiri.

By Hayati Tesla  on [August 29, 2009 7:32 AM](#)

Assalamualaikum,Sir!First of all,i hope u and your wife in a very good condition!!

There is one thing that really irritate my mind,one thing that called FREEMASONRY. Some say that its a Jewish secret society that trying to make a path for Dajjal throught out this world. You may say that 'wo!this girl way to nuts!' but i'm talking the truth,well,do you think it make any sense that Anwar is one of the Freemasons??and all over bunch of newspapers and websites described Anwar Ibrahim as 'boneka amerika' and i also keep wondering why America's magazine always flattering Anwar even there's nothing to be proud of!

>>> Sir, i would like to hear your explanation about Illuminati and i hope you willing to make up this 14 years old girl day!

'Teachers are the one and only people who save nations'-Mustafa Kemal Ataturk

By sai  on [August 28, 2009 1:19 AM](#)

salam sejahtera kepada TUN MAHATHIR!

ini kali pertama saya memberi pendapat dalam blog ini dan amat berbesar hati tentangnya kerana dapat melihat pandangan peribadi dari Tun tentang isu-isu yang timbul serta dapat menilai pandangan yang telah diberikan dari banyak pihak.

Tanpa berlengah lagi, saya ingin mengutarakan dua konsep besar yang sering menjadi isu di negara kita iaitu konsep RASUAH dan HADIAH yang sering dikaitkan kepada pemimpin rakyat.

Kita perlu sedar, jangan terlalu menyamakan kedua konsep ini. untuk menerangkan mengenai konsep HADIAH, saya ingin membawa satu teori ekonomi yang dikenali sebagai 'utilitarianisme' yang dibawa oleh Jeremy Bentham, dalam teori ini ada ditimbulkan satu persoalan, adakah sifat tamak seseorang individu mampu membawa kegembiraan kepada masyarakat? jawapannya adalah, tidak semua. ini bererti, ada juga yang benar. jadi, apa perkaitannya dengan rasuah serta pemimpin rakyat. anda tentu sedar, hidup menjadi wakil rakyat bukannya mudah, hampir tiap hari rakyat akan datang mengadu masalah masing-masing. sebahagian terbesar dari masalah ini melibatkan kewangan. masalah bil elektrik tertunggak, rawatan anak di hospital, yuran belanja persekolahan anak-anak, pinjaman kereta yang belum terbayar, rumah terbakar, kematian saudara, perkahwinan, belanja kenduri dan banyak lagi hinggalah masalah-masalah yang kita tidak pernah terfikir (pernahkah anda terfikir bahawa adanya rakyat yang akan menjual kuih muih kepada pemimpin sekiranya ianya tidak laku dijual?) . beban kewangan pemimpin amatlah besar sebenarnya dan jauh melebihi gaji+elaun+bonus+tiket penerbangan percutian+hiburan dan banyak lagi. Ini tidak termasuk belanja ketika adanya perhimpunan agung parti serta pilihanraya. pemimpin perlukan dana untuk banyak berjasa, jika anda terfikir akan saluran bantuan kerajaan yang betul, ia akan memakan masa yang amat memeritkan bukan sahaja bagi pemimpin, tetapi juga kepada mangsa keadaan. saya ingin memberikan anda satu persoalan besar, sekiranya mereka tidak mempunyai kapasiti perbelanjaan besar, bagaimanakah mereka menjadi pemimpin sejati didalam dunia yang mempunyai banyak individu tamak yang turut bercita-cita besar agar pemimpin sebenar dapat berbakti kepada rakyat?

saya beri anda satu situasi? ada projek ingin dilaksanakan yang tujuannya seperti biasa adalah untuk kebajikan rakyat, tender telah dibuka, kemudian perantara mengikut saluran yang betul di'tambah' dengan usaha bertemu dengan pemimpin untuk melobi dengan membuat 'perjanjian' tertentu. seperti yang diharapkan, pemimpin memberi kelulusan kontrak kepada perantara, lalu perantara melantik kontraktor, dan seperti yang dijanjikan, perantara kemudiannya memberikan tanda terimakasih melalui pemberian 'hadiah' kepada pemimpin tersebut dan kontraktor pun menjalankan tugas, rakyat pun mendapat manfaat dan kebajikan . anda perlu menolak faktor kualiti kerja kerana tidak semua kerja adalah teruk sebab sama seperti kerja kontraktor lain, kontraktor ini adalah mahir dan telah membuat perkiraan kos. adakah ini salah? atau adakah ini antara cara yang perlu diikuti pemimpin sebenar untuk mendapatkan dana. anda jangan lupa, jika pemimpin ini tidak melakukannya, pemimpin tamak akan membuatnya. apabila pemilihan parti tiba, ada beza impaknya antara pemimpin berkapasiti tinggi dengan pemimpin tanpa kapasiti, anda juga jangan lupa rakyat yang tidak mampu membayar bil elektrik tadi juga turut membuang undi dan pastinya menyokong pemimpin yang membantunya. jadi, untuk berjasa, pemimpin banyak kalanya akan mengikuti langkah ini, iaitu menerima 'hadiah'.

konsep RASUAH pula seperti biasa amat buruk impaknya, antaranya ialah tindakan pemimpin teruk yang menjual syarikat berkaitan kerajaan (GLC) kepada pihak lain untuk mendapatkan untung. ini amat memburukkan faedah kepada masyarakat. balasan pastinya akan tiba kepada pemimpin jenis ini. begitu juga kiranya pemimpin yang terlalu tamakkan 'hadiah' sehingga sentiasa memberikan kontrak kepada kroninya sahaja untuk hidup mewah tanpa memandang rayat, maka barulah konsep 'hadiah' akan dikategorikan sebagai rasuah.

tetapi dari segi perundangan dan bahasa rakyat, konsep 'hadiah' turut dikategorikan sebagai rasuah dari awal lagi. kedua-duanya dahulu membuatkan anda membenci pemimpin tertentu. namun anda tahu bezanya sekarang bukan?

anda perlu tahu, pemimpin UMNO dan pakatan rakyat pastinya pernah berdepan dengan dilema ini atau pastinya akan berdepan dengan dilema ini. mungkin bagi pemimpin pakatan rakyat, mereka masih kurang kerana mereka masih mampu menampung beban ini, tetapi bukan dalam jangka masa panjang. mereka juga mungkin masih belum memahiri 'lubuk-lubuk' untuk mendapatkan dana.

jadi, apakah tujuan saya bercerita panjang lebar mengenai konsep rasuah dan hadiah. jawapannya ialah kerana saya ingin memantulkan kepada anda salah satu dilema yang dihadapi pemimpin. Dan saya memberi peluang kepada anda semua untuk mengulasnya.

INSYAALLAH saya akan memberi komen mengenai satu konsep besar lagi dimasa hadapan sekiranya saya diberikan kesempatan, iaitu adakah Pakatan Rakyat mampu menawan Sabah dan Sarawak?

By Kamaruzaman Zainal  on [August 27, 2009 2:39 PM](#)

Tun,

Anwar Ibrahim (DSAI) adalah satu INSTITUSI yang mempromosi pelbagai budaya negatif di negara ini... Demonstrasi, Korupsi, Kroni, dsbnya adalah permainannya. Malangnya, ramai terpengaruh dengan agenda dan ajaran songsang institusi ini. Ramai yang bangga merasakan diri mereka intelek dan berfikiran kritis dengan ijazah bergulung-gulung menerima idea-ideanya lantaran merasakan mereka mewakili generasi baru tanpa menyedari budaya ini sama seperti AJARAN SONGSANG yang kabur dan salah matlamat akhirnya. (Ramai pengikut AJARAN SONGSANG juga berpendidikan tinggi dan intelek)...

Jeliknya DSAI...

By sang pendeta  on [August 27, 2009 7:34 AM](#)


selamat pagi tun..

saya adalah pendatang baru dalam blog ini.. jadi izinkan saya untuk mengajukan satu soalan tanda berjabat salam..

sejak pemerintahan malaysia diketuai oleh PAK LAH, beliau telah menggunakan dasar TELUS dlm pentadbiran malaysia. dalam pengamatan saya dasar tersebut menjadi titik permulaan terhadap kepingangan pentadbiran politik malaysia hingga ke hari ini.. adakah itu dianggap satu

kejayaan terhadap dasar yg dilaksanakan oleh PAK LAH. jika benar berjaya saya berharap tun dapat menerangkan dimana kejayaan itu atau sebaliknya..

sekian,  
sang pendeta..

By afag  on August 26, 2009 5:43 PM

untuk si kijang lagi...

dan untuk mereka2 yang dahagakan pengetahuan am dan sentiasa merendah diri...

tak macam sorang nie...yang "terpelajar" dan menilai secara "kritis"...ye ker???...

DTSS - Deep Tunnel Sewerage System.(DIGUNAKAN OLEH SINGAPORE UNTUK RAKYAT JELATANYA.) Maaf artikel ini terpaksa di ceritakan di ruangan ini, kerana terdapat segelintir manusia yang mengaku anak Malaysia tetapi lebih percaya pada cerita palsu dan sensasi di sekeliling mereka. Begitu Taksubnya mereka mengatakan ada sebuah empangan milik Singapore terletak di negeri Johor dan empangan ini tak siapa boleh usik, sebab kalau usik, Singapore balas dengan serangan ketenteraan. APA PUNYA CERITA DONGENG NI! MANA PUNYA SKRIP BENGONG DEPA PAKAI NIE.. DAN SAPA PULAK YANG JADI TUKANG KARUT DALAM HAL SENSITIF NI...TAK TAU LAAA....

UNTUK TANGKIS CERITA KARUT TU, SAYA NAK SHARE SIKIT CERITA DISEBALIKNYA....

Singapore TAK BERGANTUNG sepenuhnya pada bekalan air yang diperolehi dari negeri Johor saja, mereka juga ada menyediakan satu teknologi proses rawatan air untuk digunakan oleh rakyatnya. Salah satu kaedahnya ialah sistem DTSS. Semua air kumbahan (air IWK lah, kalau ikut kata orang Malaysia) di Singapura dibawa ke DTSS ini untuk dibersihkan dan diproses. Setelah suci (tetapi mungkin orang masih geli-geliman, ia dipam masuk ke kolam air tadahan untuk dicampur, kemudian diproses sekali lagi sebelum anda semua meminumnya dari air paip di setiap apartment atau bilik hotel anda di Singapore. Nama rasmi air yang siap telah diproses DTSS ini tadi ialah "NeWater".

So untuk kijang...jangan mengarut...sila buktikan fakta anda di dalam blog ini...kami semua nak tengok...jgn pandai cakap...lepas tu membebel cakap besar tak tentu pasal...konon diri lebih "terpelajar"...lebih pandai menilai dan tidak mudah tertipu...

Kalau bersedia...bantangkanlah...saya nak tengok sejauh mana kebijaksanaan dan tepatnya fakta dari generasi yang kamu agungkan itu...

By kara.aku85  on August 26, 2009 5:09 PM

what the point of having power today,(maybe for a few years before we went back to where we came from) if our next generation, the sons, daughters and their descendant won't even have a country to govern?

By afag  on August 26, 2009 1:33 PM

KIJANG...


lupa pula nak beritahu...pasal cerita palsu yang ko dapat dari sumber mana pun lantakklahh..mengenai empangan tu...rasanya ko tak baca lagi data-data bloggers yang lain termasuklah diri saya bermula pada bulan mei,jun,julai 2009 dalam bab tajuk crooked bridge dan juga bab tambak johor. Baca dulu...ada jawapan yang relevan untuk di"compare" dengan cerita karut yg ko dengar tu...

Kebanyakan data yang sah lagi tepat ni datang dalam bahasa Inggeris...so harap ko faham..jika tak guna kamus untuk bantu...

satu lagi...lain kali jika ada soalan yg nak ditanya atau apa jua...biarlah jangan jadi tergantung..

atau kelak nanti ko akan dapat semula jawapan yang kurang menyenangkan hati dan jiwa raga...

selamat bertanya...dan berkata...

By afag  on August 26, 2009 1:11 PM

kepada kijang...

AKHBAR AGENSI MANA? BILA? SIAPA YANG NYATAKAN STATEMENT TU...?  
SIAPA WARTAWAN TU?

KALAU SAYA TAK PANDAI BACA...TAK KAN SAYA BOLEH MENAIP BALAS  
SEMULA...

KO NI RABUN KE ATAU BUTA HURUF(kata "terpelajar"... ) NAMA SAYA PUN KO  
SALAH EJA...LIHAT betul2 la...

APAHAL TETIBA KO JADI SO EMOSI DAN MENGATA SAYA NI BERBELIT BELIT  
DAN LARI DARI TAJUK, KADUK APA EH OR WHATEVERLAA...

KENYATAAN SAYA RELEVAN APA...CUMA CARA SAYA HURAIKANNYA DENGAN  
LEBIH LUAS DAN BERKIAS...NAMPAKLAA SANGAT NIAT HATI KO DAN  
KETAHANAN MENTAL KO TAK ADA, ZERO...ELEKK..

SEBALIKNYA KO NIE MAKHLUK ALLAH YG MUDAH MELENTING, MUDAH  
EMO...DAN MUDAH MENGALAH...

SEPATUTNYA ORANG "TERPELAJAR" MACAM KO NI..DAPAT "ABSORB" PERKARA  
SEPerti INI DENGAN TERBUKA DAN MEMBINA DLM BLOG INI.  
KAN SAYA DAH KATA AWAL 2 DULU...IA MUNGKIN AKAN MEMBUATKAN DARAH  
TINGGI KO NAIK...MAKA STRESS PUN TERCETUS...LAST SKALI...STROK! KAN  
NAYA!

KO TANYA TENTANG ISI PERJANJIAN APA?  
NAK SURUH ORG CAKAP SESUATU...KO BERITAHULAA APA TAJUKNYA DAN  
PERJANJIAN MENGENAI APA? NI TAK, SOALAN KO TERGANTUNG?  
SAPALAH...YANG AJAR KO JADI SAMPAI MACAM NIE...?  
GAGAL SUNGGUH DALAM PENYAMPAIAN MAKSUD!

TENTU BAPA KO PUN SETUJU NGAN AKU, KALAU DIA BACA TEKS KO DLM BLOG NIH...

kan bah...betul tak apa saya kata...

BAB TUDUHAN SI ANWAR IBRAHIM SEBAGAI PENGKHIANAT ADALAH WAJAR SAMASEKALI...BAHKAN IA PATUT DI SEBARKAN AGAR ANAK-ANAK MALAYSIA YG DIKASIHI DAN SELURUH ISI NUSANTARA TAHU BAGAIMANA RUPA DAN CARA IA MENGGHIANAT TANAH AIR INI.

KHIANAT DALAM DIAM ADALAH LEBIH MERBAHAYA DARI MARAK API DI DALAM SEKAM!


MEMPERGUNA DAN MEMPERKUDA-KUDA BELIA PERTIWI LEBIH BAHAYA DARI MENUNGGANG SIKUDA BETINA!

JANGAN KERANA AKIBAT SIKAP KRITIS JUAK2 POLITIKUS SEPERTI KIJANG INI, SUASANA HARMONI DI DALAM BLOG INI AKAN TERGANGGU GUGAT DAN TERCELA...

PENYAMPAIAN MAKSUD HARUS TEPAT DAN RELEVAN. JGN DIAMALKAN SOALAN TERGANTUNG DAN MEMBAWA ISU YANG TIDAK DIMENGERTI, JIKA TIDAK MAHU MELIHAT JAWAPAN YANG BOLEH MEMBAKAR HANGUS PERASAAN DIRI SENDIRI...

SO...TERUSKANLAH AMALAN MEMBACA DAN BERKONGSI ILMU...

RAHMAT BAHAGIA TANAH AIRKU!

By afag  on August 26, 2009 11:40 AM

selamat pagi Malaysia...

artikel ni khas ditujukan kepada KIJANG...untuk dijadikan rujukan terkini dan ilmu pengetahuan beliau serta boleh dikongsi bersama rakyat Malaysia yang lain...

Untuk kijang, sila dan sudilah membacanya...(maaf sebab ia dalam B.I sebab lebih mudah dan lebih "global" sikit...)

Republic of Singapore officially commissioned the Changi Water Reclamation Plant that can treat 800,000 cubic metres of used water daily. The plant is part of the republic's Deep Tunnel Sewerage System (DTSS) that was conceived to meet Singapore's needs for the collection, treatment and disposal of used water over the next 100 years.

The plant was launched by Singapore Prime Minister is to coincide with the International Water Week event. The project was an important milestone in Singapore's "water journey" over the last half century. The service then depended on a bucket system with a rudimentary network of pumping stations and shallow sewers that led to two treatment plants, it was only in 1997 that modern sanitation was finally brought to every single Singaporean.

The \$3.65 billion and 50km-long sewerage system is like a superhighway running 20 to 55 metres underneath Singapore that links an extensive network of sewers from homes and industries into centralised water reclamation plants.

The system which is being developed in two stages, will first convey used water from the northern and eastern parts of Singapore to the Changi Water Reclamation Plant for treatment. The second phase which will take over 10 to 20 years to implement will then serve the used water needs of the western part of the island republic. With the DTSS, Singapore could gain about 1,000 hectares of land or three times the size of its Central Business District when the land occupied by used water plants and pumping stations would be released for development.

The treated used water from the Changi Water Reclamation Plant was also a vital feedstock for large-scale production of NEWater, Singapore's own brand of reclaimed water. Singapore's fifth and largest NEWater plant is currently being built on the rooftop of the water reclamation plant, and together with existing plants, the republic will have enough NEWater capacity to meet one-third of its water needs by 2010.

So...MENARIK TAK CERITA INI...untuk kijang di sini saya ulangi sekali lagi beberapa fakta menarik tentang air yang Singapore guna selama ini dan yang terkini. Saya bukan orang Singapore, tapi saya ada saudara mara dan rakan taulan yang menetap disana, jadi saya dapat "belajar" satu pengetahuan baru...

Singapore kini mempunyai apa yang dia panggil 'Four National Taps' -empat paip air nasional - untuk digunakan oleh rakyat jelatanya:

- 1) Air dari Johor,(DISALUR GUNA PAIP BESI, melalui tambak Johor)
- 2) Air kolam,(tadahan khas)
- 3) NeWater,(air kumbahan domestik yang diproses suling semula)
- 4) Air laut yang diproses. (Desalinated water)

Jadi situasi sekarang sebenarnya air dari Johor kini kurang dari 50 % kegunaan air yang diperlukan oleh Temasek Darul Haus.(gelaran khas untuk Singapore...he..he..he), jadi SEPATUTNYA TAK timbul cerita ADA empangan DI JOHOR milik Singapore.(SULTAN JOHOR PUN BOLEH JADI MURKA BILA DENGAR CERITA Karut Marut dan FULL OF BULLSHIT! seperti ini).


Pelik sungguh bila cerita ni keluar dari mulut seorang yang "terpelajar". Mana kijang dapat sumber yang menyeleweng ni pun, tah laa...

Cuma yang panas baru2 ni cerita mengenai Projek Seri Iskandar bakal menjadi salah satu tempat atau sumber potensi baru bagi keperluan bekalan air bersih untuk Singapore...itupun keluar berita...

Macamana kijang...puas hati tak dengan ilmu pengetahuan yang sedang dikongsi ini...kalau tak puas...atau menyampah...saya sudi tulis lagi mengenainya...biar berkajang-kajang, sampai kijang faham dan KEJANG!...nak tak...

So kpd yang lain...terima kasih daun keladi kerana sudi membaca...

INDAH PERMAI & BERTUAH TANAH AIRKU!


By kijang  on August 25, 2009 6:51 PM

Salam Afaq,

Bukan saya yang takut pada serangan singapura, tapi bacalah akhbar siapa yang cakap! Afaq ni pandai baca ke tidak? Selalu beri komen tersasar dari mauduk ( tahu ke makna "mauduk" ni?) asal perbincangan. Melalut tak tentu arah.

Saya ingatkan Afaq dah tahu isi perjanjian. Sebab itu sedap mulut je kata orang pengkhianat. Saya yang hanya mampu mendapatkan data melalui pembacaan ini tak sanggup mengata orang pengkhianat. Sebab tuduhan ini amat berat.

Satu perkara yang nyata, kami dapat menganalisa apa yang berlaku. Generasi kami tidak lagi mudah ditipu!

By wajaperak  on August 25, 2009 11:04 AM

Dengan izin Tun..Terima Kasih

Aaron Naga

I think you a brave man and have lot zeal and zest in life.Don't you know certain trait's are intimidating for many?Hence you don't have much headway in life...:)

DAH PULAK TUU.. SANGGUP PULA GOLONGAN MANUSIA YANG BERBAGAI BANGSA, AGAMA DAN UMUR INI UNTUK DUDUK BERSAMA BERKUBANG BERGELUMANG DENGAN KEKOTORAN POLITIKNYA INI... MANA TAK NYA... SEBABNYA MUDAH, ... ANDA SEMUA INI TELAH DENGAN MUDAHNYA DIBUTAKAN IMAN, HATI DAN AKAL DENGAN RENTAK LAGU HITS BORIANYA DEMI SEMATA-MATA UNTUK BERJOGET LIGAT BERSAMA MENGIKUTI ALUNAN MENDAYU LAGI TANGKAP LALOK LAGU-LAGU BERKUDIS DAN BERNANAH POLITIK DUNIAWI YANG DITULIS LIRIKNYA OLEH ANWAR IBRAHIM...

CUKUP LUNAK DAN ASYIK BILA DITAMBAH BERSAMA DENGAN LIRIK BAK SOS BERAPI YANG TERHASIL DARI KATA DUSTA DAN NISTA YANG DICIPTA

BERSAMA DENGAN CAMPURAN LIRIK IDEOLOGI YANG SONGSANG LAGI  
MEMESONG!

IA TELAH MENJADI SANTAPAN HARIAN MINDA DAN JIWA GOLONGAN MANUSIA  
YANG MASIH TAK SEDAR-SEDAR DIRI LAGI... SEHINGGAKAN SEMUA  
PEMINATNYA BAKAL MENGGIGIT JARI!(bukan 5 jari lagi dah..., tapi sepuluh jari!)DAN  
HANYA TINGGAL SEHELAI SEPINGGANG.(awas! ini bukan donggengan, tapi bakal jadi  
satu kenyataan...jika boria politik seperti ini terus berkumandang!)

JADI... KITA YANG MASIH WARAS DAN CEKAL INI HARUSLAH MENGHINDARKAN  
DIRI SECARA TOTAL DARI TERJEBAK BERSAMA DALAM KUMPULAN BORIA  
YANG DIPENUHI DENGAN GOLONGAN MANUSIA YANG DIMAKSUDKAN TADI...

MOGA SEGALA PERBUATAN BURUK DAN SIKAP GELAP MANUSIA SEPERTI INI  
AKAN PUPUS SELAMANYA DAN KELAK MENJADI PERINGATAN YANG BERGUNA  
DAN TIDAK SESEKALI MUDAH DILUPAKAN OLEH SETIAP BAKAL ANAK  
GENERASI MALAYSIA YANG MENDATANG...

SENTOSA DAN BERSATU MALAYSIAKU!

By Dan  on August 17, 2009 5:33 PM

Assalamualaikum Tun,

Pada pendapat saya, rakyat Malaysia sekarang sudah terlalu bijak sehingga tidak tahu  
membezakan mana yang baik atau tidak.., apakah yang dibuat itu mendatang kebaikan atau  
sebaliknya..

Ya, mungkin di zaman Tun berkuasa, Tun dan kroni2 Tun.. ada melakukan kesilapan-  
kesilapan di dalam pentadbiran semasa memerintah (hakiki sebagai manusia..tidak lari dari  
melakukan kesilapan dan dosa) akan tetapi apakah jika ditakdirkan Anwar berkuasa kelak,  
apakah tidak ada kesilapan langsung yang akan berlaku pada pentadbirannya..jawabannya tetap  
sama (manusia biasa yang tidak lari dari kesilapan dan dosa)

Berbalik kepada keadaan sekarang, akibat dari kerakusan manusia yang ingin mengejar cita-cita  
untuk menjadi PM dan orang-orang yang menyokongnya membabi buta dengan alasan keadaan  
akan menjadi lebih baik di masa hadapan jika Anwar memerintah..,pada saya itu cuma mimpi-  
mimpi yang indah yang belum pasti terjadi...

Kita lihatlah keadaan sekarang.. sudah terang lagi bersuluh..

1. Berdemonstrasi tetapi tak kena tempat..mengganggu orang awam..
2. Memperlekeh orang yang bukan sebangsa atau seagama.. orang melayu cerca orang cina,  
orang cina cerca orang beragama islam dan lain-lain lagi..
3. Orang-orang Islam seagama dan sebangsa pun boleh menghina di antara satu sama lain..
4. Perlembagaan yang menjadi tunjang kekuatan rakyat Malaysia diperkotak-katik sesuka hati,  
oleh sesiapa sahaja..

5. Orang cerdik pandai dan terpelajar, orang-orang politik.., sesuka hati menggunakan kuasa dan akal fikiran mereka untuk memanipulasi apa jua keadaan untuk kepentingan peribadi...


Apakah berbaloi semua ini ? Jadi apakah kita rakyat Malaysia, sudah tidak boleh atau terlalu malas untuk berfikir..???

Apakah ini yang dikatakan pembaharuan yang lebih baik jika Anwar berkuasa kelak..????  
(Belum berkuasa lagi dah macam-macam perkara timbul)

Apakah sesudah keadaan menjadi buruk (huru-hara) bak kata pepatah nasi sudah menjadi bubur baru kita nak ingat..; apakah bila ada orang bercakap.., dulu tak macam ni pun atau lagi bagus dahulu dari sekarang rupanya atau menyesal aku, kalau aku tahu aku tak buat macam ni dulu..  
(tetapi semuanya telah terlambat)

Pendapat saya, dengan umur saya yang semakin meningkat dan anak-anak saya yang masih bersekolah, tidak patut saya mewarisi keadaan yang tidak menentu di masa akan datang, tidak sanggup saya melihat keadaan yang aman damai sekarang bertukar menjadi huru-hara hanya disebabkan kebodohan diri sendiri.. TIDAK SAMA SEKALI..

Oleh itu saya menyeru kepada semua yang membaca tulisan saya supaya marilah kita merenung bersama-sama.. hidup bersama dengan aman damai, hormat-menghormati antara satu sama lain, nasihat-menasihati sesama kita dan sentiasa melihat kekurangan yang ada pada kita sebelum melihat kepada orang lain..

By harumee  on August 17, 2009 5:28 PM

oh m'sian politics..

i got a..notso good dreams d other nite..about our beloved country..

powerful ppl up there (ministers n hi rank politicians) should watch their deeds, n what theyre doin..'terlajak perahu boleh diundur'

hopefully it was just another dreams..

Semoga aman tanah airku..aminnn

By nisanwar  on August 17, 2009 3:26 PM


i2la budaya politik baru, rakyat menunjuk bantahan mereka sbb dh ckp pun xmo dgr,dh bg signal dlm pilihanraya pun xfhm!!!kalu anda adalah penyokong @ ahli UMNO di Selangor,jgn main hentam kromo je kt krjn negeri.atleast dengan kuasa yg diberi rakyat drg try buat.UMNO dh 50thn perintah ape buat?kayakan tokeh CARLBERG & tokeh GULA?melayu ktne?dokla setingan kt pdg jawa ke kt tepi sungai CARLSBERG ke!!!again i2la budaya politik baru bila dato hassan vs ronnie,UMNO still backdated so susahla nk trime.ingatlah wahai saudaraku, rasulullah melarang umatnya bersifat assobiyah,jd hiduplah berharmoni & teruskan berdakwah kt org2 kafir sbb depa mmg xfhm ISLAM.jgn bergado sesama umat.there's still a lot of things to be done here,ada bangsa makin besar kepala so...watchout n be prepared for new concept of politics.PR dah ready, how bout BN?50tahun dh pencen time lo...

Dari Abu Hurairah r.a katanya, Rasulullah s.a.w bersabda:"Sesiapa yang tidak mematuhi Imam dan memencilkan diri dari jamaah lalu dia mati, maka matinya seperti mati jahiliyah. Sesiapa

yang mati terbunuh di bawah bendera kefanatikan, bermusuhan dan berperang kerana fanatik kesukuan (kebangsaan), dia bukanlah umatku. Dan sesiapa yang keluar dari umatku lalu menyerang umatku, membunuh orang-orang baik dan orang-orang jahat tanpa mempedulikan apakah dia orang mukmin atau tidak dan tanpa mengendahkan janji yang telah dibuatnya, orang itu juga bukan umatku.”

(Muslim)

bab anwar,sorry i've no komen sbb aku xnampak die meliwat ke pe ke.nanti jd fitnah plak,kalu die salah pun xjd dosa kt aku sbb dh ade org dakwa die tp kalu betol die xmeliwat ramai org melayu islam akan berdosa sbb fitnah & ckp pe yg kite xtaw.so better shut up n zikr...dpt pahala gak!!!

By afag  on [August 17, 2009 10:53 AM](#)

SELAMAT PAGI MALAYSIA...

CUKUP TERTARIK DENGAN KENYATAAN BEBERAPA SUARA INDIVIDU YANG MASIH MENDOKONG DAN MENYOKONG PERJUANGAN SIA-SIA ANWAR IBRAHIM DAN KONCO-KONCONYA...

DARI LENGGOK KENYATAAN ANDA SEMUA DI DALAM BLOG INI TERNYATA ANDA SEMUA MUDAH SEKALI UNTUK TERPENGARUH KEPADA KIBLAT & KUTBAH POLITIK ANWAR, ANDA SEMUA JUGA TELAH DENGAN MUDAHNYA UNTUK TERPUKAU DAN TERSINTUK LIMAU OLEH KATA-KATA MEMUKAU BELIAU!

ANWAR IBRAHIM TIDAK MENGENALI ANDA SEMUA...BAHKAN MUNGKIN DIA MEMPERSETANKAN SEMUANYA, DEMI KEPENTINGAN TUAH POLITIKNYA!...KONCO-KONCONYA DIDALAM PAKATAN RAKYAT JUGA MASIH LAGI BERBELAH BAGI PENDAPAT DAN BERCAMPUR-BAUR MATLAMATNYA...INIKAN LAGI ANDA DILUAR SANA SEBAGAI RAKYAT BIASA...SEORANG RAKYAT YANG KERDIL ...

ANDA SEMUA YANG BERIA-IA MENYOKONGNYA DAN MENGGAMPUNYA...ADAKAH ANWAR DAN SEKELUARGA NAK AMBIL TAHU DAN PEDULI...JANJI MATLAMAT POLITIKNYA YANG MEMPUNYAI AGENDA DAN MAKSUD TERSELINDUNG AKAN TERCAPAI CUKUPLAH...WALAU BAGAIMANACARAPUN ATAU KAEDAH YANG TERPAKSA MEREKA GUNAPAKAI.

ANDA SEMUA MUNGKIN TAK SEDAR-SEDAR LAGI(sebab dah jadi Mat Jenin), TAPI ITULAH HAKIKATNYA...ANDA SEMUA TELAH DIRACUNI DAN DITANAM DENGAN PERASAAN BENCI, KHIANAT DAN HASAD DENGKI KEPADA MAKHLUK CIPTAAN ALLAH YANG LAIN...ALLAH TAK AJAR DAN MENGGALAKKAN PERKARA SEUMPAMA INI BERLAKU...BAHKAN MEMBENCI PERKARA-PERKARA SEBEGINI.

INGATLAH DAN PERCAYALAH SEMUA..."POLITIK" ITU SEBENARNYA KOTOR...IA TERLALU KOTOR DAN KITALAH(MANUSIA) YANG MENGOTORINYA...SECARA SEDAR ATAU TIDAK...

INI SEMUA ADALAH PERMAINAN DUNIAWI(godaan syaitan tetap turut serta)...ITU SEBAB MENGAPA ALLAH KURNIA KITA AKAL, IMAN DAN PERASAAN, AGAR KITA (MANUSIA) DAPAT MENILAI SESUATU DAN BERTINDAK DENGAN SEWARAS-WARASNYA...BUKAN SECARA MELULU DAN MEMBUTA TULI...

ERTI DEMOKRASI YANG DIAMALKAN ATAU DILAUNGKAN OLEH SESEBUAH NEGARA ITU BERMAKSUD UNTUK MEMBERI RUANG YANG SEDIADA SERTA SALURAN YANG BENAR DAN BETUL DALAM MENYAMPAIKAN SESUATU HASRAT ATAU PANDANGAN RAKYAT...MAKA PARLIMEN ADALAH TEMPAT YANG CUKUP MULIA DAN PALING SESUAI DALAM HAL INI...

TETAPI SESETENGAH GOLONGAN MANUSIA INI TIDAK MENGHORMATI DAN MENGGUNAKAN KELEBIHAN DAN FUNGSI PARLIMEN INI DALAM MENYAMPAIKAN ATAU MEMPERDENGARKAN SESUATU ISU...

BAHKAN MEREKA PULA YANG MEMPORAK-PERANDAKAN INSTITUSI INI...RAKYAT SEMUA MAHU MELIHAT SESUATU YANG BOLEH DIBANGGAKAN DAN BOLEH DIKONGSI BERSAMA KEPUTUSAN-KEPUTUSAN YANG DICAPAI, TETAPI APA YANG DISAJIKAN ADALAH PERISTIWA YANG AMAT MEMALUKAN DAN LEBIH CONDONG KEPADA KEPUTUSAN YANG LEBIH MENDUKACITAKAN.

BUKAN SAHAJA PARLIMEN MENJADI MANGSA, BAHKAN DEWAN UNDANGAN NEGERI JUGA SERUPA DIPERLAKUKAN SEDEMIKIAN...


SABAN HARI ADA SAHAJA PERKARA REMEH DIJADIKAN ISU SENSASI OLEH PIHAK PAKATAN RAKYAT DAN POLITIKUS DISEKELILINGNYA...ADA ANDA SEMUA MENGIKUTI DAN MENILAINYA DENGAN TELITI...ANDA MUNGKIN LEBIH CENDERUNG MENDENGARINYA DARI MULUT DAN LIDAH ORANG LAIN...LALU INILAH YANG MENYEBABKAN BERLAKUNYA FITNAH DAN TUDUHAN MELULU...AKIBAT MULUT, BADAN BINASA!(bab ni, syaitan memang cukup suka...ramai dah jadi mangsa dan ramai lagi manusia bakal jadi mangsa seterusnya...)

JANGAN DISEBABKAN KETAKSUBAN ANDA SEMUA DALAM MENDOKONG DAN MENYOKONG PROPAGANDA GELAP DUNIAWI SESEORANG MAKA ANDA SANGGUP DIPERKUDAKAN DAN SANGGUP PULA MEMIKUL BEBAN "DOSA" AKIBAT FITNAH KEPADA MANUSIA YANG LAIN. SEMUA AGAMA MELARANG PERBUATAN INI DAN SEMUA BANGSA TIDAK SUKA AKAN PERBUATAN SEPERTI INI.


LENGKAPILAH DADA ANDA DENGAN FAKTA DAN ISI CERITA POLITIK YANG BENAR DAN TEPAT AGAR TIDAK TERUS TERJERUMUS BERSAMA DALAM KONFLIK POLITIK KOTOR ANWAR IBRAHIM. KAJI DAN NILAI PERISTIWA YANG PERNAH DAN SEDANG BERLAKU DAN JADIKANLAH IA PEDOMAN DIRI DI ALAM POLITIK DUNIAWI INI.(jgn dilebihkan atau disamakan pula hal politik duniawi dengan hal agama!)

EMOSI DAN PERASAAN PERLU SEIMBANG DALAM MEMUTUSKAN SESUATU YANG BATIL DAN ANDA SEMUA MUNGKIN MAMPU MELAKUKANNYA.

AMAN MAKMUR MALAYSIAKU!

By bellbesh  on August 17, 2009 10:20 AM

tun,,,  
im 19 now,,  
sy simpn azam ntok jmpa tun since im 12,  
n i never stop supoorting u...  
actually,, umno ker bn ker pas ker dap ker sumer nyer tak betol.  
kita bukan tuhan nk decide yg mana parti baik yang mana jahat..  
tuhan jer yang tau,, tapi,,, sebagai seorang yang celik, berpelajaran, kita bleh judge sendiri dari  
apa yang kita tengok,, bagaiman apa yang da di buat oleh pkr dan seangkatannya,,  
sume nk menjatuhkn melayu..  
hallooo,,  
ni negara melayu, bukan berniay nak bersifatr perkauman, tapi ini kenyataan.  
kita diajar sejarah kn,,  
cina dan india masok tyme briotish jajah ngara,  
itu pun sbagai buruh di lombomg dan estet..  
52 tau malah lbih dri itu, kita, org melayu berkompromi, berkongsi sgalanya dengan mereka,  
tiba2, ada plak satu anasir nk menyamakan hak kita orang melayu,  
come on lar, plis kenang budi sket..  
saya ada kawan, cina, india,,  
takder hal punyer,  
as long as kit saling menghormati,  
anwar tu like mcm i tak bpe ingt sape name nyer yg jd tali barut waktu portugs nkl serg mlaka.  
disebabkan dialah lebih 400 taun kita kena jajah...  
so,, renungkan...  
sory for any mistakes stated..  
tun,, i luv u,,,  
my whole family luv u,,  
hope to see u....  
bellbesh

By iyre  on August 16, 2009 3:08 AM

Assalamualaikum Tun,

Pada hemah saya keadaan dan situasi politik Negara kini adalah disebabkan rakyat terutama orang Melayu dan bumiputra tidak bersatu dan lemah dan sudah hilang halatuju. Terutama kita orang Melayu merata-rata beragama islam tidak lagi berpegang teguh pada ajaran islam. Rasuah berluasa, maksiat merata-rata, bersekongkong dengan orang munafik, menghalakan yang haram, apa yang dilakukan orang2 kafirun dizaman Nabi Mohd s.a.w. dilakukan oleh orang islam Melayu tanpa segan silu, spt buang bayi, berbohong, perasuah, fitnah , keluarkan fatwa sewenang-wenangnya mengikut selera politik dll.

Jadi ini adalah tanda2 kecil yang ditunjuk oleh Allah swt untuk kita lihat tapi kita gagal melihatnya, sebaliknya masih terus melakukan apa tak sukai oleh Allah swt. Kemungkinan kita orang islam melayu dan bumiputra akan lemah dan akan tenggelam buat selama-lama. Ini adalah angkar kita semua dan yang terseksa dan menerima padah adalah anak cucu kita.

Demonstrasi jalanan berlaku ada kaitannya dengan kelemahan kita dalam mentadbir Negara ini. Mereka melihat kita lemah bersatu, lemah membersihkan diri kita dari gejala negatif yang lalu, sungguh lemah mahu mengakui kesilapan kita yang lalu. Apa sebab kita malu nak mengakui.

UMNO adalah satu parti yang ditubuh dari peristiwa menentang penjajah yang mahu menghapus adat, budaya dan hak orang Melayu. Tapi generation pemimpin UMNO sekarang tidak lagi menyayati perjuangan asal UMNO hanya mementing hal peribadi dan kaum dia saja. Ini telah merosakkan UMNO dan membuat orang Melayu hilang kepercayaan terhadap nya. Pilihanraya yang lalu menunjukkan kebencian mereka. Apa yg terluka bukan senang nak sembuh. Sikap gelojoh, tamak, sombong dan tidak bermoral pemimpin dulu dan segelintir sekarang patut mereka mesti bertanggungjawab.

Maka hal BUDAYA ANWAR yg Tun tertera tidak menghairankan saya, kerana ia sudah menjadi sikap orang yang sentiasa mencari peluang diatas kelemahan “adversary” nya. Peluang ini digunakan secukup2nya bagi mengganggu gugat pentadbir Negara dan menaikkan popularitinya dimata dunia. Sudah menjadi pengetahuan umum pengdemonstrasi jalanan dibayar untuk berdemonstrasi, dan mereka ini tidak tau apa2, ini adalah satu bentuk rasuah.


ANWAR tidak akan berhenti melakukan apa saja untuk meng-advance-kan agenda politiknya walaupun terpaksa mengadaikan maruah bangsa dan agama, jika perlu. ANWAR tidak juga harus dipersalahkan jika dia berkelakuan sedemikian kerana kita orang Melayu telah lemah dan berpecah, serta tidak sehaluan. Masing2 macam sedang mencari2 punca seperti anak lembu kehilangan ibunya, dan sedia menjadi hidangan pengmangsa yang berkeliaran.

Killing ANWAR political ambition is near impossible, which can be easily seen done but could not easily be seen done. ANWAR seorang bekas ahli UMNO jadi dia tau isi perut UMNO cuma dia tak berada ditempat yang mana dia bolih bunuh UMNO once and for all. Itu sebab dia bersungguh2 nak jadi PM, bukan UMNO mati, ahli2 pun mati dan lebih teruk lagi ialah orang2 Melayu dan bumiputra, kerana manifesto PKR hal orang Melayu/Bumiputra terletak ditempat 10 dan Islam ditempat ke5.

Keadilan kepada semua kaum bermakna orang Melayu/Bumiputra akan merempat, terutama sekali mereka yang masih bertongkak dan pengusaha/entrepreneur yang tak berani keluar dari “cocon dan comfort zone” nya.

UMNO masih ditahap lemah dan ada usaha memulih semangat juang asal, tanpa minat dan bermotif negative. Nescaya UMNO akan pulih menentang musuh2 bangsa dan agama. ANWAR tetap dengan budaya dia, walaupun kes liwatnya berkali2 tangguh. Khalid Ibrahim tetap menghalalkan arak dikawasan majority Melayu melalui SELF REGULATORY APPROACH, Ronnie telah keluarkan fatwa arak DAP – BEER IS NOT AN ACOHOLIC DRINK- macam mana di dpt tafsiran ini saya pun tak tau, Dr Hassan Ali bersendiwara dengan ARAK SELANGOR, yang sesuai ditonton/persembahkan di SOHO LONDON yang terkenal dgn aksi2 ghairah atau di kelab di NORTH CHINGFORD, LONDON yang terkenal dgn aksi FOR YOUR EYES ONLY. Nik Aziz pula dgn POLI-FATWanya yang kadang2 hampir serupa dengan fatwa2 yang dikeluarkan PENGASAS KERAJAAN LANGIT DI BESUT. Saya kadang2 pun keliru dgn fatwa2 Mursyidul PAS ini, nak saya katakan dia tu seorang MULHAMMAH, tiba2 dia bersifat spt seorang MUTMAINNA. Hanya org2 PAS yang tau mengelarkan dia.

Bagi mengatasi serta menentang budaya negative ini yang bolih mengganggu gugat kestabilan Negara, kita orang Melayu dan orang2 Islam yang lain mesti mencari kembali apa ertinya Syuhadah dan rahsianya. Pengucian KALBI (hati) bagi setiap insan Islam bermula dengan isi murni kalbi. Nescaya segala kekuatan dan keinginan , insyallah akan allah swt kabulkan. Bersamalah kita renungkan apa silap kita dan kelemahan kita selama ini, carilah jalan yang betul serta diredai. Akhir kita akan berjaya. Ketika ini sifat2 negatif banyak mempengaruhi tindak tanduk peminpin2 kita yang lebih bersifat syaitan. Wassalam TUN.


By haniza  on August 16, 2009 2:19 AM

salam Tun semoga sentiasa di dalam rahmatNya,

Anwar Ibrahim celaka..

1974 mulakan budaya huru hara di jalanan,  
lepas masuk UMNO, pura2 baik, tp dalam pada baik... ,  
1997 hampir2 mufliskan negara sendiri utk dijual kpd IMF yahudi,  
sekarang??

Betul la Anwar Ibrahim ni.. kecik2 tak nak mampus. Dah besar menyusahkan orang.

By bangjoe  on August 15, 2009 2:53 PM


salam untuk semua

1. Kepada yang bernama Nasha b Edwin tu janganlah dok taksab sangat kat ANUAR. hang tau apa? Hinguih pun tak kering lagi.... Budak setahun jagung nak ajaq orang tua.
2. Hang nak tau Anuar tu BAPA PENGKIANAT MELAYU NO 1
3. Yang dok dalam ISA tu sapa? Orang kalau tak salah tak payah takut ISA. Amerika pun ada ISA. Kalau hang nak rasa boleh laa daftar nama pi GUANTANAMO.
4. Hang ingat senang budak Saiful tu nak pi dok sumpah. BERANI KERANA BENAR TAKUT KERANA SALAH. Pasai apa Anuar tak mau sumpah... macam-macam dolak dalik. SEGERAKAN KES LEWAT !!!! bagi rakyat tau sapa yang benar.
5. Awat hang ingat Nik Aziz tu malaikat.... dok puji dia. Tak dak buat dosa? cakap politik dalam tak sedar menjatuhkan dirinya sendiri. Dulu dia kata Dr M dah nyanyok ... Sekarang giliran dia pula.. Allah Maha BESAR. hari ini kita kata kat orang esok tuhan akan pulang balik pada yang empunya. Selagi dia tak minta maaf kat orang yang dia dok hina tu.. tanggung laaa di akhirat. DAP hina Islam tak pa .. Ni Tok Guru jenis apa?
6. APA-APA PUN RAKYAT MALAYSIA HARI NI DAH TAHU APA SIAPA PENGKIANAT NEGARA KALAU BUKAN ANUAR IBRAHIM . Kg Buah Pala, Arak Selangor apa dah jadi? YANG TU PUN TAK BOLEH NAK SELESAI NI KAN PULAK NAK PERINTAH NEGARA. MINTA MAAF LAAAA. DAP, PAS DAN PKR PAKAR SANDIWARA... JANGAN LUPA TUAN-TUAN PUAN-PUAN.....

sekian

By orangmuda  on [August 15, 2009 12:13 PM](#)

Assalamualaikum Tun Dr Mahathir yang dihormati..skrg ni pelik pun ada bila tgok org melayu zaman skrg..kenapa asyik berbalah sesama sendiri..bangsa asing tepuk tangan bergembira..yang pro2 politik...jgn hanya nak hemtam sebelah pihak sahaja..kan lebih baik muhasabah diri..tgok cermin muka sendiri...yang x paham pasal politik..tok sak tunjuk pandai nak komen je..untuk pembetulan.."KERAJAAN"adalah har rakyat malaysia..bukan hak parti politik...so jgn la beranggap politik yang memerintah mempunyai hak mutlak terhadap kerajaan...seandainya pembangkang yang mentadbir negara..xkan semua kakitangan kerajaan seluruh malaysia kene letak jawatan..org2 pembangkang pulak yang diambil bekerja sebagai kakitangan kerajaan..yang hak rakyat,tetap hak rakyat...so semua org kerajaan xde kene mengena langsung dengan politik..JGN DISAMAKAN>>>kesimpulanya x kiralah apa fahaman politik masing2..sebagai rakyat malaysia semua orang mempunyai hak untuk mendapat apa sahaja output dari "KERAJAAN"..jgn la pilih kasih dalam menghulur apa sahaja bantuan...si ahli politik ni Tun,kalau nk bagi apa2 bantuan tu bia la telus..bukan pilih bulu..yang x berkelayakan dapat bantuan diberi bantuan..yang layak dapat bantuan,tapi x pulak pro politik..(walaupun ahli sendiri..kalau pembangkang apatah lagi..)jawabnya..????emmm Tun Sendiri maklum rasanya...sebab tu kami golongan muda ni dah semakin mual dengan kejadian yang berlaku di sekeliling kami ni..mungkin golongan kami ni memberontak ingin kan perubahan..saya ni bukan menyalahkan mana2 pihak..muhasabah diri.....


By musmt  on [August 15, 2009 11:44 AM](#)

Wahai orang2 Melayu semua... tanyalah kepada Anwar apa yang beliau perjuangkan utk Melayu jika DEB dihentikan...Bagaimana cara utk majukan Melayu... mintak penjelasan secukupnya dari Anwar... kemudian fikirkan sama ada penjelasan itu boleh dicapai atau tidak... kalau tak boleh... senang aje tak payah sokong Tapi kalau tanpa apa2 penjelasan, kita dok sokong buta tuli aje... siapakah kita ini... bodoh atau pak turut...atau ada otak letak kat bontot... tanyalah... supaya tak menyesal kemudian hari... beri komen tentang sesuatu polisi memang senang... tapi apa cara utk memperbaikinya biasanya susah nak diberi... ramai org yg tau komen aje...

By asuhasuta  on [August 15, 2009 9:11 AM](#)

By Nasha Bin Edwin on August 13, 2009 6:44 PM ..kamu ni apa hal ni..kalu kamu dah sayang sangat kat anu..ar tu terpulanglah..pegi lah peluk cium dia tu..tak payah lah nak mencarut kat sini...ROFL.


Tun..pls pardon me for being rude.

By Pangait  on [August 15, 2009 8:28 AM](#)

Sebagai seorang bergelar Statesman, saya sangat terkilan Tun masih lagi membuat pelbagai serangan terhadap seorang insan yang telah merangkak dipenjara semasa Tun memegang kuasa. Sepertinya Tun belum berpuas hati kerana berundur diri dan teringin sangat nak mengulang sekali lagi menghantar DSAI kepenjara. Sepertinya Tun sahaja insan didunia ini yang benar. Sepertinya semasa memegang jawatan PM tidak ada rakyat yang teraniaya...Maaf. saya adalah salah seorang diantara ramai rakyat sebegini. Dulu saya tidak terpilih untuk jawatan kanan kerana saya bukan Melayu Semenanjung walaupun jawatan kanan boleh dipegang oleh mereka yang berkelayakan. Tapi kelayakan utama telah disuratkan dalam polisi kerajaan Tun. Ini salah satu perkara kecil sahaja diantara lebih ramai yang teraniaya.

Jadi, orang2 seperti saya sepertinya tidak layak menduduki dan menikmati hidup dalam negara ini. Apakah pilihan kami? Terjun kelaut? Semestinya kami akan menyuarakan sekuat2nya apa yang kami tidak berpuas hati. Kalau media cetak dipegang oleh kerajaan, dimanakah tempat kami menyuarakan rintihan kami dan menunjukkan orang2 seperti kami lebih ramai dari yang Tun anggarakan. Kenapakah kebebasan kami bersuara disambut dengan gas pemedih mata? Ini adalah satu penindasan dan kekejaman yang nyata.

Mesti kah orang2 seperti kami mempercayai Tun selama2nya? Pilihan kami sekarang adalah DSAI. Kepada semua yang mengikut rapat Blog ini, sila diberitahu lebih ramai yang tidak mengikut demo bersimpati dengan cause mereka. UMNO sekarang takut gengan bayang2 sendiri, barulah sekarang melaung2 1 Malaysia yang seharusnya bermula dari hari Merdeka. Baru sekaranglah nak buat KPI etc etc kerana terlalu teruk berpolitik tanpa mengira apakah pencapaian mereka. Apakah 1Malaysia ini jelas memberi keseimbangan kepada seluruh Rakyat? Tidak! DSAI digelar PEMBELOT Melayu kerana mengetuai parti berbilang bangsa. Orang UMNO hanya berfikir Melayu mesti jadi tuan. 1Malaysia hanyalah igauan lama yang tidak ada ertinya.

By Pangait  on [August 14, 2009 9:18 PM](#)

Kita perlu demonstrasi bagi mengejutkan kerajaan dari tidur lena, Kerajaan UMNO, seperti Tun perakui, mudah lupa dan sengaja melupakan, asyik memperalatkan orang Melayu tapi kalau sudah jadi bos, negara ini hanya milik mereka!

By afag  on [August 14, 2009 5:28 PM](#)

SELAMAT PETANG MALAYSIA...

Sedikit informasi untuk genarasi muda Malaysia yang mungkin tidak mengetahui atau sudah ketahui tetapi kurang tepat faktanya. Ia mengenai kelemahan dan kekurangan yang ada pada Anwar Ibrahim. (sewaktu memegang beberapa jawatan dan folio dalam kerajaan waktu muda-muda dulu...) bukan nak aibkan tetapi untuk dinilai oleh semua orang ramai...jangan ini pula dijadikan isu yang diubah menjadi provokasi, sekadar menjadi renungan, iktibar dan peringatan kepada semua terutamanya kepada mereka-mereka atau kumpulan yang masih khayal dan mengelamun di siang hari...serta sesuai kepada golongan manusia yang masih berangan-angan bak Mat Jenin.

ERA DI KEMENTERIAN PERTANIAN

Anwar Ibrahim GAGAL sama sekali mengubah nasib para nelayan, penternak dan peladang negara. Kurangnya idea serta pengetahuan mengenai hala tuju dan peluang kelebihan di dalam dunia dan industri pertanian. Mungkin beliau melihat pertanian pada waktu itu tidak mampu memberi keuntungan dan laba yang besar pada negara dan diri sendiri mahupun juak-juak politik di sekeliling beliau.

Nasib para petani, nelayan dan penternak pada waktu itu ibarat melukut di tepi gantang dan hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Tetapi lain ceritanya pada zaman Sanusi, seorang individu yang kaya dengan idea yang ada umpphh! disertakan bersama pakej bantuan sokongan yang mengkagumkan demi untuk membela nasib golongan-golongan tersebut. Sebagai contoh beliau telah menzahirkan idea dan seterusnya berjaya mewujudkan sebuah tempat yang unik lagi menarik di dunia iaitu Taman Pertanian di Bukit Cherakah di Shah Alam, idea unik beliau iaitu menganjurkan pertandingan

petik buah kelapa peringkat antarabangsa sebagai langkah untuk mempromosikan kesegaran dan keenakan Buah Kelapa di peringkat antarabangsa. Tindakan serta merta Sanusi dalam memperkenalkan ulam-ulaman, sayur dan buah-buahan tempatan sebagai sajian utama dan tetap di hotel-hotel bertaraf kelas tiga, empat dan lima bintang di seluruh negara. Melihat dan membawa Keropok ikan dan lekor menjadi sebagai satu industri yang menguntungkan dan sebagai salah satu cabang sumber pendapatan untuk para nelayan. Idea untuk mengadakan Ekspo-ekspo pertanian bertaraf antarabangsa dalam usaha untuk menarik ramai pelabur pertanian melabur dan demi untuk meluaskan ilmu, pendedahan teknologi dan kelebihan dalam sektor ini dan seterusnya meningkatkan lagi tahap pendapatan golongan tersebut sehingga mencapai kelas mengkagumkan!

#### ERA DI KEMENTERIAN PELAJARAN

Anwar GAGAL samasekali meningkatkan mutu perkhidmatan kementerian. Menjadikan kementerian ini sebagai batu locatan dan tempat untuk golongan juak-juak politik beliau untuk terus berkempen bagi kepentingan nasib politik beliau ketika itu. Ramai kakitangan kementerian dan guru menjadi mangsa rakus politikus-politikus beliau sehingga menyebabkan prestasi kerja dikalangan mereka ini merosot teruk. Meminggirkan samasekali nasib dan masalah yang dihadapi oleh warga pendidik serta isu berkaitan institusi pengajian tinggi tempatan pada waktu itu.

Lebih gemar dan dengan mudah menggunakan kuasa sebagai menteri dalam meluluskan program serta penubuhan kolej-kolej swasta bertaraf antarabangsa daripada terus berusaha dan sanggup meminggirkan nasib anak-anak tempatan di dalam IPTA dan IPTS tempatan.

Sebagai contoh yang paling ketara ialah nasib yang cukup malang keatas PUSAT YAYASAN ANDA yang terletak di Lembah Pantai ketika itu, yang mana hanya kekal abadi menjadi satu tempat yang layak dipanggil sebagai pusat tuisyen biasa sahaja. Persoalannya ialah kenapa beliau tidak menggunakan kelebihan diri pada waktu itu sebagai seorang menteri pelajaran untuk memberi inisiatif dan dorongan untuk membantu menaik taraf YAYASAN ANDA menjadi sebagai salah satu IPTS atau Kolej tempatan bertaraf BUMIPUTERA yang pertama dan lebih berjaya serta mampu untuk menyediakan tempat pengajian yang terbaik kepada anak-anak watan yang datang dari keluarga yang kurang berpendapatan dan dari luar bandar, walhal beliau ketika itu merupakan bekas pengetuanya! Cubalah anda semua tafsirkan hal malang ini dengan sewajarnya...ia cukup menyedihkan! Beliau hanya mampu memikirkan keuntungan peribadi dan politiknya sahaja. Tiada yang boleh lebih dari itu...

Satu lagi perkara yang harus diingati oleh kita semua jua, sewaktu beliau menjawat jawatan menteri di dalam kementerian ini dulu...beliau dengan sekeras-kerasnya mempertahankan Akta Universiti dan Maktab 1974 serta Akta ISA...kerana beliau tahu jika Akta-akta ini dilonggarkan atau dihapuskan samasekali, maka ia seumpama meletakkan tuah politiknya yang sedang berkembang mekar bak ibarat telur di hujung tanduk. Anwar cukup licik dan bersungguh-sungguh dalam mempertahankan hal ini. Langsung tiada kompromi dan tiada yang boleh dibawa bincang.(ingat...dulupun dia juga bekas aktivis pelajar era 70an...diapun tahu betapa bahayanya keadaan akibat dari kelantangan suara pelajar-pelajar ini...dan sekarang ini dia telah memperkudakan semula golongan pelajar dan anak muda demi kemenangan matlamat permainan politiknya! )

## ERA DI KEMENTERIAN KEWANGAN @ PERBENDAHARAAN

Sewaktu beliau di kementerian ini pelbagai masalah negara dan kontroversi telah berlaku...banyak perkara pelik tapi benar telah berlaku...antaranya isu kereta Lamborghini yang dibawa keluar oleh DYMM Sultan Kelantan dari sebuah gudang Kastam (bukannya dilarikan...seperti mana didlm versi cerita sipolan-sipolan lain...). Kes menggemparkan dan mengaibkan ini terjadi akibat dari kelemahan ilmu pengetahuan Anwar Ibrahim dalam metafriskan hal berkaitan dengan peruntukan khas yang terkandung dalam perlembagaan dan undang-undang perbendaharaan negara yang sediada.

Inilah akibatnya daripada sikap malas membaca dan melulu sahaja tanpa membuat rujukan yang tepat. Hentam kromo dalam melakukan sesuatu.(maklumlah...Anwar Ibrahim hanya lulusan Pengajian Bahasa Melayu dari UM...Bila melibatkan angka dan penilaian ni dia boleh jadi pening dan maigrain sampai tak boleh fikir logik dah...cakap memang dia handal...tapi pelaksanaan, kosong.)

Kes ini tidak berakhir disitu sahaja, ia telah meleret-leret sehingga menyebabkan kerajaan pusat dan negeri bertelagah sehingga jatuhnya maruah pihak istana. Perkara kecil yang sepatutnya mudah dijadikan satu isu yang besar dan menggemparkan negara.

Bab tindakan dan arahan luarbiasa beliau dalam memendekkan jumlah tahunan pinjaman dalam skim bayaran ansuran pinjaman wang bagi pembelian kereta, khas untuk kakitangan kerajaan telah mencetuskan huru hara kepada sektor industri kereta negara pada waktu itu.

Mana ada didunia ini sesuatu kerajaan bertindak menyusahkan kakitangan kerajaannya sendiri...tetapi hanya Anwar Ibrahim yang mampu untuk berbuat demikian. Sesiapapun tak mampu bayar ansuran bulanan yang cukup tinggi dalam tempoh yang singkat, lebih-lebih lagi sewaktu zaman itu semua kakitangan kerajaan hanyalah berpendapatan rendah dan sederhana sahaja.

Anwar Ibrahim langsung tidak ada mengeluarkan idea atau menyediakan satu pelan yang istimewa dan lebih berfaedah kepada seluruh kakitangan kerajaan pada ketika itu...beliau hanya mampu berfikir gaji yang ada cukuplah sekadar lepas untuk makan dan pakai sahaja. Akibatnya, bukan sahaja kakitangan kerajaan jadi merana tetapi menyebabkan ramai pengusaha dan penjual kereta telah gulung tikar!

Bab Kes penyerahan kontrak penyelenggaraan dan penyediaan berpusat kumbahan negara secara terus tanpa melibatkan Tender terbuka yang menggemparkan bukan sahaja negara tetapi dunia amnya juga berlaku semasa beliau di kementerian ini. Syarikat Berjaya Group dikatakan telah diberi secara terus kontrak bernilai berbillion ini walhal latarbelakang syarikat tersebut langsung tiada pengalaman (last track record) serta keupayaan dalam menjayakan projek mega ini.

Akhirnya dengan tidak semena Tun Mahathir turut diheret sama dalam isu panas ini. Atas apa dan kapasiti mana untuk Anwar Ibrahim meluluskan kontrak ini tidak dapat dipastikan namun begitu disebabkan telur tembelangnya akhirnya telah pecah dan bau busuk darinya telah dapat dihidu oleh para wartawan dari Far Economic Review. Dia dah tak boleh sorok lagi...terkejut kepalang seluruh rakyat Malaysia bila membacanya...dan akibat dari kes ini, prestasi kerja Anwar Ibrahim mula terjejas dan bertukar menjadi mimpi ngeri.

Kesediaan beliau untuk menerima bulat-bulat bantuan duit daripada George Soros tanpa mendapat khidmat nasihat pakar ekonomi negara dan lebih-lebih lagi PM tidak akan dilupakan oleh sesiapaupun...namun begitu Allah itu lebih Maha Adil lagi Maha Berkuasa...perkara ini telah ditentang oleh pakar-pakar dan penasihat ekonomi negara dan seterusnya satu nasihat telah dibawa secara terus kepada Tun Mahathir...dan apabila dikaji secara mendalam, terbukti skim bantuan ini akan lebih memudaratkan dan akan lebih merosakkan ekonomi negara.

Akibatnya, hubungan di antara Anwar dan Tun telah menjadi lagi keruh dan Anwar mula mencari helah dan isu yang membolehkan beliau untuk terus duduk dalam kabinet tetapi dengan kuasa Allah ia bertukar menjadi lebih mendukacitakan dan seterusnya menyebabkan dia telah dipecat dari kabinet dan digugurkan jawatan TPM yang dipegang oleh beliau.

Dari fakta-fakta ringkas ini adalah disarankan agar para pembaca untuk mengkaji dan seterusnya membuat penilaian yang waras lagi berkhemah demi menentukan masa depan bukan sahaja negara bahkan yang lebih penting lagi adalah untuk kebaikan masa depan anak dan keluarga kita.


Adakah kita sanggup hidup dalam keadaan yang porak peranda dan serba serbi kekurangan...? Sehingga kini beliau masih lagi tidak berhenti untuk memecah belahkan perpaduan bangsa, agama dan negara demi kemenangan politik beliau.

Matlamat beliau adalah satu...iaitu menjawat jawatan Perdana Menteri...selagi tak tercapai, pelbagai helah dan perkara akan digunakan.

Propaganda dan doktrin yang dibawa oleh beliau dan rakan-rakan beliau telah meresapi dan meracuni golongan anak-anak Malaysia generasi terkini...mereka ini sebenarnya tidak tahu apa-apa mengenai sejarah silam Anwar Ibrahim, lantas lebih mudah untuk Anwar dan juak-juak politiknya untuk menyebarkan lagi dakyah gelap politikusnyanya.

Kita yang MASIH WARAS ini harus mempertahankan apa yang ada...demi kesejahteraan semua. Semua bangsa yang berbilang agama di bumi Malaysia ini tidak layak dan tidak boleh lagi sewenang-wenangnya diperkudakan oleh Anwar Ibrahim serta konco-konconya dan INGATLAH adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk melaksanakannya. Nasihat menasihati dan menyampaikan perkara yang benar adalah harus dan perlu disemai selalu.

**DIRGAHAYU MALAYSIAKU!**

By Acilut Bukit Indah Kubang Pasu  on August 14, 2009 4:34 PM

Salam Tun,

Dalam banyak forum saya selalu sebut 'ulcer' bila dibiarkan, lama-lama akan jadi kanser. Semasa fenomena 'ulcer' ini sedang berlaku, kerajaan tak bertindak. Sekarang 'ulcer' sudah pun berubah menjadi kanser. Itu pun kerajaan masih tidak berbuat apa-apa!

Bagi seorang doktor, ubat kanser yang paling mujarab sekali ialah 'potong dan buang'. Ini yang sepatutnya kerajaan Malaysia lakukan!. Kerana sikap manusia yang seorang ini, maka dia telah menyusahkan orang ramai, malah juga negara. 'Marahkan nyamuk, kelambu dibakar!'. Negara tidak akan rugi jika kita 'potong dan buang' manusia seperti ini. Biarlah kita 'korbankan' seorang manusia ini agar masyarakat umum terbela.

Mengapa menganjurkan budaya demonstrasi. Apakah peranan beliau dalam parlimen? Adakah beliau telah gagal. Mengapa tidak gunakan Parlimen sebagai platform berdebat, bukannya di jalanan, yang boleh merosakan 'image' dan ekonomi negara.

Saya 'kagum' Tun Abdullah banyak mendapat PhD kehormat dalam perbagai bidang dari perbagai Universiti tempatan. Salah satunya ialah daripada UUM, Sintok. iaitu Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Demokrasi, Ph.D (demokrasi)

Ada baiknya juga kalau Universiti tempatan sampan satu PhD kehormat kepada seorang yang juga 'luar biasa' berdemonstasi ini. Orangnyanya juga seangkatan dengan Tun Abdullah...

Ph.D Kehormat dalam bidang Demonstrasi!

(Universiti Kedua, Ketiga, Keempat...?)

By anakbudu3  on August 14, 2009 2:38 PM

Assalamualaikum Ayahnda Tun N Bonda,

kpd nobita August 7, 2009 9:45 PM,

tolongla jgn samakan perarakan maulidurrasul yg mulia tujuannya dgn demonstrasi jalanan yg huruhara dan tidak menguntungkan sesiapaupun. apapun, demonstrasi yg dianjurkan oleh kepala pembangkang tidak pernah membawa apa2 kebaikan kpd sesiapaupun melainkan hanya terus memopularkan kepala pembangkang itu seorang sahaja.

apakah ada orang yg dapat keberuntungan dari kerja2 gila macam tu? apa yang saudara nobita atau saudara-mara nobita dapat? mungkin hanya fatamorgana kerana ia sebaliknya memberi kesan buruk kpd ekonomi negara sahaja. peniaga kecil terjejas, orang awam yg tak bersalah terjejas, pemandu teksi dan bas serta kenderaan2 lain terjejas. bayangkan berapa banyak kerugian yg ditanggung?

apapun, demonstrasi jalanan tetap memberikan kesan yg buruk kerana ada yg tidak tahu @ faham betul2 kenapa mereka ikut berdemonstrasi terutama remaja dan kanak2 yg diseret menyertai demonstrasi ni. siapa yang mahu menanggung akibat buruk jika sesuatu menimpa mereka? apakah pemimpin2 parti pembangkang akan menjamin mereka semua keluar jika ditangkap? adakah pemimpin pembangkang akan menanggung belanja rawatan perubatan pengikut mereka jika pengikut mereka tercedera? tak mungkin! kerana pemimpin pembangkang ini hanya berminat menggunakan orangramai untuk menjadi kuda tunggangan mereka tetapi jika pengikut mereka ditimpa masalah mereka akan lari dan menunding jari kepada kerajaan. mereka tidak akan bertanggungjawab langsung. terpaksa lah ibubapa atau penjaga mereka yg tertangkap menjamin atau mengeluarkan perbelanjaan perubatan dan sebagainya. inilah cara mereka menimbulkan kemarahan rakyat terhadap polis dan kerajaan.

walaupun ada yg berpendapat perarakan maulisurrasul bidaah namun baik natijahnya kerana memberikan keinsafan tentang perjuangan rasullullah dan sunnahnya.

berbanding demonstrasi jalanan, akan ada ramai orang semacam dirasuk amarah tak bertepi hingga mengamuk bagai dirasuk syaitan. maklumla, masa berarak di asak dgn bermacam2 slogan dan laungan yg tak masuk akal. maka berlakulah vandalisme yg sukar dibendung.

apapun alasan yg cuba diberikan oleh penyokong demonstrasi jalanan ni, demonstrasi jalanan TIDAK MUNGKIN SAMA sama dgn perarakan maulidurrasul!! (atau lain-lain perarakan rasmi spt hari merdeka, kempen alam sekitar dsbgnya)!! jauh beza mcm langit dgn bumi.

Semoga Allah SWT memberkati Ayahnda Tun n Bonda selalu...

Wassalam...

just my brain wave...

By [Pembela](#) on August 14, 2009 12:14 PM

Assalammualaikum Tok Det

TAMATKAN RIWAYAT POLITIK ANWAR???

KERAJAAN MALAYSIA BOLEH:-

1. Percepatkan perbicaraan kes liwat DSAI.
2. Buka semula pertuduhan salah guna kuasa DSAI semasa menjadi TPM.
3. Rampas passport perjalanan DSAI.
4. Saman DSAI atas kesalahan memburukkan kerajaan di luar negara.
5. Tahan DSAI bawah ISA kerana mencetuskan kekacauan dalam negara.

TETAPI KENAPA KERAJAAN MALAYSIA BERDIAM BIRI?

1. Kepimpinan kerajaan kurang berpengaruh, lemah dan berpuak-puak.
2. Kepimpinan Kerajaan tiada keberanian dan kredibiliti.
3. Ramai penyokong DSAI dalam Kerajaan sendiri.
4. Kepimpinan kerajaan tidak popular kerana pelbagai tuduhan rasuah.
5. Maruah institusi polis dan pihak berkuasa semakin tercalar.

DSAI akan terus bermaharajalela dan rakyat semakin ramai menyokongnya. BN hanya terus berangan-angan PR semakin lemah. Hakikatnya PR semakin kuat dan mendapat simpati rakyat. BN akan tumbang jika terus bersifat difensif dan penakut. Manakala UMNO hanya akan menjadi sejarah sebab terus melindungi perasuah sebagai pemimpin UMNO.

Suara rakyat semakin jelas:-

SELAMAT TINGGAL BN!

SELAMAT TINGGAL UMNO!!

SELAMAT DATANG PR!!!

Allah Selamatkan Malaysia....Berubah atau rebah.....

PEMBELA

<http://pembelamelayu2009.wordpress.com/>

By OrangLama  on August 14, 2009 12:20 AM

Salam,

Mohon sekali lagi beri komen.

1.\*\*\*\*\*Matlamat ke 10 Parti keadilan Rakyat\*\*\*\*\*

Matlamat dan Asas Perjuangan Politik Parti Keadilan Rakyat Malaysia ada 17 matlamat. Kedaulatan Islam diletak matlamat no. 5 sementara hal2 berkaitan Melayu Matlamat ke 10 seperti berikut:

"Menjamin, berasaskan prinsip keadilan, kedudukan kaum Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak DIGUNAKAN SEMATA-MATA untuk meningkatkan status sosio-ekonomi mereka yang miskin dan terpinggir, dan keperluan yang SAKSAMA dibuat untuk golongan miskin dan terpinggir bukan Melayu dan bukan Bumiputera, ke arah mencapai keadilan untuk perpaduan nasional;"

<http://www.keadilanrakyat.org/index.php/content/view/38/21/>

ULASAN Saya:

Baca dengan teliti yang berhuruf besar. Adakah keadilan untuk orang Melayu yang menjadi hanya terhad kepada apa yang dinyatakan dalam matlamat ke 10 saja? Tiada menyentu langsung berkaitan mempertahankan hak2 orang Melayu. Cuma hanya untuk orang Melayu yang miskin dan terpinggir sahaja. Inilah keadilan ciptaan PKR. Kita orang Islam memberi harta pusaka bukan berdasarkan anak itu kaya atau anak itu miskin tetapi mengikut hukum Faraid. Berikan hak kepada yang empunya haknya. Mungkin kita perlu dengar penjelasan pemimpin PAS. Jangan pula pemimpin PAS kata tak ada hak2 Melayu sebab orang Melayu sebenarnya berasal dari padang pasir Sahara (Afrika Utara)

Adakah Keadilan seperti DAP juga menolak Islam seperti apa yang PAS katakan UMNO menolak Islam?

Kepada YB Dato Seri Anwar Ibrahim(DSAI):

Saya sebenarnya tak yakin DSAI boleh membela nasib orang Melayu sekiranya ditakdirkan jadi Perdana Menteri Malaysia? DSAI telah diberi peluang dalam kabinet bermula sebagai Menteri kebudayaan, Belia&Sukan 1983. Tun Mahathir sayang sangat kat DSAI sehingga berjaya jadi Timbalan Perdana menteri 1993 sehingga 1998. Dah cukup lama dah tu. Berilah peluang kepada orang2 baru.

Sekiranya DSAI ikhlas hendak bantu orang Melayu dan kaum lain untuk mendapat keredhaan Allah Ta'ala saya ucapkan selamat berjuang. Sekiranya tiada keikhlasan, lebih baik DSAI berundur dari arena politik dan berikan tumpuan kepada perkara2 lain dalam kehidupan seperti kerja2 sosial seperti yang DSAI pakar iaitu ABIM, PKPIM. Alangkah baiknya jika masa dapat digunakan bersama keluarga sendiri. Lebih tenang, tenteram dan aman fikiran jika disertakan dengan kekusyukan kepada Alla Maha Esa.

2.\*\*\*\*\*PAS Selangor\*\*\*\*\*

Salah satu sebab Orang Melayu Selangor pilih PAS pilihanraya dulu sebab depa tak yakin UMNO boleh haramkan arak di Selangor. Rupa2nya hang pa pun lembik. Cakap saja besar tapi lembik! Hari ini, Saya tengok gambar bukan main mesranya YB Dato Dr. Hasan Ali dengan YB Ronnie Liu meyelesaikan masalah mereka berkaitan isu arak. PAS hang pa tak payah lah kata masalah arak ini wujud zaman UMNO lagi. Semua orang dah tahu masalah UMNO. Arak dijual berleluasa dari zaman peninggalan British tapi UMNO tak berjaya menyekat kemaraan orang2 mabuk di Malaysia.

Cuma orang ingat PAS ni boleh buat sesuatu, tetapi nampak nya dua kali lima. Kalau setakat penjualan arak secara "self-regulatory control", tak payah cakap la. Dah ada Hukum Syariah di Selangor menghalang penjualan arak kepada Muslim. uIni amalan BNasional di Selangor sebelum ini. Ingat PAS hebat. Pi mai, pi mai rupanya tang tu juga!

Rupanya slogan hang pa ialah "PAS Selangor untuk Lain2 Kaum" . Adakah Memang itu kot maksud perjuangan "PAS for All"? DAP melalui jurucakap nya YB Ronnie Liu telah mengeluarkan fatwa DAP Selangor untuk di muzakarah dengan PAS bahawa beer itu bukannya arak.

Ini cara Pakatan Rakyat lah!. Tengok YAB Lim GUan Eng masalah Kampung Pala dia kata masalah Kerajaan Persekutuan. Maka anak murid nya YAB Dato Khalid Menteri Besar Selangor pun kata Pakatan Rakyat tak de kuasa mengharamkan penjualan arak di Selangor, katanya kuasa hanya ada pada kerajaan Persekutuan. Kalau macam tu bagi Selangor kat Barisan Nasional lah!

PAS dan Melayu PKR satu hari nanti hang pa bangkitkan hal arak di Parlimen tengok siapa bantah. Kalau UMNO bantah, orang Melayu mesti benci UMNO. Kalau DAP sokong, lebih baik kerana senang hang pa nak laksanakan nanti. Kalau hang pa tak bangkitkan hal ini di Parlimen, hang pa ni pakar "putar belit alam"

### 3. \*\*\*\*Bersatulah Melayu UMNO, PAS & PKR\*\*\*\*

Kepada Semua orang Melayu terutamanya pemimpin Melayu UMNO, PAS dan PKR. Berusahalah bersatu kembali. Janganlah terlalu megejar keduniaan sehingga lupa yang kekal abadi di akhirat. Islam menyuruh kita bersatu bukannya berpecah. Gunakan bulan Ramadhan untuk berusaha mengerat tali silaturrahim sesama Muslim.

\*\*\*Kepada Tun Mahathir, Tun Abdullah ,DSAI. Dato Seri Hadi dan Dato Nik Aziz \*\*\*\*\*

saling bermaafan lah. Kita bukanlah kekal di dunia selama2nya. Lupakan segala sengketa dahulu. berusaha bersungguh2 dengan berazam berdamai demi kebaikan orang Melayu yang diberi mempunyai amanah berat mempertahankan dan mengembangkan Islam di Malaysia. Insyallah dilembutkan hati saudara semua jika mengikhlaskan diri untuk bersatu kerana Allah Yang Maha Esa. Bantulah pelapis pemimpin2 Melayu sekarang dala urusan pentadbiran negara.

Perpaduan kaum sukar dicapai jika Melayu itu sendiri tidak bersatu. Perpaduan Melayu adalah penting untuk kestabilan negara dan seterusnya kepada kemakmuran negara tercinta.

By Nasha Bin Edwin  on August 13, 2009 6:44 PM

BUDAYA TUN LAGI TERUK...TUMBUK ORANG TAHANAN, TEMBAK ASAP ORANG BUAT DEMONSTRASI AMAN, LEPASKAN PERASUAH YANG SOKONG UMNO, AAAPA NAMA,,,,MASUK ISA ORANG YANG LAWAN TUN, SALAHKAN POLIS TANGKAP ANWAR WALAUPUN DIRI SENDIRI YANG ARAHKAN(BALING BATU SEMBUNYI TANGAN), HASUT ORANG GUNA BLOG UNTUK JATUHKAN PAKLAH, AAAPA NAMA,,,,HABISKAN DUIT RAKYAT UNTUK BINA MENARA BERKEMBAR PETRONAS, LITAR SEPANG DAN BANYAK LAGI UNTUK KEPENTINGAN DIRI,,,,GUNA ISU LIWAT UNTUK KUKUHKAN KUASA(MASIH DIGUNA UMNO HINGGA HARI INI-SAIFUL), DERHAKA KEPADA RAJA2 MELAYU(KURANGKAN KUASA RAJA2), TUDUH ORANG LAIN BERSEKONGKOL DENGAN YAHUDI TETAPI DALAM SENYAP JUMPA PERDANA MENTERI ISRAEL(HARI INI ADA PEMIMPIN UMNO YANG IKUT), KATA GUNA EKONOMI ACUAN MALAYSIA TAPI UKUR TAHAP EKONOMI MALAYSIA GUNA BARAT, SUKA HENTAM ORANG GUNA PUJIAN(MULUT MANISLAH TU)MISALNYA..."TERUSKANLAH BERDIKIR BARAT NIK AZIZ", "SATU YANG BAIK TENTANG DIA(NAJIB) TIDAK TIDUR MALAM"...APA NAMAA...BANYAK LAGILAH MALAS NAK TULIS...

By [samuraimelayu](#)  on [August 13, 2009 4:58 PM](#)

SALAM AYAHANDA RAKYAT TUN  
IZINKAN,

By [rarunasalam](#) Author Profile Page on [August 11, 2009 6:09 PM](#)

Tun

...

Lastly...from Michael Jackson's man in the mirror - "starting with the man in the mirror....look at yourself and make that change"

...

HBT, JJJ, Samurai, Shaliza and all those blind Tun supporters...don't waste your time criticising me...you too think hard about what I've written above...and if you still want to criticise...do it with facts please...don't do it on emotions alone.

(Ravi)

MR. RAVI SIR,

THANK YOU FOR YOUR MENTION....NOT MANY BLIND SUPPORTERS GET THE ATTENTION OF A PSYCO-BLOGIST WITH THE AURA OF A MAGICAL TALKING DONKEY...

WE WERE MERELY (PASSANGGERS) ENJOYING RIDES ON THE DONKEYS WITH THE 'AAB' (AIMLESS ARROGANT BONEHEAD), 'ABI' (AGGRAVATED BRAIN INJURY) AND 'DUMB'(DERANGED USELESS MENTAL BLOCKED) BRANDS STAMPED ON THE BEHINDS.. AND SOMETIMES WHEN WE WERE HAVING SO MUCH FUN THAT WE 'OVER-RIDE' THE DONKEY'S RIGHTS.

FROM THE BOTTOM OF OUR HEART AND OUR HEART HAS GOTTA BOTTOM..WE HUMBLLY BEG YOU TO LOOK AT YOUR MAGIC MIRROR AND ASKED..MIRROR MIRROR ON THE WALL, WHO'S THE MOST INTELLIGENT 'DUNGGU' FOUND IN THE WEBSITE OF CHEDET.CC?..


WE CAN BET OUR LAST RM, YOU WILL SEE THAT 'DUNGGU' TALKING TO THE MIRROR...LOOKS GOOD, MACHA?

A THOUSAND APOLOGIES TO MR. RAVI..THE GOUCHO

WANNAKAM (GREETINGS)

POITU WARREN (GO AND COME BACK)

Ps. Some 'phrases' are borrowed from a wise brother of ours.

By afag  on August 13, 2009 4:12 PM

Selamat Petang Malaysia...

PADA HARI SABTU YANG LALU, 1 OGOS 2009,1430 HIJRAH, SEKALI LAGI IBU NEGARA MALAYSIA TELAH MENJADI SAKSI KEPADA PERBUATAN TAKSUB DAN EKSTREM KUMPULAN MANUSIA YANG LEBIH MEMENTINGKAN HAL DUNIAWI DAN MEMINGGIRKAN SAMA SEKALI SIFAT-SIFAT TERPUJI, AKHLAK MULIA DAN KETEGUHAN IMAN SEBAGAI MAKHLUK ALLAH YANG BERNAMA MANUSIA.

GOLONGAN MANUSIA INI SANGGUP MENINGGALKAN ANAK,BINI,IBUBAPA DI RUMAH DEMI MENEGAKKAN BENANG YANG BASAH SERTA MENYAHUT SERUAN PROPAGANDA GELAP YANG MANA TELAH DI SEMAI DENGAN SIFAT AMARAH, FITNAH DAN MEMBUTA TULI TANPA FAKTA SERTA HAK MUNASABAH YANG BENAR LAGI NYATA. SEBABNYA MEREKA INI TELAH BERJAYA DIHASUT BERKALI-KALI DENGAN CERITA DAN FAKTA-FAKTA YANG MENYELEWENG, FITNAH DAN ISU YANG TIDAK MASUK AKAL BESERTA SUARA TUNTUTAN PEMIMPIN PEMBANGKANG YANG MEMPUNYAI MAKSUD YANG TERSELINDUNG.

GOLONGAN MANUSIA YANG BERBILANG BANGSA, UMUR DAN AGAMA INI JUGA TELAH MUDAH DI PERKUDAKAN DAN BERJAYA DI CUCUK HIDUNG MEREKA DENGAN JANJI-JANJI PALSU YANG PENUH DENGAN PERSOALAN YANG MASIH TIDAK TERJAWAB. Mencari erti kebenaran yang ternyata palsu & retorik melalui cara yang penuh kegelapan dan berliku...SANGGUP MENGADAI NYAWA DAN MARUAH BANGSA DEMI UNTUK KEPENTINGAN ISU BEBERAPA SUARA INDIVIDU DAN KUMPULAN YANG BEGITU KOLOT DAN NEGATIF PERJUANGANNYA.

Malaysia kini boleh berbangga dengan pencapaian dan kemakmuran yang dicapai sepanjang tun bergelar Perdana menteri..saya dan rakan-rakan lahir pada tahun 1980 dan oleh kerana itu juga lah saya membesar bersama pembangunan yang direalisasikan oleh Tun. Saya tinggal di Ranau, Sabah dan keluarga saya serta rakan di kg hampir semuanya dalam UMNO dan pada masa exam STPM, rumah kami dijadikan Markas untuk Barisan Nasional berkempen, seronoknya masa tu...saya gembira bila mereka semuanya menyokong kepimpinan Tun dan saya rasa kewibawaan Tun tidak akan dapat ditandingi oleh mana-mana pemimpin yang ada sekarang ini yang lebih kepada bermuka-muka...Saya masih ingat semasa Tun menjadi Perdana Menteri, rakyat dan pemimpin bawah Tun menganggukkan kepala menyokong Tun tetapi setelah turun dari kerusi...nampak sangat pemimpin yang hanya menganggukkan kepala dahulu mula berani menegur Tun sedangkan Tun hanya ingin memberi pendapat...saya marah dan walaupun saya tak terpelajar, saya tahu dan nampak kebodohan mereka untuk tidak menerima pendapat secara baik dan terbuka...sedangkan Tun dah mentadbir negara selama lebih 20 tahun dan saya sendiri amat mengharap Tun masih dapat membantu dalam pentadbiran negara dengan idea-idea yang baik dan bernas...bukan seperti mereka...mereka...dan mereka...yang hanya tahu bercakap itu ini tetapi idea hampah...sewaktu Tun akan melepaskan jawatan, kami amat risau memikirkan masa depan negara kerana tidak yakin adanya pemimpin seperti Tun lagi dan sekarang kerisauan kami memang ada betulnya bila para pemimpin masing-masing ingin merebut jawatan dan sanggup melompat lompat parti hanya kerana jawatan dan fahaman yang ntah apa-ape...amat menjejaskan kestabilan politik negara, pemimpin seperti ini seharusnya dibuang selamanya dari parti sebab amat nyata sekali...bila parti BN menang dia buat sokong tapi bila parti BN menghadapi masalah dan dia yakin akan berjaya di parti yang satu lagi..dia terus melompat dan melompat dengan girang tanpa memikirkan perjuangan parti yang di tinggalkan...ramai lagi orang-orang diluar sana yang lebih sayangkan pemimpin yang bijak dan negara ini bila dibandingkan dengan si pemimpin yang kononnya terpelajar tetapi otak letak dekat mana pun, kite tak tau sebab tak nampak pun otaknya dekat kepala atau kepala lutut...orang melayu memang berdepan dengan perpecahan dan bagaimana pula jika perpecahan ini berlaku, tiba-tiba orang cina atau india pula menaiki kerusi perdana menteri...risau dan takut bila memikirkan perlembagaan kita yang lima itu akan berubah...siapa tahu...itu semuapapun kerana orang melayu sudah tak bersatu padu...andainya itu terjadi...jangan salahkan parti BN kerana itu adalah kebodohan diri sendiri yang sanggup mengadai negara hanya kerana fahaman yang tidak tau hujung pangkalnya..apa gunanya otak kalau tak berfikir lebih baik menjadi lembu yang dicucuk hidung dan apa gunanya bangsa...bila bangsa sendiri menjatuhkan negara yang dibina dari pertumpahan darah pejuang-pejuang dahulu...dan apa gunanya merdeka, bila generasi kita sekarang hanya mensia-siakan pengorbanan generasi terdahulu yang bermati-matian bermandi darah, anak dan isteri terkorban hanya untuk memastikan kita yang tak bersyukur ini mengecapi nikmat kemerdekaan dan sekarang...kita menghancurkan semuanya dan tidak mustahil untuk kita di jajah kembali...dijajah oleh bangsa dan negara luar yang bila-bila masa saja akan mengambil kesempatan terhadap perpecahan yang berlaku...sedarlah wahai bangsa...dimana bumi dipijak...di situ langit dijunjung...masih adakah pemimpin diluar sana yang memahami erti Patriotisme! Wallahualam.

Terima kasih atas segala usaha Tun...moga Tun diberkati dunia dan akhirat.

By saifaz21  on August 11, 2009 12:20 PM

Well .....DSAI.... KITA DAH KUTUK DIA , KITA SUMPAH DIA DAN KITA DAH

ANALYSIS SEMUA KEBURUKAN DIA .. DAH KE SIMPULAN NYA ... DIA  
PENGKIANAT NEGARA ..SEBELUM NASI MENJADI BUBUR !!!

APA KAH TINDAKAN KITA SELANJUT NYA ?????

```
>>>> .-.  
.--' / \ '---  
'---. \ _____ / .--'  
\\ .-" "-. //  
\\ \ \ //  
\\ \ /  
\\ | .--. .--. |/  
| ) / | | \ ( |  
| / \ _ / \ _ / \ |  
/ / ^ \ \  
\_ ' = ' \_ /  
| \ / |  
| "" V U U U V "" |  
| \ ^ ^ ^ ^ ^ /  
'---.---.---'  
// \ \  
// \ \  
// \ \  
,-' ( ) `-,  
'-' ) ( _.'`-
```


By kamal ahmad  on [August 11, 2009 11:53 AM](#)

Salam kasih Ayahanda Tun, a small room please Tun. TQ.

Dear HBT, this time your comment reverberates from The Indian Continent my friend. I was on the phone talking to a granduncle from Mumbai just now (father side, grand father second cousin). He said thambi, why your new PM Najib now talk English sound very much like British slang daa? Like that London tour guide taxi driver? I said Reggie-Mama (he is half Singhalese), Najib is a British Trained Economist! Why you never bother to read news papers? I said that shows he got confident! He is making a mode statement dha! Not like that muttal PM before him, that super muttal Penang son Dolah. I said now Anwar Ibrahim also don't have confident already...he also look very ill... I said; time before with that muttal PM in charge Anwar really Tamil veruu - padi Apaa! But now he is very quiet. He almost looks ill. We also don't know why, maybe he's got bad constipation. "Wery good thambi! You are sharp with observations dheI - yeducation not vasted!" HBT, my grand uncle was also happy to note that hygiene is being maintained at all cost. But all the akar umbi sounds like a lot of ch/bai washing to be done there...and while standing up too...I am not sure if we could handle it on our own, we may have to convene an EGM for this committee and sublet out some of the cleaning action to our ready and able "shoguns" here beginning with Samurai Melayu, Waja Perak (see Waja Perak, I have saved the best duty for you!:], JJJ, Ravi, Owlz, and err...you HBT? No, no, perish all thoughts; this is people first performance now era! We must do our duty my friend. Hahaha! Just a joke. But really, at 28,000 hits vibrations per day now I don't think this chedet site server could handle any sexual innuendo excitements you know. It may just premature itself out on us. We love all of

Puteri UMNO, our virgin thousand apologies if it hurts, but we love all. Anyhow, I have been talking to some long distance Hare Krishna cronies about channeling some of this very positive vibration onto our new blogging buddy DSN 1Malaysia blog site also. Let us hope it may petals and vibrates positively over there too.

You know, I am going to post this and go see why my coffee tastes like dish wash detergent.

By wesuffer  on August 11, 2009 11:24 AM

demonstration is not Anwar culture.

as a modern and democracy country, we need this pratice.


look at hong kong, taiwan, korea . they have such pratice also.

and their government will let the people voice out.

malaysia is obviously behind these country now.

if we dont open mind and follow trend. we wil become zimbawee soon !!


again and again...still so many stupid citizen cheating by BN now.

By max  on August 11, 2009 10:08 AM

Tun

Could u pls not filter any comments against this article ? It will interesting to know the reality of facts for all those for comment for this article. Lets argue like some adults here, you can yes to whatever u want but pls dont show ur ears to those want to say NO.

This is fairness, which most religion teaches us to believe in

By max  on August 11, 2009 10:04 AM

Well, u will have a peaceful demo turning into riot only when the police starting to fire tear gas and water cannon.

There is commonality of freedom wherever you go, it the act from the freedom that is questionable and gives police to take action. Like if u find ppl starting to throw bottle at each other or pulling out their trousers yes u arrest them.

But u dont arrest ppl for mere reason if they show protest!!! Yes u have petty traders losing business, but frankly i am not sure if many made business from selling drinks and fast food to the ppl on that street that day. 100,000 showing protest, does not that signal something for change?

a week back u boil ppl sentiments with kaki in kasut and now anwar is the next punching bag.

Frankly even if u get anwar out of the picture, ppl out there will still protest! Good luck to you

By wajaperak  on August 11, 2009 9:26 AM

Dengan Izin Tun..Terima kasih..

kamal ahmad

[[I say you're hired Tan. We could really use some creative talent like that here. If you are interested please contact owlz for my email.]]

I say..Abang Kamal Ahmad..Sedih saya..Saya nak juga recognition untuk berniaga part time..Alih-alih S..Tan yang dapat!..sob..sob..

S..Tan..Take stock and heed..

What do I do to make you want me ?  
What have I got to do to be heard ?  
What do I say when it's all over ?  
And sorry seems to be the hardest word  
It's sad, so sad  
It's a sad, sad situation  
And it's getting more and more absurd  
It's sad, so sad  
Why can't we talk it over  
Oh it seems to me  
That sorry seems to be the hardest word ?..

Oops..I did it again..I played with your heart and not that innocent..

Abang Kamal Ahmad jika ubah fikiran...

I will be there.(The Jackson 5 )

Terima kasih Tun..

By kamal ahmad  on [August 11, 2009 5:58 AM](#)

Tun Abdullah Badawi di anugerahkan Doktor Falsafah oleh Universiti Malaya.

Komen Tun Abdullah,

Hidup saya falsafah begini:

Saya lihat...

Saya Tenung lagi...

Saya lihat lagi...

Saya lihat...

////////////////////////////////////  
////////////////////////////////////  
////////////////////////////////////  
////////////////////////////////////

By ezrm  on [August 11, 2009 1:12 AM](#)

Salam Y. Bhg.Tun...

Seperti Anwar yang dikatakan agen Barat, CIA dan Israel yang ingin memporak-perandakan Malaysia dan menjadikan Malaysia sbg negara di bawah kawalan mereka apa bila Anwar berkuasa, saya juga sering berpendapat bahawa Osama bin Laden juga adalah boneka US bagi menghancurkan Islam.

Suatu masa dahulu, bukankah Osama pernah dilatih oleh CIA? Osama juga hanya muncul sekali-sekala dan boleh dibilang kemunculannya. dimanakah beliau sebenarnya? entah2 sedang bersenang-lenang di salah sebuah negara Barat, mungkin juga Amerika, hidup mewah dan hanya perlu berada di bilik studio yg direka menyerupai persembunyian pejuang Islam dan mengeluarkan kenyataan demi kenyataan apabila kekecohan berlaku.

Bukankah pengawal beliau yg dipaparkan hanya memakai penutup muka? Mungkin juga pengawal beliau hanyalah salah seorang anggota CIA yang hanya perlu menyembunyikan muka sebenar dan bukannya dikalangan pejuang sebenar.

Mengapakah beliau hanya bersembunyi setiap masa? adakah pihak CIA amat 'menjaga' beliau agar identiti beliau dan segala rancangan untuk menghancurkan Islam dan negara-negara Islam terus kekal seperti yang dirancangkan?

Anwar juga adalah salah seorang individu yang dilihat sebagai sering diperalatkan Barat untuk memusnahkan Malaysia. Banyak isu-isu yang sewajarnya diberi perhatian oleh beliau sekiranya beliau jujur memperjuangkan nasib rakyat tapi beliau hanya berminat untuk memecah belahkan rakyat terutamanya masyarakat Melayu. Perpaduan berbilang kaum juga semakin terancam kerana tindak-tanduk beliau.

Sbg contoh, mengapakah beliau begitu beriya mempolitikkan isu PPSMI? bukankah beliau sedar akan pentingnya penguasaan Bahasa Inggeris kerana apabila beliau menjadi TPM, beliau juga bertutur dlm bahasa tersebut di peringkat antarabangsa. apalah salahnya PPSMI diteruskan tanpa mengabaikan proses penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.

lihatlah sendiri di peringkat pengajian tinggi, adalah lebih mudah penguasaan bahasa inggeris dlm subjek sains dikuasai bagi pelajar2 jurusan tersebut memahami lebih mudah subjek yang dipelajari kerana buku rujukan rata-rata dalam bahasa inggeris. pejuang2 bahasa yang menentang hanyalah mereka-mereka yang hanya fokus terhadap bidang mereka iaitu penguasaan bahasa melayu. adakah mereka terlibat dalam urusan membabitkan peringkat antarabangsa? tidak sama sekali. jadi, kenapa memperjudikan masa hadapan generasi masa hadapan yang perlu dilihat berkemampuan dalam bersaing di peringkat global? adakah mereka mahu generasi akan datang menjadi seperti mereka? menjadi pejuang bahasa semata-mata? mereka perlu lihat keadaan sebenar, betapa pentingnya bahasa Inggeris pada ketika ini bagi mendapatkan pekerjaan dan menjadi rakyat yang berfikiran global sebelum memartabatkan Bahasa Melayu ke peringkat Antarabangsa. Bangsa2 di Malaysia perlu menjadi Bangsa2 yang dikagumi terlebih dahulu, barulah dunia akan memandang Malaysia dengan penuh hormat dan bersedia menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa. Isu-isu seperti ini wajar diteliti dengan bijak dan bukannya dipolitikkan oleh golongan dan individu tertentu seperti Anwar yang menjadikan isu ini bagi memecahbelahkan rakyat dan disokong dengan membabi buta oleh pengikut fanatik beliau.

Kepada penyokong2 Anwar, lihatlah sesuatu perkara tersebut dengan pertimbangan yang wajar dan bijak; barulah anda semua akan berjaya mengenali keperibadian dan niat sebenar pemimpin yang anda semua agung-agungkan. Beliau bukan lah Nabi yang maksum.

Kepada pemimpin-pemimpin yang lain sama ada daripada UMNO, MCA, MIC dan pakatan Pembangkang terutamanya PAS, jujurlah kepada diri sendiri..tanggungjawab dan amanah anda kepada rakyat adalah amat besar..jangan lah kamu sia-siakan kerana nasib rakyat yang diperjudikan...anak-anak yang masih kecil, masyarakat dan negara akan menjadi mangsa sekiranya semua pemimpin gagal melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan. hentikan amalan politik yang keterlaluan dalam usaha mengaut keuntungan untuk diri sendiri. kerana ketamakan dikalangan ahli politik sendirilah yang menyebabkan Malaysia masih tidak mampu bergerak pantas seperti negara-negara maju lain iaitu Taiwan dan Korea dalam mencapai kejayaan di pelbagai bidang. Janganlah kerana kerakusan ahli politik, maka penjawat awam dipersalahkan dari semasa ke semasa.

Terima kasih.

By sitinur  on August 11, 2009 12:44 AM

Asalamualaikum....dorang buat demo sbb bila buat demo semua permintaan di tunaikan oleh pemerintah iaitu pm n kabinet2nye... kabinet perhiasan lagi ker.....salah siapa....salah najib sbb dia ikut kehendak penentang ppsmi....la ni semua nak ikut cara yg sama...

By Bingo  on August 10, 2009 8:28 PM

Tun,

Senang saja, Tun lebih mengenali DSAI dari kita. Malah Tun yang bekerja dengan DSAI masa DSAI dalam kerajaan, apalah kita ni nak memberi komen berkenaan DSAI, kita bukan pun pernah bercakap apatah lagi pernah berkawan dengan DSAI.

Kalau dah belum pernah berjumpa dengan DSAI pun kita dah terlalu amat memuja beliau, masakan kalau dah dapat berkawan dengan beliau, saya percaya ramai yang nak ditiduri oleh beliau.

By ANAK WAWASAN  on August 10, 2009 8:17 PM

Assalamualiikum Ayahanda Tun dan Keluarga.

Polemik politik dinegara kita tidak pernah surut. Malah semakin hari coraknya semakin ganas. Kadang2 saya hairan dengan mereka yg tiada jatidiri sbg rakyat Malaysia. Saya masih ingat lagi ketika Tun mengumumkan pengunduran dari arena politik. Ketika itu saya mengandaikan suasana politik negara akan menjadi kucar-kacir. Dan ianya nyata berlaku. Kerana seperti Tun juga, saya merasa kecewa apabila mendapat tahu tindak-tanduk DSAI yang bakal menjadi pengganti Tun ketika itu(alhamdulillah x jadi).Malangnya pemimpin yang ada hari ini lebih kepada politik glamour. Tidak kira dari parti mana sekalipun, mrk asyik menagguk di air yang keruh. Isu PPSMI cthnya; selami hati guru-guru sebelum membuat keputusan. Kenapa di bantah, adakah mereka tidak bersetuju 100%..? tetapi pendemonstrasi merasakan mereka berjaya mengawal otak menteri kita agar memansuhkan PPSMI..sedangkan guru2 telah lama merintih agar kajian terperinci dibuat dan kerajaan juga telah mengkaji perkara ini.. takut anak2 melayu

kita ketinggalan. Kerana SKJC tetap menggunakan bahasa ibunda mereka. ini budaya orang kita.. suka menghuru-harakan keadaan. Kadang-kadang saya merasa kesian dengan penglibatan orang melayu dalam budaya demonstrasi. Mereka merasa bangga dan puas jadi alat kepada agenda politik. mereka tidak fikir perasaan orang lain. barangkali mereka suka keadaan begitu kerana mereka x pernah berperang kot.? nak rasa bagaimana suasana negara2 lain yg sentiasa bergolak. mrk x suka aman damai. Mungkin jika dah jadi macam negara jiran baru mrk ingat anak bini kat rumah.

Seperkara lagi ayahanda Tun, Saya melihat kepada isu sekolah satu aliran..saya seringkali tertanya-tanya kenapa kita masih gagal merealisasikan sk satu aliran. Adakah SKJK masih mempunyai agenda tersendiri? atau takut x dapat buat bermacam2 tuntutan kpd negara. Dan adakah kemiskinan SK akan berterusan? Saya juga merasa hairan mengapa kita tidak mensyaratkan agar rakyat kita terutamanya melayu mempelajari bahasa Cina dan Tamil. Sekiranya kita berjaya mempelajari bahasa itu, x timbul perasaan ragu dan saya pasti tiada sentimen perkauman dalam diri kita..

Ayahanda Tun, Saya berharap sangat agar Tun turun padang, membantu UMNO merapatkan saf..mengembalikan semangat melayu. Saya juga merasakan seandainya Tun dapat bertemu dengan Tok Guru Nik Aziz, pasti orang melayu akan bangkit semula.. bantulah Tun, kami masih perlukan Tun untuk hidup di bumi Malaysia dengan aman dan damai.

By fine  on August 10, 2009 7:29 PM

salam Tun,

seronok apa demonstrasi, dapat libasan 2, 3 das dengan belantan FRU, berpeluang menghidu gas pemedih mata, dapat mandi air pancut kaler hijau, dapat gesel2 bahu dengan bukan mahram.

lain kali kalau ada demonstarsi kita kasi selit pembawa kuman H1N1 di antara para demonstrator ni. nak tengok pastu diorg ni pegi hospital mana kalau tak hospital kerajaan.

Dok kondem kerajaan sangat. Akal duk kat buntut, yang dapat belantan semua orang melayu, yang duk bergelak ketawa belakang cermin sambil rakam adegan hidu gas pastu load dalam youtube agak2nya sapa? pi chek tengok.

Islamic sangat la agaknya duk terpekik terlolong tengah jalan. nak tegah 7-11 jual bir pun tak mampu, ada hati hapus ISA konon.

cuba bayangkan kalau kita berjaya tahan nordin under ISA, pastu akta tu mansuh dan dia dibebaskan sebab takda cukup bukti nak dakwa di mahkamah.

By ezani  on August 10, 2009 5:03 PM

Salam Tun

Sorry to comment again but I have read all the blog comments for this blog and then re-read your original blog once again and now I realise what wise comments you have written. Your blog is really precise, covers the main points and strikes the proverbial 'nail in the head'.

Since I have read all the blogs comments, I feel it is important to make the following points :-

1. The best blog comment for me is by ikmal of <http://aikmal.blogspot.com>. He is right in that the Govt has already promised to review the ISA and so, should be given time to perform its

review thoroughly. Certainly, the review cannot be done overnight just to please Anwar and his supporters.

2. Many Malays speak and criticize Anwar with pure, utter hatred which have surprised me. For me, the real wrongdoers of the public protest of Aug 9 2009 are those that took part in the demo and were foolish enough to be fooled by Anwar. As far Anwar, he wasn't in the demo! So why should he be blamed ? I have heard also of people who came as far away from Kedah merely to take part in the protest which to me is really utterly ridiculous. What a waste of life! IF someone invites you to jump to your death over a cliff, and you foolishly follow, are you to blame or is the inviter to blame? For me, the inviter is still alive but you are already dead!

3. It is very dangerous at this point in time to be sidestepped by Anwar and his fiends because there is a far bigger danger engulfing us which is the H1N1. We should put aside our political squabblings and for once, please, be united to fight and battle against this disease pandemic!

4. For me, an average man should be against the ISA because it provides for a man to be detained unlawfully without any valid reason. This allows the ISA to be easily manipulated for political or other motives. If the excuse is that the process of the law is too slow, then changes should be made to correct this through the law process but not to take a shortcut by simply detaining people instantly without any valid legal reason! I think this is the biggest reason why the cause which the demonstrators are fighting for is correct but the way in which they (the demonstrators) did it is wrong.

5. The public have a right to peaceful demo. If a demo is initially peaceful by nature and then the police provoke or cause panic within the demonstrators by firing tear gas or rubber bullets or strong water jets through rubber hoses, and the demo then becomes rowdy, then it becomes the police's fault for changing the status of the demo from peaceful to panic.

6. The comments from the Malay readers (especially those commenting in Bahasa) show that they are very biased indeed and unable to judge an issue in a neutral and balanced manner. They talk of Anwar as if he is even worse than Satan, man's worst enemy. Some even want him dead on-the-spot! They fail to see that other politicians have taken the nation's oil money into their deep pockets which if, fairly distributed, would have made each and every individual Malaysians RM2.5 million ringgit richer!

By [Faiz Al-Kelantani](#) on [August 10, 2009 4:48 PM](#)

YSLim... lu cakap macam Cauvinis la Lim... Lu mesti boroi banyak wang kaya duduk di Tanah Melayu ini kan?

By [rosdanteh](#) on [August 10, 2009 3:47 PM](#)

---SATIRE----

**DEMOSTRASI AKAN DIMASUKKAN KE DALAM KALENDAR PELANCONGAN MALAYSIA.**

Kuala Lumpur, 10 Ogos. Kementerian Pelancongan bercadang untuk memasukkan aktiviti demonstrasi kedalam kalendar pelancongan negara untuk tahun 2010. Setelah melihat keberkesanan demonstrasi menentang ISA membawa pelancong-pelancong tempatan ke bandaraya Kuala Lumpur beberapa minggu yang lalu, pihak kementerian bercadang untuk

membawa beberapa demonstrasi ke negeri-negeri yang lain.

Jurucakap kementerian juga amat mengalu-alukan demonstrasi anti-beer yang dicadangkan oleh sebuah parti politik terkenal negara. "Pihak kami akan membantu mereka mendapatkan permit Polis untuk menjalankan demonstrasi itu sehingga kita dapat menggubal undang-undang untuk membenarkan kementerian pelancongan mengeluarkan perit-permit khas untuk demonstrasi". Akta berkaitan akan digubal pada sidang parlimen yang terdekat setelah segalanya diperhalusi. Pihak kami akan mengeluarkan permit jika penganjur dapat membawa sekurang-kurangnya 5 ribu pendemonstrasi, dan lebih dari 50 peratus pendemonstrasi mestilah dari luar kawasan demonstrasi.


Berikutan itu, kementerian pelancongan akan membuka kaunter-kaunter jualan untuk membekalkan peralatan-peralatan perlu kepada pendemonstrasi antaranya kain penutup muka, sarung tangan, baju berwarna kuning dan merah serta alat bantuan pernafasan. Penjaja-penjaja yang ingin berniaga dikawasan demonstrasi dinasihatkan agar meletakkan bahan jualan mereka didalam bekas-bekas yang kedap air. Penjualan air kotak dan air botol adalah digalakkan manakala bekas-bekas air balang perlulah menepati sekurang-kurangnya piawaian IP66. Pakaian dan kain-kain mestilah dibungkus dengan baik. "Kami tidak akan teragak-agak untuk merampas jualan-jualan yang tidak dibungkus dengan rapi", kata jurucakap kementerian itu lagi.

Apabila ditanya demonstrasi apa yang dirancang, jurucakap itu menambah "Kami merancang untuk mengadakan sekurang-kurangnya 2 demo setiap bulan. Ini bermakna 24 lokasi jelajah demonstrasi akan dibuat keseluruhan negara untuk tahun 2010. Kami akan mencadangkan kepada Perdana Menteri untuk menjadikan tahun 2010 ini sebagai Tahun Melawat Demonstrasi Negara".

Tambahnya "Kami telah mendapat berbagai reaksi yang amat positif dan menggalakkan dari kerajaan-kerajaan Negeri, parti-parti Politik dan tak kurangnya NGO-NGO tempatan. Antara demo yang dicadangkan ialah demo anti-beer di Shah Alam, demo anti-ISA II di Pulau Pinang, demo anti SPRM di Melaka, demo bantah campurtangan dalam halehwal orang Islam, demo anti-Singapore di Johor, demo anti minyak naik di Terengganu, demo anti letrik naik di Kelantan, demo mahukan quota air free ditambah, demo anti saman, demo mahu Singapore masuk balik Malaysia, demo Penang nak keluar Malaysia, demo Hak Melayu dan bumiputra, demo hak orang bukan bumiputra, demo sokong Raja-raja melayu, demo mintak pilihanraya baru, demo nak naik tambang teksi, demo nak naik tambang bas sekolah, demo nak turun tol, demo suruh Melayu balik kampung, demo bantahan dipanggil pengkhianat bangsa, demo untuk cabar pengkhianat bangsa dan banyak lagi"

Apabila ditanya mengenai bajet untuk setiap demonstrasi ini, beliau belum dapt memberi bajet yang khusus kerana aktiviti ini amat kompleks, tetapi menjangka kementerian akan memperuntukkan 10 juta ringgit untuk setiap demonstrasi. Kos ini tidak termasuk kos oleh Polis dan badan-badan lain yang bukan dibawah kementerian pelancongan.

-----

By mazlan  on August 10, 2009 3:33 PM

Assalamualaikum.

Kebanyakan ahli politik di Malaysia hari ini tidak mempunyai prinsip perjuangan yang jelas. Mereka ini ibarat lalang yang tidak berguna dan bermanfaat tapi amat mudah untuk tumbuh dan membiak. Lihatlah bagaimana menteri dan ahli politik UMNO bertindak balas dalam hal anak luar nikah PA yang mati terjatuh. Adakah ahli UMNO berani mempertahankan kebenaran pendapat Ridhuan Tee. Ahli PAS lagilah penakut kerana tok guru mursyid dia pun takut nak komen. Dimanakah prinsip moral yang mereka perjuangkan. Apa bezanya dia dengan Chua Soi Lek? Semuanya hipokrit dan oportunist.

Anwar Ibrahim adalah manusia yang paling tidak berprinsip di Malaysia dan tak pernah tahu malu dengan penipuan dia. Apa yang diperkatakannya tak sampai 10% benar dan layak dia digelar raja munafik. Lihatlah berapa lama dia boleh bertahan dengan penipuannya kepada mereka yang buta hati dan beku akalnya. Kebanyakan ahli politik berpolitik hanyalah untuk mencari habuan kebendaan dan pangkat sahaja. Adakah wajar bagi kita menyokong atau mempertahankan mereka? Fikirlah dengan akal yang waras.

By JJJ  on August 10, 2009 2:56 PM

salam Tun,

salam juga kpd saudara scorpion,

"Hina sangatkah kita bangsa MELAYU. Kisah ini benar terjadi bagaimana bangsa saya dihina oleh peniaga cina. Baru2 ini saya telah ke Pasar Borong Klang. Ada hamba Allah datang ke kedai untuk mencari beras SST15%. Harga yg diletakkan adalah RM18 bukan RM17.50. Hamba Allah bertanya kenapa tidak mengikut harga kerajaan. Beliau berkata "kalau lu mau lu angkat itu harga. Ini beras bukannya untung. Ramai lg org mau ini beras. Kita CINA tak makan ini beras, MELAYU saja yg mau". Terus Hamba Allah tu keluar dari kedai tersebut. Saya memuji beliau kerana walaupun beliau memerlukan beras tetapi kerana dihina beliau sanggup tidak membelinya."


Saya juga pernah melalui perkara seumpama ini pada tahun lewat 70'an. Saya banyak bercampur dengan kaum Cina dan pernah mereka berkata pada saya..

"LU MELAYU SKRU PUN TAK BOLEH BUAT".

Jadikan semua ini sebagai satu pengajaran dan cabaran untuk anak cucu kita.

Wassallam

Jeng3

By norisma  on August 10, 2009 2:23 PM

Salam Tun..!!!

Komen saya mudah saja..bila kita bermusuh dengan seseorang itu kita tak nampak lagi baiknya begitulah sebaliknya...itulah yang dikatakan manusia. Tapi janganlah provokasi dari Tun terhadap musuh Tun menyebabkan yang lain pun tumpang sekaki...lebih sudu dari kuah..ingat dosa pahala...kita kan 'pergi' jua. Yang baik itu datang dari ALLah, yg kurang itu dari kita sendiri.

Salam

By kamal ahmad  on August 10, 2009 2:02 PM

Salam kasih Ayahanda Tun, minta laluan sikit Tun. T.Kasih.

Dear S.Tan, I have read your comments. You twist every single word into your heaps of "truth" and you repackaged them with deliberately bloated minuscule factual shreds before repetitively pelting them out to your helpless targets in wicked discordant lingo as "total truth be told the S.Tan way"! Such energetic nerve! Such iniquitous twist! To think you are doing it for free here! Where's justice in the world! I say you're hired Tan. We could really use some creative talent like that here. If you are interested please contact owlz for my email. He got it. -

By Sayang Tun  on August 10, 2009 1:45 PM

Dear Mr Razak Baginda,

while you are hitting on Tun for manipulating the information, what say we analyse your posting.

First, just for clarification, as you the same person that was accused in the Altantuya case? Forgive me for asking becos, if you are, then your background would be economy, right? Then my assumption would be that you are a learned man especially in the art of economy and as such would be able to interpret its data correctly.

You say that HK is flourishing becos it allows demonstration. My dear, it was flourishing for centuries, even during colonial rule, by virtue of its site as a port of call. I believe the English would shoot any dissident then, dont you agree?.

Thus the assumption that demo propagates good economy doesnt seem valid.

The report that you gave from Dr Norbert. Excuse me, can you provide the date of the report?


Becos from what i am reading, the statistics are saying that past 2 quarter Malaysian economy is declining by an average of 11%. Could it be this year 2009 or last year 2008, 2nd half of the year? If yes on either the date, during these times, demonstration are in full swing, thus shouldnt the assumption be that demo shows government instability thus reducing the economy by 11%?

It also compares the marked improvement in Singapore. By the way, have you ever seen or heard any demo in Spore? I believe in Singapore, any assembly by more than 3 person, can be caught and thrown into jail. I can say a lot more on Spore judiciary regarding the opposition members prosecution but hey it is not my country..

So my dear Razak, can you please dont talk c%^k? There is no stopping you being a citizen of China /Hongkong or anywhere that you wish to.

And you know why? Becos, in order to be living in HK, where it is one of the expensive cities to live in the world, you must have money. And to have the money, i believe, you and your family have profited from the Tun's development of Malaysia. So, even if u are such an ungrateful b&&\*\*d, could you have the decency to keep your mouth shut and dont bite the hand that have once feed you?

Thank you.

By hazrin  on August 10, 2009 1:35 PM


Tun,

Siapa boleh lawan Budaya "Political Beast" Mahathir, orang lain buat kerja, kena kotorkan tangan, Tun buat kerja tak payah kotorkan tangan.

1. Umno baru sebabkan oleh Ku Li 1987.
2. Memali sebab Musa Hitam. 1985.
3. Tun Ghafar jatuh sebab Anwar Ibrahim.
4. Hal-hal Petronas ; Tun yang Bagus.
5. Korporate bermasalah ; TNB, Proton, Plus dll, depa tak reti. Tun buat dulu tidak ada masalah pun.


Stail Najib sekarang banyak macam Tun, memang Tun di belakang Najib menentukan Dasar dan strategi semasa kerajaan sekarang. Hanya Najib tak pandai, buat kerja tak kotorkan tangan. Ajaqlah perabih.

Yang Benar  
Hazrin Salim Marjan  
hazriin@yahoo.com  
0192856285

By zafri  on August 10, 2009 12:55 PM

Salam Tun,

Trend terkini menunjukkan UMNO TELAH BANGKIT SEMULA dgn kesedaran, keazaman dan kepercayaan baru di bawah DSN yg sememangnya dipilih dan dimahukan oleh TUN, malah diakui dan diresuai oleh Pak Lah. Alhamdulillah kerana kedua-dua Tun telah sepakat dlm menyokong kuat DSN. Tentunya parti MCA & MIC yg terjejas teruk di PR12, akan merintis semula bangkit mengiringi UMNO menambat hati rakyat Malaysia. Terimakasih teramat banyak kpd generasi muda negara yang semakin sedar dan matang dalam menentukan pucuk pimpinan negara. Maka tidak betullah dikatakan generasi muda itu macam pak turut saja. Mereka ada hati, perasaan dan naluru yang kuat dalam memilih. Terimakasih bukan sahaja kpd pemuda-pemuda Melayu bahkan India, Cina, Kadazan, Iban, Sikh, Bidayuh, bajau, Melanau dsbnya. Cuma minta UMNO terutamanya lebih jujur, ikhlas dlm menggunakan kuasa pemerintahan supaya bukan sahaja nampak adil tetapi terserlah keadilannya bukan saja kpd Melayu tetapi kepada rakyat Malaysia yng lain. Untuk PAS...sadarlah akan hakikat bahawa amat berliku lagi berdurii perjuangan anda dlm PR. Disisihkan ideologi anda malah di negeri majoriti kuasa andapun nampaknya anda perlu berkorban sedikit demi sedikit kpd parti PR lain. Maka lebih baik bersama UMNO dan BN. Sekurang-kurangnya UMNO boleh membawa perjuangan anda walaupun tidaklah semua ke dalam polisi negara. Ataupun PAS boleh hidup bebas tanpa dikongkong mana2 pihak, seperti sejak lama dulu kerana PAS punya akar umbi kuat, boleh bergerak dgn sendiri. Cuma pesanan saya, berpeganglah kepada kebenaran dan keadilan. Yang betul katalah betul jangan ada tapi-tapi , yang salah katalah salah janganlah dikutuk berapi-api sebaliknya tegurlah dgn baik. Jiwa dan perjuangan yg suci akan membentuk siasah suci melebihi kepentingan politik dan nafsu kuasa yg akan mengaburi segalanya. UMNO pun begitu juga, jangan alpa diri dan kuasa. Jika diberikan Allah kuasa, berbuatlah sebaiknya kerana itulah kewajipan teramat mulia bagi menerangi hidup rakyat semua. Maka berkatlah hidup anda didoakan rakyat yg gembira ke hadrat Allah Maha Kuasa. FIKIRKANlah.

By zaman  on August 10, 2009 12:37 PM

Salam Sejahtera kepada Tun dan Keluarga.

- 1) Dulu anwar dalam penjara di bebaskan.
- 2) Sekarang apa dah jadi. Hingga ada yang tergesa gesa menyerah kan paspot anwar.
- 3) Dahulu waktu kes lingsam wah besungguh-sungguh benar heret Tun ke mahkamah, tak hormat langsung dengan Tun yang banyak menabur jasa. Hingga membuat kami terlalu sedih apa bila Tun di soal siasat di mahkamah. Memang tak mengenang jasa langsung.
- 4) Saya saran kan Tun heret mereka mereka ni ke mahkamah sebagaimana mereka perlakukan Tun.
- 5) Kita sedia maklum hanya Tun saja yang boleh menunduk kan anwar. Kalau yang lain tu buang masa saja senang anwar perkotak katik kan.

Tun may God bless You Amiin.


By Pendekar Laut  on August 10, 2009 12:26 PM

Assalamualaikum Tun,

Kenapa yang meng'komen' ni tiada satupun di kalangan orang yang berdemonstrasi tempoh hari? semuanya rakyat yang tidak terlibat. Cube tangkap sorang yang buat demonstrasi tu interview ape sebenarnya yang diorang perjuangkan? Pasti gagap dan barangkali xtahu ape2 pun. Pasai sume pakat main ikut. Dasar Melayu kan memang camtu. Tambah muda-mudi skrg semuanya keras hati..Org muda dulu cuma 'berdarah panas' tapi muda skrg hati mati terus. Senang je, kalau tak mahu terlibat ngn ISA, jangan lah buat pasal. Yang pergi selalu nak cari pasal tu pasai ape? ISA ni penting sangat. Percayalah..Ini sume nak tunjuk hero, nak tunjuk belang, nak jadi Pembela Konon! padahal bila kembali realiti, sume duduk makan hak kerajaan juga. Pelajar universiti, kakitangan awam. Jangan la salahkan polis(walaupun ade jugak yang sengal) pasai depa wat keje depa. Yang salah penganjur demo tu. Kalau x anjur mesti x jadi semua tu. Mende cmtu pun xleh pk dek orang Melayu. Kesian tengok peniaga melayu..Depa meniaga oi! Bukan minta sedekah kat sana nu..Apalah nak jadi dengan Malaysia skrg ni. Salu tengok demo@rusuhan dalam tv oleh negara2 luar, tp skrg dalam Malaysia pun da ade bibit2 permulaan. Setelah meneliti segelintir blog yang aktif politik, sy tetap setia dengan kerajaan walaupun hati pada mulanya berbelah bahagi. Bukan ape, rakyat sebenarnya nak keamanan. Senang makan, senang pergi bekerja, senang nak pergi masjid, semuanya senang. Kita ni bukan lah dizalimi sampai x dapat satu ape pun. Makan dapat. Tempat tinggal dapat. Apa lg nak? Pemimpin yang korup ke atau pemimpin yang x betul sume tu ade bahagian dia masing2. Bila? Akhirat lah kawan2..Sementara kat dunia ni, kita jgn la berdemo-demo laa..Daripada buat semua tu baik p masjid solat hajat ke, dengar ceramah agama ke, lg baik.

Tun, tolong berkhidmat lagi dalam penulisan sebegini sementara nyawa masih ada. Walau apa niat dan tindakan Tun sekalipun itu hanya Allah Maha Kuasa yang tahu..Tapi sekarang ni biarlah Tun prihatin dalam sedarkan rakyat pembangkang yang masih x sedar diri ini..Semua!!!! Kecuali DSAI. Biarlah Allah sahaja yang mengubahnya..

Salam  
Pemerhati Tegar

By Kalam  on August 10, 2009 12:05 PM

Ayahanda yang sangat saya sanjungi,

Ironinya :

- Majoriti kaum yang terlibat dalam demonstrasi jalanan ini adalah kaum MELAYU (hampir 90%). Mana perginya kaum lain khususnya golongan daripada puak DAP yang beria-ria ingin menghapuskan ISA?
- Majoriti kaum yang meraikan Hari Kemerdekaan Malaysia setiap tahun khususnya di Dataran Merdeka adalah kaum MELAYU. Mana perginya kaum lain yang mereka juga menyatakan "Malaysian Malaysia"?
- Demonstrasi selalu diadakan ditempat tumpuan peniaga-peniaga MELAYU. Kenapa tidak di Bukit Bintang (peniaga cina) atau di Brickfields (peniaga india )? Adakah kerana ingin menjaga hati?

Akhir kata, sekiranya inilah sikap orang MELAYU kita, masa depan kita agak malang sekali. Sikap toleransi kaum MELAYU juga akan memakan diri suatu masa nanti.

\* Eloklah ditukar perkataan MELAYU itu kepada MALAYA (atau perkataan lain) kerana kita semakin layu, malap dan akhirnya hilang entah kemana.

Yang ikhlas,  
Pena & Kalam

By Hookamania  on August 10, 2009 12:01 PM

Salam Sejahtera YAB Tun,

Kali ini isu agak menarik untuk dibicarakan individu tertentu yang mana kita pun tidak berapa tahu tentang kebaikan yang ingin digembar-gemburkan bersama. Pada masa YAB Tun menjadi Perdana Menteri dan Dato' Seri Anwar menjadi TPM, pembaharuan yang dicapai oleh Dato' Seri kurang cuma dapat diukur dari sudut perspektif, YAB Tun akan menggunakan saluran di mana Dato Seri Anwar akan memberikan penjelasan kepada tahap optimum apa sahaja gagasan yang ingin dilaksanakan oleh YAB Tun. Kerana semua pembaca perlu maklum, kepetahan Dato' Seri Anwar tidak boleh disangkal kerana apabila kita mendengar beliau berucap termasuk saya juga akan mengiyakan apa sahaja yang diutarakan.

Itu adalah kelebihan Dato' Seri Anwar. Termasuklah juga apabila Majlis Peguam ingin mengutarakan sesuatu, seolah-olah Majlis Peguam adalah dari kalangan bijak pandai orang Malaysia. Apakah kelebihan mereka. Mereka bukan dari orang yang bijak, hanya kerana dasar negara mengamalkan hanya orang yang mengamalkan undang-undang boleh bercakap di dalam Mahkamah tidak bermaksud mereka dari golongan yang pandai. Ini kerana, ramai juga peguam yang Pro-Anwar kerana kelebihan Dato' Seri Anwar bercakap tetapi tidak untuk memajukan negara. Kalau adapun yang didengar sekarang adalah bentuk corak kemajuan yang ingin dibawa

sekarang sudah terlalu lapuk. Kerana Dato' Seri bukan lagi termasuk di dalam pentadbiran Kerajaan dan ingin diulang sekali lagi, beliau bukan lah orang yang bijak ataupun pandai.

Beliau hanya mencuba nasib keberuntungan sekiranya beliau dilantik menjadi Perdana Menteri tetapi sekiranya selepas Pilihanraya Ke 13, saya percaya tujuan berdemonstrasi akan timbul. Beliau tetap cergas melaksanakan agenda nya. Beliau tetap ingin mencuba nasib hinggalah ke titisan darah terakhir. Saya amat percaya. Sekiranya orang mempertikaikan kenapa YAB Tun bercakap mengenai Dato' Seri Anwar, saya merasakan tidak salah. Kerana Dato' Seri Anwar sendiri suka bercakap mengenai hal orang lain malah bercakap yang lebih teruk dari itu.

Saya amat mengharapkan sekiranya dapat ditarik balik gelaran YAB Dato'. Itu sahaja. Sekiranya YAB Dato' ini ditarik balik, Dato' Seri Anwar akan jadi orang yang biasa macam kita dan dapatlah kita perasan bahawasanya orang ini tidaklah bijak. Dan dia cuma orang yang biasa macam kita yang suka bercakap.

By hazrin  on August 10, 2009 12:00 PM

Anwar Ibrahim is a "Political Beast"

Tun Dr Mahathir adalah orang yang paling sesuai untuk memberi gambaran Budaya Anwar yang sebenarnya, sejarah Budaya Anwar, pemikirannya, kecenderungannya dan mekanisma yang di guna pakai dalam Budaya Anwar dapat dikenal pasti dengan jelas oleh Tun Dr. Mahathir.

Sebagaimana Tun Dr. Mahathir, Dato Seri Anwar juga ialah "Political Beast", nafsu politiknya tidak boleh dikawal apabila Tun Dr. Mahathir dapat memancing beliau masuk UMNO. Sebagaimana Mahathirsm yang mementingkan Imej dan persepsi Massa, Dato Seri Anwar juga mementingkan Imej, beliau pula mahukan Imej dan Brand Islam dipaparkan; Bank Islam, Universiti Islam, Takaful ujudnya Yayasan-yayasan Islam. Tun Dr. Mahathir yang sememangnya Dr. Perubatan, sebagaimana yang telah Tun Diagnose orang Melayu dalam Malay Dilema, Tun sentiasa memastikan Dato Seri Anwar Ibrahim akan berpuashati dengan Dose Imej yang telah Tun Prescribe pada anak didiknya ini. Hang buat ikut suka Hang, janji dalam kerangka Dosage dan Presripsi yang Tun tentukan.

Nafsu "Political Beast" Dato Seri Anwar jelas terpancing sehinggakan beliau memerlukan 20tahun untuk mengenal hati budi Tun Mahathir. Dalam proses itu, Dato Seri Anwar adalah menjadi tulang belakang Tun Mahathir dalam melaksanakan Dasar-dasar kerajaan yang pincang. Dato Seri Anwar tidak dapat menghidunya walaupun dengan Ilmu-ilmu Islam, organisasi, ekonomi yang ada padanya.

- i. Pelancaran Bursa Saham, Amanah Saham pada tahun 1980an. (Riba)
- ii. Pemecatan Tun Salleh Abbas bersama 5 Hakim besar Malaysia 1987.
- iii. Menjual Bond Petronas pada tahun 1994. (Riba)
- iv. Reserve emas yang tidak bertambah (72Tan) dan digantikan dengan simpanan wang asing (Riba) 1981-2000.
- v. Bersama dengan Mahathir membelakangkan pertanian. Sedangkan kadar Saradiri Makanan Malaysia ialah hampir 100% pada tahun 1981. Ini telah menidakkan komoditi sebenar yang menjadi fundamental sebuah ekonomi negara. Kadar saradiri makanan Malaysia ialah 50% sahaja pada RMK8 dan RMK9.

Komen Tun dalam Budaya Anwar menunjukkan, Tun tahu semua apa yang patut dan apa yang tidak patut, walaupun Tun mengaku sendiri, kerangka sistem Demokrasi sendiri membenarkan Demonstrasi, kalau kita telah menerima sesuatu sistem, kita tidak boleh memilih separuh-separuh. Ataupun Tun ada ubat untuk semua penyakit politik dalam Malaysia, Tun boleh prescribed ubat yang patut dan patut, warna putih, hijau, kuning, bentuk tablet, capsule dan cecair. Tetapi semuanya Paracetamol.....Depa bukan tahu.

Agak menarik juga Budaya Mahathirism dengan Tip yang diberi "How To Muzzle Your Critic", tip yang diberi mengajar kita bagaimana kita boleh buat pekak badak dengan Mahkamah dan buat Bodoh sebagai tektik untuk mengatasi Critic.

Kelebihan Malaysia untuk menawarkan kepada pelabur asing melabur di Malaysia dah habis di gadai, Upah buruh yang murah RM200 sebulan pada tahun 1981 dah lepas. Upah buruh sekarang sekurang-kurangnya RM700 sebulan adalah tidak menarik untuk pelabur asing, janganlah dikaitkan dengan Demonstrasi.

Saya berada di Kuala Lumpur pada 1 Ogos lepas, polis membuat sekatan jalanraya dari jam 3 pagi hingga 9malam. Kesukaran berlaku di pinggir Kuala Lumpur apabila banyak sekatan jalan raya ini. Orang ramai bergerak menggunakan LRT, stesen Masjid Jamek ditutup. Pada jam 6 petang, trafik disekitar Kuala Lumpur masih tersekat-sekat, di Petaling Street, perniagaan jalan macam biasa.


Tun pernahkah bersama Demonstrasi, mai join sama dengan Zaid Ibrahim, provokasi datang dari pihak berkuasa sendiri, bukan dari demonstrasi jalanan. Suara rakyat perlu didengar walaupun tidak diikuti, Tun sendiri telah menegur dengan keras Dato Zahid Hamidi pada tahun 1998, "Awat tidak bangkitkan teguran dalam mesyuarat majlis tertinggi Umno semasa agenda perkara-perkara berbangkit" Dalam Demokrasi "Political Beast" sememangnya saluran yang nampak ada tidak boleh digunakan. Apabila dibangkitkan dalam perhimpunan UMNO pula, Tun tidak bersedia menjawab....

Demokrasi adalah satu saluran dalam sistem Demokrasi yang kita anuti, samaada Tun rasa patut atau tidak patut adalah tidak penting. Sementara kita dapat makan lagi pagi dan tengahari ini, demonstrasi Haram yang dilaungkan masih terbuka untuk orang kata setuju atau tidak setuju. Kalau dah teruk sangat nanti, orang Melayu ini, tunggu dah tidak makan baru nak mengamuk, masa itu dah terlambat, Demokrasi tidak perlu dirancang, jangan risau permit. Orang dah lapar, Demonstrasi akan meletup dengan sendirinya, bawa periuk ke hulu ke hilir sebagaimana Argentina pada tahun 2001.

Anwar sebagaimana Idola politik beliau selama 20tahun adalah "Political Beast" yang mempunyai agenda tersendiri. Untuk Tun, Tun tahu masa Tun dah terlepas, pekong Tun telah terbuka satu persatu, Perwaja, Lingam, Tenaga, Dana Harta, Plus, Petronas dan lain-lain instrument yang Tun telah gunakan untuk menaikkan imej semasa era Tun. Sebagai seorang "Political Beast" yang cekap, Tun mahukan Media Coverage, issue diversion dan sedikit popularity untuk kelirukan Massa, kalau-kalau ada pula RajaLingam A/L RajaKapor baru nak buka pekong.

Yang Benar  
Hazrin Salim Marjan


hazriin@yahoo.com  
019-2856285

By CeiQ  on August 10, 2009 11:34 AM

salam TUN

ISA perlu diteruskan kerana ia amat berguna kepada negara tetapi perlaksanaannya mestilah telus, adil dan saksama. jangan ada pengaruh politik dan kepentingan diri sendiri dalam melaksanakan akta ini

TUN  
jasamu dikenang

By Jema Khan  on August 10, 2009 11:30 AM

Salam Tun,

The demonstrations were a farce as far as I could see from the internet. When there was a large crowd, there were maybe 30 uniformed officers trying to keep them at bay which they would not have been able to do if the crowd turned violent. Then the other scene I saw on the internet was the riot police firing their tear gas at a group of maybe a dozen people and then trying to hose the unlucky few who happened to be around. It is fortunate that the thousands did not meet the police and FRU: that would have been serious.

In any event I believe that those protesting should instead call for the the full adoption of the Universal Declaration of Human Rights 1948. If all Malaysians can accept that then we can remove the ISA and substitute it with a Prevention of Terrorism Act. There is no point calling for the repeal of ISA if you have no real freedom of religion: in essence people can't only have the part of the cake they like while others suffer the dominion of the majority.

My best wishes to you and your family.

Wassalam

By shida\_k  on August 10, 2009 10:07 AM

Assalamualaikum Tun yang saya hormati,

Saya rasa amat sedih apa yang telah berlaku kepada Negara kita sekarang. Rasanya seperti tidak ada ketenteraman lagi. Saya sebelum ini punya ramai kawan di kalangan melayu, INDIA DAN CINA. Tetapi sejak DAP banyak mencampuri hal-hal berkaitan islam dan hak bumiputera, mencaci institusi DiRaja, saya rasa tergores dan perhubungan saya dgn kawan-kawan berbangsa Cina sudah tidak sama seperti dulu. Sedikit-sedikit saya rasa benci kepada bangsa ini yang saya rasa seperti Kiasu. Walhal saya punya ramai kawan baik berbangsa Cina. Saya tidak berminat menghubungi mereka lagi, rasa malas membalas email mereka dan saya rasa tidak baik untuk berperasaan begini kerana jika ramai yang mulai mempunyai perasaan begini, tidak bagus untuk pembangunan dan kestabilan Negara. Takut jika peristiwa 13 Mei berulang lagi. Saya percaya bukan saya seorang saja yang berperasaan begini malah mungkin ada ramai lagi di luar sana yang mempunyai perasaan yang tidak enak lagi seperti saya bila berhadapan dengan kaum Cina.

Dear Tun,

Kenapa KERAJAAN Kita berdiam diri? Kenapa POLIS dan KERAJAAN tidak menggunakan kuasa ISA untuk membendung kebencian ini dari terus menular? Gubal Undang-undang jika perlu dan tangkap orang-orang yang terus terusan mencampuri urusan agama lain, mencaci hak-hak kaum lain yang termaktub dlm perlembagaan, orang yang mencaci institusi Diraja patut di buang negeri. Ajar manusia- manusia yang tidak tahu untung diri ini pengajaran yang setimpal agar tidak dicontohi orang lain kelak. Haramkan parti politik yang terang-terang merosakkan hubungan kaum, menghasut kaum lain supaya membenci kaum yang lain. Sudah Terang lagi bersuluh, kenapa KERAJAAN dan POLIS masih berdiam diri? Mengapa sekarang takut menggunakan kuasa ISA sedangkan kita berada di landasan yang betul. Adakah kerajaan kita ingin menunggu hingga tercetus peristiwa 13 mei berulang kembali?

Saya berharap Kerajaan Malaysia bertindak tegas terhadap petualang petualang negara ini. Janganlah kerana hendak menang PRU13, kerajaan jadi pengecut. Pada saya, jika kita ikhlas terhadap apa yang kita mahu buat demi kepentingan rakyat dan negara, kenapa kita mesti gentar untuk bertindak demi kepentingan rakyat dan Negara. Biarlah keputusan ISA ini tidak menjadikan BN POPULAR tetapi jika niat kita ikhlas demi menjaga keharmonian negara dan sesama kaum, insyaallah kami rakyat MALAYSIA yang cintai keamanan Negara perlahan-lahan dapat menerimanya.

**TOLONGLAH BERTINDAK SEKARANG. SEBELUM TERLAMBAT. SAYA AMAT BERHARAP AGAR TUN DAPAT MEMBERI PANDANGAN TUN YANG BERNAS BAGAIMANA KERJAAN KITA SEKARANG PATUT BERTINDAK BAGI MENJAGA KEPENTINGAN RAKYAT DAN NEGARA.**

Saya inginkan ketenangan, keharmonian. Saya ingin melihat anak-anak saya bermain-main dengan anak- anak dari kaum lain dengan gembiranya di padang permainan tanpa ada perasaan prasangka dan sakit hati.

SHIDA

By Faizalnayan  on August 10, 2009 9:25 AM

Rujuk kepada abu talib on August 9, 2009 10:31 AM,

"Anwar berkehendak jadi PM dari sekolah lagi. dan dari kecil lagi beliau kalau kalah guli atau apa permainan akan mengamuk....sekarang Dap dan Pas albahlul jadi tukang amuk proxy Anwar".

Tuan mesti kenal betul dengan DSAI.

Sahabat saya pernah lihat Anwar dan kawan-kawan jadikan kanak-kanak dan wanita sebagai benteng pertahanan semasa demonstrasi berhampiran KLCC dahulu. Berdiri dibelakang dan ketawa gembira.

**JANGAN SOKONG ANWAR!**

By cakkuncak  on August 10, 2009 8:46 AM

Dear YAB Tun,

Its been a while since i commented - because you seem to explain almost all in the most simple of terms that I find no need to comment.

However, on this Anwar culture you elaborated above - I think it is the fault of the BN Government that Anwar have gained some foothold in the local political scene.

IF any citizen of Malaysia is sincere enough to analyse Anwar, even from a layman's point of view there is nothing charismatic about the guy other than his oratory skills. Yet he gained some foothold because first and foremost , a significant portion of the rakyat especially the younger generation felt they were cheated and disillusioned by the previous administration of Tun Abdullah. Tun Abdullah is the leader who created this 'hatred' for the Government and despite he is no longer in power, the damage have been done.

Now the BN need to repair this damage. Dato Seri Najib said in Selangor " Jika nak menang di Selangor ( as in winning it back) kena buat cara nak menang!" BUT the truth is UMNO as the major party in BN still does not realise this.

UMNO must wake up dear Tun. Until UMNO wakes up, the likes of Anwar will continue to be given the trust that they do not deserve. But on the other hand, how can the rakyat trust UMNO back??

I think that is the real question.

Dato Seri Najib " Jika Dato Seri nak menang, tunjukkan kepada rakyat yang UMNO sedang dan akan terus di ubah tanpa ada sebarang keraguan di mata rakyat lagi. Semua pemimpin rasuah harus lah di buang serta merta. Orang2 baru di cari dan di lantik. Rakyat di bela dengan sebenar-benarnya. Rombak semua agensi2 kerajaan yang tak efektif dan masih di bawah tempurung ( cth: MARA dan dsb ) Rombak UMNO di semua peringkat! InsyaAllah Dato Seri akan menang !"

By [nadmin.sulaiman](#) on August 10, 2009 8:22 AM

Salam Tun.

Sedihkan tengok kebodohan orang-orang Melayu sekarang.

Negara dah hampir nak tergadai, masih lagi bermusuhan.

Melayu memang bodoh.

Tun, di manakah artikel "Air Mata Saya Tidak Akan Mengalir Lagi?"

By [DSST](#) on August 10, 2009 4:00 AM

Tun,

- 1) Why are you continuing slandering DSAI?
- 2) Isn't it enough for you to put him 6 years in jail that you have done so " kejam" against DSAI enough ?
- 3) Why are you so afraid of DSAI becoming the next PM of Malaysia while you are still alive ?
- 4) You have "destroyed" & eliminated several of your deputies in 23 years when you were in

power & that include pulling down the Pak Lah whom you have hand picked!

5) Irregardless of what you intend to do behind the scene, the PRU-13 will see the Rakyat rise and put UMNO/BN out from the Federal Government !

By Mansor R. J. on August 10, 2009 3:14 AM

Salam Tun,

Kalau kita mengimbau kembali semua tindak tanduk DSAI samaada dari segi menghasut ataupun mengadakan demonstrasi jalanan, matlamatnya cuma satu....semua orang tahu tentang angan-angan beliau untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia yang belum lagi kesampaian.

Sebenarnya perkara angan-angan ini telah menjadi kebimbangan Rasulullah SAW sepertimana sebuah hadis yang Diriwayatkan oleh Ali ra, bahawa Nabi SAW bersabda :

"Sesungguhnya yang paling aku khawatirkan atas diri kalian adalah dua perkara, iaitu hawa nafsu dan panjang angan-angan. Adapun mengikuti hawa nafsu, maka perbuatan itu menghalangi kebenaran. Sedangkan panjang angan-angan maka ia menyebabkan cinta dunia"

Perkara hasut-menghasut, berita-berita fitnah bukanlah sesuatu yang baru kerana sejak zaman pemerintahan Rasulullah SAW lagi perkara-perkara ini telah berlaku, cuma diatas kebijaksanaan Pemimpinlah sahajalah yang dapat mengatasi masalah ini. Atas cabaran-cabaran inilah sepatutnya barisan Kepimpinan yang ada sekarang bukan sahaja perlu bijak berpolitik tetapi mesti berusaha mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan lebih bersungguh-sungguh kerana kepadaNya sahajalah tempat kita memohon pertolongan.

Perlu kita sedari dan awasi bahawa pembawa berita-berita palsu ini bukanlah datang dari saudara DSAI semata-mata bahkan daripada anggota parti UMNO sendiri. Tidak mungkin DSAI tahu terlalu banyak perkara untuk dipolitikkan melainkan mendapatkan melalui sumber-sumber yang terdekat.

Perkara ini amat jelas ditegaskan oleh Allah SWT dalam surah An Nur Ayat 11 yang bermaksud : "Bahawasanya orang-orang yang membawa berita dusta adalah golongan daripada kalangan kamu, jangan kamu menganggap itu buruk untuk kamu, bahkan ia baik untuk kamu, tiap-tiap seorang daripada kalangan mereka akan menerima hukuman daripada dosa yang dilakukan"


Tentang mereka yang turut sama-sama mengikuti demonstrasi mahupun mendengar siri-siri ceramah DSAI dan rakan sekutunya, maka perkara ini juga telah dijelaskan sebagaimana Firman Allah SWT dalam sebahagian ayat 48 surah At-Taubah yang bermaksud: " sedangkan ada diantara kamu orang yang suka mendengar hasutan mereka, dan ingatlah Allah amat mengetahui akan orang-orang yang zalim."

Tetapi pada hemat saya sebagaimana rakyat biasa, tidak kiralah pihak pembangkang membuat fitnah ke, demonstrasi jalanan ke, yang penting amanat saya pemimpin dan barisan menteri yang ada haruslah menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan penuh dedikasi dan beramanah dan lebih-lebih lagi kepada pemimpin-pemimpin Islam taatlah kepada Allah barulah kita dapat mentadbir negara ini dengan jalan yang terbaik.

Macammana rakyat tak pertikai pemimpin BN, dimana mereka ketika rakyat memerlukan.  
CONTOH YANG BERLAKU HARI INI MENYEBABKAN SAYA PUN MARAH, KALAU

BOLEH NAK BUAT DEMO JUGAK! BAYANGKAN HARI INI SAYA NAK CARI GULA SEPEKET PUN TAKDE KAT PASAR PELADANG SKUDAI, JB. SAMPAI BILA KRISIS NI TAK DAPAT DIATASI WALAUPUN DAH TUKAR PM BARU? INGAT LAGI SEKALI KUASA DI TANGAN RAKYAT. RASA-RASA KALAU KES NI MASIH BERTERUSAN TANPA ADA PENYELESAIAN, TAK MUSTAHIL KALAU JOHOR PUN BOLEH TUMBANG KE PIHAK PEMBANGKANG. PENGUNDI BUKAN PILIH PEMBANGKANG PASAL SOKONG MEREKA, TETAPI KERANA SUARA RAKYAT TAK LAGI DIDENGARI.

Wassalam.

By S..Tan  on August 10, 2009 2:23 AM

Dear Tun, salam mesra harap sihat sejahtera. Kiriman saya dgn izin...

.....SAME STRATEGY?

Nampak mcm senjata berat chedet.cc sedang pindah arah ke orang lain. Dulu Pak Lah & Co, hentam sampai TKO. Waktu rehat ini adalah beberapa das tembakan perkauman dan tembakan amaran pada Najib (S'pura).

Tapi peluru untuk saudara dan untuk orang luar tak boleh pakai alat sama. Lwn Pak Lah boleh hasut pengharap Umno (berkeliaran blog ini) tapi lwn orang luar kena berdepan 'pengkhianat'! Larat kah?

Anwar so far maintains a 'long silence' on his tormentor and ex-mentor. Umno leaders are world class in back flip stunts. Example below.

.....IKUT JEJAK

Pak Lah skrg tak dapat liputan berita dan jemputan majlis Umno lepas bersara. Tak dengar pun dia kejar sana sini nak luah pendapat!  
Dia pegang janji atau lupa janji ketika bersara?

Pak Lah may not set up a blog to counter all the condemnation of him. His open and honest change of mind was called flip flop. He was just too naive to say 'sudah lupa', 'dulu lain'! 'Flip flop' dan 'dulu lain' tak sama?

.....JAGUH FLIP FLOP


Dulu amaran Umno rasuah dan negara akan musnah. Tapi skrg sudah pulih sekelip mata? Dah senyap! Kuota pemilihan dari penyelamat parti tiba tiba jadi pemusnah. Skrg dah sejuk.

Demonstrasi hak istimewa Umno 50 thn (waktu pindaan kuasa Raja dan di TPCA), tapi bila Melayu lain buat jadi memburukkan negara.

Budaya 'flip flop', budaya demonstrasi, budaya 'lupa, dulu lain' semua ada kesan pada kita. Bukan satu baik semua jahat.



keras dengan Malaysiakini jangan terima pendapat yang menyinggung perasaan penduduk majority di Malaysia.

By azmanlb  on August 9, 2009 11:13 PM

DSAI, kalau disuruh membaca hadis apa pun tak akan jalan. Dendam dan cita-cita adalah perkara wahid untuk beliau. Cuma yang menghairankan sikap bodoh dan tonggong pengikut-pengikut beliau yang tidak tahu menggunakan akal fikiran mereka. Akibat dari tindakan mereka pun ,mereka tidak tahu. Cara DSAI cuba mengalihkan perhatian mereka terhadap perkara pokok pun tidak dapat dibaca. Kes perbicaraan DSAI yang seharusnya diberi perhatian untuk mencari kebenaran cuba diselewengkan dari pandangan penggikot-penggikotnya dengan mengadakan demonstrasi jalanan. Kes kampung buah pala, dimana DSAI. Mana janji-janji manis semasa pilihanraya dulu. Pelik, kerja yang sepatutnya DSAI buat tidak dibuat, kerja yang merapu dan merosakkan pula yang beria-ria. Itupun tak dapat dibaca oleh penyokong-penyokongnya. Memang bodoh + bahalul

By ajijsin10  on August 9, 2009 10:55 PM

MELAYU DAN RAJA SULTANNYA.

ORANG MELAYU ITU BANGSA BERADAT  
ORANG MELAYU ITU BANGSA BERADAB  
MELAYU ITU ISLAM  
MELAYU TAAT SETIA PADA RAJA SULTANNYA

ZAMAN BERZAMAN MELAYU PERCAYA  
ADANYA TUHAN  
MELAYU BANYAK PETUA DAN FALSAFAHNYA

PANTANG MAUT SEBELUM AJAL  
AGAMANYA JANGAN ENKKAU LUDAHI  
MAUT PADANYA NANTI


RAJA SULTANNYA JANGAN ENKKAU LANGKAHI  
SANGGUP BERTIKAM BERLEMBING  
BERCERAI NYAWA DARI BADAN KAMU NANTI

BIAR PUTIH TULANG JANGAN PUTIH MATA  
HIDUPNYA MELAYU BIAR MISKIN HARTA  
JANGAN MISKIN BUDI BAHASA

MERDEKANYA MELAYU DENGAN GEMA  
MERRRRRDEKAAA!!!!!!!

BUKAN KECIL LANGKAH MELAYU  
HAMPIR LIMA ABAD MENJADI HAMBA  
BERMANDI DARAH DAN KERINGAT  
MEMBASAHI TANAH BERTUAH INI  
TANAH INI MELAYU EMPUNYA.....!!!!!!!

AJJASIN  
PENSELMENARI

By patrick  on August 9, 2009 10:31 PM

Dear Tun,

I think you should highlight to all Malaysians... esp the Malays on Anwar's close ties with the Zionist Jews. Explain to everyone that if he ever comes to power... Malaysia will be colonized once again. Then there is no point for us to celebrate Merdeka every 31st Aug.

By RA  on August 9, 2009 9:43 PM

Assalamualikum WBT Yg Bhg Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Dalam negara demokrasi berparlimen seperti Malaysia semua rakyatnya diberi kebebasan bersuara secara berhikmah berlandaskan perlembagaan dan perundangan yang sedia ada yang telah terbukti menjamin negara sentiasa dalam keadaan aman dan damai.

Perubahan masa, zaman, peningkatan ilmu pengetahuan, perubahan kepada keperluan menjalani kehidupan yang lebih baik memungkinkan sesuatu perundangan yang sedia ada tidak lagi bersesuaian untuk diamalkan secara keseluruhannya dan perlu kepada pindaan atau pengubahsuaian atau penambahbaikan atau pun dimansuhkan sama sekali dan digantikan dengan yang baru. Internal Security Act (ISA) adalah satu bentuk perundangan yang diamalkan di Malaysia dan sebahagian negara di dunia dengan fokus dan tujuan utamanya dikuatkuasakan untuk mencegah sebarang perbuatan jahat yang boleh menjejaskan keselamatan dan keamanan sesebuah negara. 1 Ogos 2009 tercetuslah satu lagi episod demonstrasi jalanan di bandaraya Kuala Lumpur yang digerakkan oleh GMI (Gerakan Mansuhkan ISA) dengan sokongan parti-parti pembangkang dan NGO tertentu bermotifkan pemansuhan ISA secara total. Demonstrasi jalanan berkenaan juga telah mencetuskan berbagai masalah kepada banyak pihak di bandaraya Kuala Lumpur. Imej negara di mata dunia dipercayai turut tercemar akibat demonstrasi jalanan berkenaan.

Cara kumpulan pendesak memansuhkan ISA ini bertindak tanpa mengambil kira kesusahan pihak lain yang terjejas segala urusan harian mereka. Mereka juga mendakwa berjaya mendesak kerajaan Barisan Nasional memansuhkan PPSMI melalui demonstrasi jalanan. Hakikat sebenar PPSMI dimansuhkan melalui kajian yang saintifik oleh kerajaan Barisan Nasional dan bukan atas desakan pihak-pihak tertentu khususnya parti-parti pembangkang. ISA masih relevan sebagai sebagai satu perundangan yang telah terbukti berkesan mencegah negara daripada mengalami keadaan yang tidak menentu dan meruntuhkan keharmonian rakyat. ISA hanya perlu kepada pindaan tertentu bagi menyesuaikan dengan perubahan masa, persekitaran dan mengambil kira keadilan dan kesaksamaan. Kerajaan Barisan dibawah kepimpinan Perdana Menteri Dato' Seri Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak sudah berjanji akan membuat pindaan kepada ISA.

Isu ISA dipolitikkan oleh parti-parti pembangkang dan pihak NGO yang ada kepentingan politik. Parlimen adalah tempat yang paling mulia dan sesuai bagi pemimpin-pemimpin politik untuk menyuarakan pandangan dan membuat keputusan secara demokrasi terhadap sesuatu keperluan perubahan, penambahbaikan, pindaan atau pemansuhan sesuatu perundangan yang berkait

dengan tadbir urus negara. Apa perlunya demonstrasi jalanan bagi menuntut sebarang perubahan dalam tadbir urus negara.

Pemansuhan ISA dikatakan atas kehendak berbagai kaum. Tetapi penyertaan demonstrasi jalanan tidak mewakili berbagai kaum. Hampir 100% bilangan pesertanya adalah orang Melayu. Ini sepatutnya menjadi persoalan besar bagi orang Melayu yang telah menyertai demonstrasi berkenaan. Penyokong daripada bangsa lain bersifat baling batu sembunyi tangan. Mengapa orang Melayu (kumpulan yang menyertai demonstrasi) menjadi begitu terpengaruh dan taksub terhadap sesorang pemimpin parti politik tertentu yang hanya ingin merencanakan agenda politiknya untuk mengambil alih kepimpinan negara sedia ada. Dato' Seri Anwar Ibrahim berjaya masuk semula ke Parlimen dan menjadi ketua pembangkang. Dato' Seri Anwar dikatakan akan menggegar Parlimen bagi menggugat kepimpinan Barisan Nasional dan akan mengambil alih kepimpinan negara pada 16 September 2008. Syukur Alhamdulillah ianya tidak menjadi kenyataan kerana cara dan niatnya kelihatan tidak mendapat keberkatan daripada Allah SWT. Parlimen masih gagal digemparkan oleh Dato Seri Anwar Ibrahim dan beliau balik semula ke tradisi lamanya mengajak penyokongnya ke jalan raya dengan mewujudkan demonstrasi jalanan bagi menyempurnakan kerja politiknya untuk menggugat Barisan Nasional. Demonstrasi jalanan belum pernah menjanjikan sebarang penyelesaian terhadap sesuatu isu yang dibangkitkan.

Suara pembangkang sudah bertambah dalam Parlimen. Gunakanlah Parlimen sebaik mungkin untuk merealisasikan proses demokrasi bukan nya di jalan raya. Penyokong Dato' Seri Anwar Ibrahim (khususnya orang Melayu) haruslah muhasanah diri, menyedari bahawa tanah tumpah darah kita adalah Malaysia (dahulunya Persekutuan Tanah Melayu), jatuh bangun orang Melayu adalah ditangan orang Melayu sendiri bukan ditangan PKR atau DAP. Dato Seri Anwar Ibrahim banyak mengharapkan sokongan DAP, PKR dan PAS untuk mencapai cita-citanya menjadi Perdana Menteri Malaysia. DAP dan PAS lebih lama berjuang dalam politik untuk mengambil alih kepimpinan daripada Barisan Nasional, oleh itu hakikatnya wajarkah Dato' Seri Anwar Ibrahim mengatasi cita-cita DAP dan PAS?

Sekian, terima kasih. Semoga Allah SWT. sentiasa kurniakan rahmat Iman dan Taqwa, rahmat keafiatan untuk Tun dan seisi ahli keluarga. Idea, kreativiti dan Inovasi Tun amatlah dihargai.

Wassalam

By rLonG  on August 9, 2009 9:32 PM

Salam Tun...didoakan agar Tun dan keluarga sentiasa dalam lindungan Allah...

Dunia kebelakangan ini dilanda pelbagai situasi dan malapetaka...jerebu..pengeboman di Indonesia..H1N1..dan yang paling mengharukan sampai timbul rasa terkilan di hati adalah kisah sesetengah masyarakat kita yang memilih untuk berdemonstrasi di jalan-jalan...saya tidak menyokong mana-mana parti politik..pembangkang ataupun Kerajaan...saya hanyalah salah seorang daripada berjuta-juta rakyat Malaysia yang merasakan..**DEMONSTRASI JALANAN** bukanlah jalan terbaik untuk mencapai kata sepakat...

Saya merupakan salah seorang graduan yang telah menamatkan pengajian sekitar tahun 2000 iaitu 2 tahun selepas DSAI diketepikan dari Kabinet...pada waktu itu...darah muda saya memberontak kerana tidak dapat menerima akan pengeneplan seorang yang dianggap sebagai

IDOLA pada waktu itu kerana DSAI amat terkenal dengan pendekatannya yang rapat dengan mahasiswa....pada waktu itu..banyak perhimpunan yang dianjurkan bagi mengumpul mana-mana penyokong DSAI dan saya pernah berhasrat dan terpanggil untuk hadir ke perhimpunan tersebut namun keberanian saya tersekat dan tidak tercapai akal ini untuk mengikut kata hati untuk sama2 menghadiri perhimpunan sedemikian..satu sebabnya kerana terikat dengan AUKU tetapi yang lebih kuat mengikat kaki saya drpd menghadiri perhimpunan tersebut adalah pesanan mak ayah yang tersemat di dada yang sering menjadi pedoman..."SENTIASA MENJADI MANUSIA YANG TAHU ERTI BERSYUKUR DAN TIDAK MENGHARAPKAN YANG LEBIH DARI YANG SEPATUTNYA"...alhamdulillah..bila difikirkan sekarang...tindakan saya untuk tidak hadir perhimpunan berkenaan adalah bijak kerana sehingga ke hari ini selepas 9 tahun saya menamatkan pengajian dan kini telahpun mendapat pekerjaan yang tetap dan insyaAllah stabil, setelah menganggur lebih 2 tahun gara-gara kegawatan ekonomi sekitar tahun 1998 sehingga 2001..kegawatan ekonomi yang selain berpunca daripada keadaan ekonomi global yang tidak stabil..yang pasti salah satu sebabnya adalah keadaan politik semasa pada waktu itu yang amat mengejutkan dunia kerana sepanjang hidup saya yang lahir akhir tahun 70an belum pernah menemui keadaan yang penuh dengan demonstrasi dan macam2 karenah politik. Alhamdulillah pada tahun 2002 ekonomi mula meningkat naik namun bukanlah sebaik sebelumnya, usaha Tun yang mengikat ringgit dengan nilai Dolar 3.80 memberi keadaan yang positif kepada keadaan ekonomi semasa. Pada zaman Tun juga banyak membantu kami graduan yang sudah lama menganggur mendapat keyakinan untuk mendapat pekerjaan. Pelbagai skim diperkenalkan termasuklah Skim Latihan Graduan dan setiap graduan yang turut serta dalam skim ini diberi elaun sebanyak RM450.00. Syukur alhamdulillah..sekurang-kurangnya kami tidak membebankan ibu bapa yang selama ini mengharapkan kami dapat membantu meringankan beban mereka dan alhamdulillah selepas tamat latihan di bawah skim itulah saya mendapat satu pekerjaan yang hampir 5 tahun saya bertahan dengannya walaupun dengan gaji yang rendah dari yang sepatutnya ditawarkan kepada pemegang ijazah namun pada waktu itu kami graduan sering diingatkan JANGAN MEMILIH KERJA, SAMBAR APA YANG ADA dan berkat pesanan dari era Tun itulah sekarang saya telah mendapat pekerjaan yang saya saya rasakan menjamin kehidupan saya dan sememangnya sesuai dengan bidang ijazah yang saya miliki..Alhamdulillah daripada pengalaman yang perit itulah, saya kini merasa semakin terkilan kerana kenapa setelah 10 tahun yang lepas dan kita telah merasa terkesan dengan demonstrasi jalanan yang telah melemahkan ekonomi negara dan menyebabkan pengangguran, kini kebanyakan masyarakat kita memilih demonstrasi sekali lagi sebagai satu-satu cara untuk menyuarkan ketidakpuasan hati masing-masing baik dari pihak pembangkang untuk membantah ISA, PPSMI dan pihak PRO ISA serta penyokong PPSMI juga memilih DEMONSTRASI JALANAN sebagai modus operandi untuk menyampaikan hasrat di hati. Dengan adanya DEMONSTRASI JALANAN sekali lagi lah akan wujud sekali lagi kumpulan graduan atau mahasiswa menganggur yang sudah pastinya menjadi mangsa keadaan sepertimana saya kira-kira 10 tahun yang lepas. CUKUPLAH, BERFIKIRLAH DENGAN MATANG DAN BIJAK dan PANDANG WAJAH ANAK-ANAK BANGSA DAN KE HADAPAN DENGAN MENGAMBILKIRA PENGAJARAN DI MASA LEPAS..JANGAN ABAIKAN MASA DEPAN ANAK BANGSA YANG MEMERLUKAN KESTABILAN EKONOMI DAN POLITIK untuk membesar dan menjadi manusia yang mengenal erti kebebasan dan kemerdekaan sebenar...

SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN YANG KE 52 TAHUN...

By Shahidan  on August 9, 2009 9:05 PM

tun yg dikasihi

dulu dalam dictionary english makna Melayu ialah: n EASY GOING RACE...kita semua protest kerana dictionary tersebut menghina orang melayu..tun pernah kata kita tak perlu protest kerana itu adalah pandangan penjajah inggeris kepada bangsa yang suka ambik mudah seperti orang melayu.sebaliknya kita buktikan yang kita bangsa ,gagah,berilmu berkerja kuat dan memegang nilai murni,iaitu keagamaan.bila kita berjaya orang putih akan ubah sendiri makna orang melayu.maka tun perkenalkan:

a)look east policy

b)buy british last

c)penerapan nilai-nilai Islam

maka malaysia berjaya.melayu berjaya,orang bukan melayu bertambah berjaya terutama melalui deb.

antara sebab kenapa melayu ni digelar n easy going race ialah:

a)semangat kebangsaan yg rendah

b)agama islam yang mudah disusahkan dengan inovasi khurafat.dan mengadakan peraturan menyusahkan yang halal tetapi memudahkan yang haram.

c)british paksa rajaraja melayu serahkan negara ni kepada british melalui malayan union.1946.kita pun serah.

d)melayu marah kepada british hingga diubah menjadi persekutuan tanah melayu.tapi sifat mudah kerana nak berkawan maka pm pertama memberi kerakyatan mudah kepada bukan melayu lebih dari sejuta orang...perkara 17 perlembagaan malaysia.

e)terbaru menyerah singapore kepada orang2 cina(rujuk tulisan m.ridzuan tee dlam mingguan malaysia minggu lepas.

f)sekarang pun kalau cuba nak baiki org melayu disebut rasis,tetapi kalau bukan melayu bantai raja2 melayu dan org melayu semua diam..

maka saya syorkan melayu sedar sebelum terlambat...Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu ubah nasib merika..demonstrasi tak akan ubah nasib melayu..beli saham pnb bolih menambah baik hidup orang melayu.....shahidan

By kamal ahmad  on August 9, 2009 8:53 PM

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0809&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt\\_16.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0809&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_16.htm)

Pemuda UMNO cabar Pas keluar pakatan pembangkang  
09/08/2009 3:52pm

BUKIT MERTA JAM 9 Ogos - Pergerakan Pemuda UMNO hari ini mencabar Pas keluar daripada pakatan pembangkang bagi menjaga maruah parti itu yang seolah-olah tidak dihargai oleh rakan gabungannya, DAP.

Ketuanya, Khairy Jamaluddin berkata, gabungan itu bukan sahaja tidak mempunyai semangat setiakawan yang tinggi seperti Barisan Nasional (BN), malahan tidak menghormati sumbangan Pas.

Beliau berkata, contoh yang jelas berlaku di Pulau Pinang apabila satu-satunya wakil rakyat Pas yang memenangi pilihan raya umum lalu tidak mendapat sebarang tempat dalam barisan exco kerajaan negeri.

“Oleh kerana kita akan ada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Permatang Pasir tidak lama lagi dan difahamkan Pas akan bertanding di situ, saya cabar Pas supaya menuntut jawatan

exco daripada kerajaan negeri pimpinan DAP agar suara Pas didengari,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan UMNO bahagian Bukit Mertajam di sini. Beliau berkata, jika mereka tidak diberikan tempat, sewajarnya parti itu menarik diri daripada gabungan itu untuk menjaga maruah.

“Saya bagi cabaran kepada Pas sekiranya kerajaan negeri DAP dan Ketua Menteri, Lim Guan Eng tidak menghormati parti itu dengan tidak memberi jawatan sebagai exco, saya sarankan Pas keluar dari pakatan pembangkang di Pulau Pinang,” katanya.

BERNAMA

---

Salam kasih dan salam hormat Ayahanda Tun.

Masih dalam kerangka semangat penulisan seni sastera, mari kita lihat penulisan diatas dalam bentuk dan nilai bangsawannya pula hari ini.

#### PENGENALAN KEREKTER/WATAK

Persoalannya, siapakah Khairy Jamalludin ini? Apa benarkah beliau pernah didapati bersalah (tetapi terlepas tindakan) kerana merasuah ketika Pemilihan Pemuda UMNO yang lalu? Sila klik dibawah untuk penerangan dan kajian watak dengan lebih teliti.

<http://www.negarakita.com/57699-Hasrat+Mohd+Ali+Tersekat,+Khairy+Terselamat.html>

Apa benarkah Khairy Jamalludin ini adalah menantu kepada Tun Dollah Tanjung, mantan PM UMNO yang telah menyebabkan BN hilang majoriti 2/3 dalam Parlimen pada PRU12? Ya memang benar. Sila klik pada pautan dibawah untuk penerangan lanjut tentang kerekter Tun Dollah.

[http://www.harakahdaily.net/index.php?option=com\\_content&task=view&id=15645&Itemid=50](http://www.harakahdaily.net/index.php?option=com_content&task=view&id=15645&Itemid=50)

#### ANALISIS BANGSAWAN

Persoalannya, apabila timbul sesuatu kenduri dan pula lazimnya juadah kenduri mestilah Gulai daging Lembu dengan nangka, Kurmak daging Kerbau dan juga Rendang daging Kerbau. Jadi, apabila kita hendak menyembelih lembu kerbau berkenaan adakah kita akan pergi kehadapan kandang dan kata seperti Sudin semasa wataknya dalam filem Pendekar Bujang Lapok:

“Heeeyheeyey Lembu Kerbau! Keluar sini semua! Aku Chaabar kamu semua keluar sini sebab aku nak sembelih kamu nak buat lauk kenduri!” Adakah:

A)Lembu dan Kerbau akan keluar dan Pak Sudin boleh sembelih mereka

B)Lembu dan Kerbau buat tak kisah saja akan kebodohan watak tersebut

C)Lembu dan Kerbau tanduk saja watak bagi mampus

Saya rasa jika beginilah adanya watak tersebut, jangan kata Gulai, Kurma dan Rendang daging Lembu dengan Kerbau barang mungkin yang tak boleh dapat, Sup Torpedo pun si Khairy ni akan melepas!

Jika dilihat daripada sudut politik pula, anda semua muda mudi UMNO/Media UMNO jangan naik kelam mata dan naik bahlul dalam kerja politik. Nak berkawan kena ada adab, kena ada

maruah; cara karut cabar mencabar skrip bangsawan Tingkat 4 lama tak laku dah. Di tujukan khas kepada terutamanya bagi yang darah/dara muda (Pemuda/Puteri).

Sebab ini PAS kalau mereka betul-betul nak buat onar, ente rasa mereka boleh terus angkat buang sama itu DAP dalam laut, tendang saja sama bontot itu belakang suka punya PKR dan lawan semua Kerusi atas tiket PAS pada PRU13 dan mungkin menang 50-60%! Baik ente kira sama ente punya tasbih betul-betul wahai ahli politik muda UMNO. Jangan mau sana cabar - sini cabar saja, itu bangsawan dewa-dewa punya skrip drama. Itu minda kasta jutawan muda sekeluarga Tingkat 4, hambur kata-kata hartawan muda saja nampaknya. Kerangka minda sebegitu dipaksa laku semasa Tun Dollah bapa mertua Ketua Pemuda masih lagi PM, tapi hari ini tak laku lagi dah. Buat orang naik meluat meluak-luak saja lagi. Dengan segala hormatnya, dibentangkan realiti semasa, bahawa ini adalah liabiliti tetap dan mutlak buat UMNO kita.

Cermin santapan minda untuk Ketua Pemuda UMNO.

<http://www.youtube.com/watch?v=URBvGYWHZTY&feature=related>

Ayuh ikut kami, kita berikan topeng mulut percuma untuk pelajar-pelajar miskin kita. Berikan kasih sayang pada mereka ini. Lebih baik dari cabar sana - cabar sini tengah wabak penyakit.

Jangan nak cabar orang sana - cabar orang sini. Ukur diri dulu, rujuk bos dulu. Beliau lebih mengetahui.

Cina Tanjung kata itu machiam lu ch/bai saja.

By [Zulfadzli](#) on August 9, 2009 8:24 PM

Assalamualaikum Tun,

Kini terserlah lah betapa fragile nya hubungan kaum di negara ini. Saya rasa Tun banyak menerima comment yang terlampau daripada orang yang tidak beriman kerana saya tidak terkecuali dicemuh dalam blog saya kerana menyampaikan pendapat berhubung Nik Aziz dan Anwar Ibrahim melalui comment saya dalam blog ini.

Kita dapat melihat betapa rendahnya mentaliti para penentang ini dengan gaya bahasa mereka. Langsung tidak professional. Langsung tidak beriman. Langsung TIDAK BERTAMADUN.

Dalam komen saya yang lepas saya hanya memetik ulasan daripada utusan malaysia... dan comment mereka didalam blog saya ialah ..."utusan binatang".

Patut la budaya demonstrasi di negara ini hanya disertai oleh golongan orang kurang siuman kerana cara mereka bercakap dan menulis pun hanya berkisar pasal mencarut. Orang yang cerdas pandai semuanya duduk dirumah dengan anak-anak. Mereka ada kuli untuk berdemo.. Mereka keluar modal sahaja. Kuli kena simbah air dan gas pemedih mata.

Mungkin kerana Nik Aziz membenarkan perkara ini berlaku. Malunya saya menjadi seorang Islam kerana tuan guru pun tidak menunjukkan contoh yang baik. Sekiranya kaum bukan islam menjauhi agama islam, saya rasa tuan guru nik aziz boleh bertanggungjawab atas senario ini. Apatah lagi DSAI yang menonjolkan imej islam warak kepada orang-orang kampung. Pun patut bertanggungjawab juga.


Tahniah kepada hassan ali. ini baru pembangkang berkarisma. memperjuangkan yang hak dan menentang yang batil.

Terkini khalid ibrahim, tetapi takpelah. maafkan beliau kerana tindak tanduk terkini berhubung arak kerana beliau tidak pernah menunjukkan bahawa beliau seorang islam yang baik. Beliau adalah pejuang sekular. Beliau bukan contoh seorang pemimpin islam yang bagus. Beliau hanya merupakan seorang pemimpin yang dipilih setelah tidak ada pemimpin yang boleh dipilih.

Kepada mereka yang merasakan bahawa mereka adalah golongan yang waras, gunakanlah bahasa yang indah apabila kita bertutur dan menegur. Bahasa melambangkan diri anda..

ikhlas,

<http://reformasimindaguru.blogspot.com>

By Bujal  on August 9, 2009 8:23 PM

Salam Tun,

Saya amat marah pd Tun semasa DSAI dipecat dulu. Sekang baru saya faham betapa susah untuk Tun buat keputusan tersebut demi kebaikan negara dan bangsa.

Mungkin Anwar sanggup menggadaikan segala2 nya untuk jd PM. Sama2 minta perlindungan Allah drpd berlaku..

p/s Saya baru balik dr Langkawi, one of your 'legacy'.. very facinating, almost every year we gather our family members there..

By zafri  on August 9, 2009 8:21 PM

Salam Tun,

Soalan saya, kenapa ye..

1. Demonstrasi Mansuh ISA dibuat di tempat banyak perniagaan orang Melayu dan bukannya di tempat bukan Melayu spt di Bkt Bintang?
2. Kenapa terlalu sedikit penglibatan non-Bumi dlm demonstrasi tersebut sedangkan tengok di TV media makin main lagi mereka perjuangkan? Adakah mereka rasakan demonstrasi ini tidak datangkan janaan ekonomi kpd mereka atau mereka anggap biarlah kuli (pekerja) mereka yg lakukan demonstrasi (orang Melayulah) kerana orang Melayu suara majoriti negara.
3. Mungkinkah ketika demonstrasi, bukan-Melayu tengah meniaga cari untung dan beriadah bersama keluarga?
4. Ada yg katakan demonstrasi mansuh ISA tak beri kesan langsung kepada perniagaan peniaga, keselamatan orgramai atau imej negara. Betulkah?
5. Ada juga kata kenapa demonstrasi ini tak boleh sedangkan demonstrasi raksasa Malayan Union, tuntutan kemerdekaan, apartheid di Afrika boleh? Samakah matlamat perjuangan mereka dan tekanan hidup mereka dgn pendemonstrasi mansuh ISA atau benarkah perhimpunan2 ketika itu diberi permit (kebenaran)?
6. Orang-orang muda Melayu suka berdemonstrasi, merempit dan hasad dengki bergaduh sesama sendiri sedangkan orang muda bukan Bumi asyik memaju diri berniaga sehingga lupa diri. Betulkah?
7. Dengar kata, mat-mat rempit tu lumba di sponsor oleh taiko2 bukan Bumi dan merekalah kaut

untung, taiko Melayu cuma jadi supervisor saja dan semua rempit2 yg menggadai nyawa adalah Melayu. Betulkah? Samakah hal ini dgn demonstrasi2 macam mansuh ISA ini?

8. Kalau Melayu yg agamanya Islam dan majoriti pulak masih berpecah belah, maka siapa nak pertahankan agama Islam dan hak Melayu di bumi ini atau anak bini dan generasi kita? Orang bukan Islamkah?

9. DAP dan PAS macam langit dgn bumi. Macam mana nak bersatu? Ia semacam kerajaan Islam di zaman khalifah dgn kerajaan empayar Rom.

Alamatnya berperanglah...

10. Kalau asyik berdemonstrasi, bolehkah maju diri dan satu hati?. Kalau tak berdemonstrasi, guna saluran lain spt yg bukan Bumi lakukan, tentulah lebih baik. Masa tak dibazirkan. Malah masa itu bolehlah kita gunakan utk cari rezeki, meniaga, amal ibadat ke, beriadah bersama keluarga dan sahabat demi hubungan lebih akrab dan sebagainya. Yang kena tahan orang Melayu. Yang susah kaum keluarga yg terpaksa uruskan hal penahanan. Kerja apapun terhenti dsbgnya. Semuanya orang Melayu merana, pi mai pi mai tang tuu. Tak kemana. Cuma jadi jaguh kampung.

FIKIRKANLAH....Kalau sebelum merdeka atau pasca merdeka, kita hidup susah sangat (rintihan dan cerita dr ibubapa datuk nenek kita), buta tuli tak terkira banyaknya, sakit bawa maut dsbgnya, HANYA cuma 52 tahun sahaja dgn keizinan Allah Yang Maha Pemurah kita bertambah selesa, cerdik pandai dsbgnya. Tidakkah terngiang di hati kita bertanyakan siapakah pemerintahnya yg diberkati ALLAH ini yg telah berjaya merubah segalanya. Jika pemerintahnya tidak ikhlas dan terlalu korup, adakah boleh kita sampai ke setakat ini?. Adakah kerana satu dua isu yg dianggap kononnya kejam, kita nak tanggung terbalikkan kerajaan pemerintah spt ini? Tak bolehlah berbincang. Tak bolehkah setiap isu kita saja nak menang, kalau kalah kita kata pemerintah zalim tak berperikemanusiaan? Ada kata memang jadi kewajipan pemerintah utk memajukan rakyat menyediakan pendidikan dan infra sebagainya. Jadi bukanlah jasa tetapi kewajipan. Soalan saya jika kerajaan itu TERUK dan tak pandai jaga negara, adakah kita boleh berjaya sampai setakat ini dalam tempoh singkat 52 tahun? Maka simpulnya kerajaan pemerintah telah menjalankan kewajipan yg amat baik dan sewajarnya mereka berjasa kpd Negara. yang lebih penting kewajipan ini sentiasa diberkati Allah hingga ke hari ini. MAKA FIKIRKANLAH...

By aziz  on August 9, 2009 8:08 PM

a'kum Tun,

Thank you for approving my first comment on this topic. I hope that you are in good health and always happy.

I am not suprise at all from reading the comments written by the bloggers. they are entitle to their opinion about this issue. but one thing i want to highlight here is comment made by 'WEDDING'.

You asked Tun to stop telling the country the truth about DSAI. But do you know DSAI personally or perhaps better than Tun? you know nothing and yet you think that DSAI is perfect and nothing wrong about him.

You are so confident about your comment saying that Tun fitnah Anwar and bla bla bla.....

Wake up brother! jangan la sombong sangat. kalau ya pun pikir la dulu. perjuangan anwar tu nak bawak Malaysia pegi mana? even though u hate Mahathir so much, do you not appreciate things that he has done for this country? do you not think about your education you get..the life without trouble like in thailand, indonesia and philliphines, and the developement we achieved for the past 50 over years since Merdeka! Come on...kalau ye pun jangan la sombong sangat. cuba jadi manusia and bersyukur and berterima kasih.

another point is that u mentioned about having demonstration. its different in the country like holland, belgium, france, england, or the US to compare to our country. we are not first class mentality people living in the country. sadly the people involved in the demonstration are not all well educated people. some of them were from outside KL. and some of them cant even think maturely yet because they are students...underage. but anwar is exploiting them. that is what Tun Mahathir is trying to say. anwar is bringing the culture of having demonstration not in the right manner. we here we like to hold a demonstration with anger and to fight with anyone who would stop us from getting forward! its different in the european countries and the US, the people there really get the message delivered and yet they do it in a manner where there is no need for the police to fight them. i ve to brussels before and there were thousands of people demonstrating demanding pay rise for the doctors in the country. but they are educated people and they do it in a manner where there is no need violence to get the message over.

we the Malaysians and perhaps Asians like to get excited about it and without realising it we have done damage to the country already. same goes to people in thailand, indonesia...japan...korean....india...iran...middle east countries...they are all the same. we are like that. in order to change that you have to change yourself. look at yourself in the mirror! do u need to go on the streets to get the message over? and is it because u want to message over and attention as well? ask yourself...which one are you! if u are really sincere about helping to improve this damn country then you better do it right! dont just point fingers and others. you dont blame the police for doing the job. they do not care about them...they care about the people in the city and the tourist! you try put yourself in police's shoes then i think you would understand better. once violence involved...its always a risk to compromise...so its better to be sure about it and get everyone away from the area for the safety of the country and the people. dont u get it brother?

i hope u can think better now. because at the end of the day...if you are really sincere in helping this country to improve, you dont have to create another havoc situation to provoke the government or police again!

thank you!

aziz

By Shahidan  on August 9, 2009 7:49 PM

tun yg dikasihi

dulu dalam dictionary english makna Melayu ialah:n EASY GOING RACE...kita semua protest kerana dictionary tersebut menghina orang melayu..tun pernah kata kita tak perlu protest kerana itu adalah pandangan penjajah inggeris kepada bangsa yang suka ambik mudah saperti orang melayu.sebaliknya kita buktikan yang kita bangsa ,gagah,berilmu berkerja kuat dan memegang nilai murni,iaitu keagamaan.bila kita berjaya orang putih akan ubah sendiri makna orang

melayu.maka tun perkenalkan:

a)look east policy

b)buy british last

c)penerapan nilai-nilai Islam

maka malaysia berjaya.melayu berjaya,orang bukan melayu bertambah berjaya terutama melalui deb.

antara sebab kenapa melayu ni digelar n easy going race ialah:

a)semangat kebangsaan yg rendah

b)agama islam yang mudah disusahkan dengan inovasi khurafat.dan mengadakan peraturan menyusahkan yang halal tetapi memudahkan yang haram.

c)british paksa rajaraja melayu serahkan negara ni kepada british melalui malayan union.1946.kita pun serah.

d)melayu marah kepada british hingga diubah menjadi persekutuan tanah melayu.tapi sifat mudah kerana nak berkawan maka pm pertama memberi kerakyatan mudah kepada bukan melayu lebih dari sejuta orang...perkara 17 perlembagaan malaysia.

e)terbaru menyerah singapore kepada orang2 cina(rujuk tulisan m.ridzuan tee dlam mingguan malaysia minggu lepas.

f)sekarang pun kalau cuba nak baiki org melayu disebut rasis,tetapi kalau bukan melayu bantai raja2 melayu dan org melayu semua diam..

maka saya syorkan melayu sedar sebelum terlambat...Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu ubah nasib merika..demonstrasi tak akan ubah nasib melayu..beli saham pnb bolih menambah baik hidup orang melayu.....shahidan

By Shukran Farid  on August 9, 2009 7:41 PM

Dear Tun and all,

BBC NEWS UK membuat siaran secara langsung semasa demonstrasi di adakan. Saya yang ketika itu menonton berita di rumah, terkejut apabila pemberita memberitahu 'Clashes in Kuala Lumpur'.

Mereka mengatakan polis telah bertindak ganas menghalau semua penunjuk perasaan dgn menggunakan gas pemedih mata dan belantan.

Ada satu atau dua penunjuk perasaan yang tiba-tiba bertindak 'GANAS'ke atas pihak polis apabila kamera memandang ke arah mereka, cheap trick I guess.

Keadaan dalam berita itu sudah macam di Thailand semasa tunjuk perasaan yang lepas.

Shukran

By Ahmad kamal  on August 9, 2009 7:41 PM

Tun

Masa you jadi PM ,jika tiada Anwar you dah lama jatuh.Ingat masa krisis Raja,dan yang lebeh kritikal masa Tengku Razaligh lawan you tahun 1987.Jika tiada ada anwar you dah tentu kalah dengan Tengku razaligh.

Pemimpin UMNo lain semua tidak boleh harap dan tidak ada kemampuan melawan team B.

Masaalah you denga Anwar bermula apabila Daim meminta you mengambil tindakan ka atas Anwar, you percaya dengan Daim waktu itu apabila ia memberitahu you yang anwar akan menentang you. Berita ini di bawa oleh Ahmad Sebi.

Akhirnya apa yang terjadi ,Daim main kan you dan semasa dia menjadi menteri kewangan kali kedua, banyak kontrek kerajaan dia songlap untuk kawan2nya.

Lihat lah apa yang terjadi, you buang Anwar dan ambil musoh you PaK Lah menganti you. Lihat lah apa yang terjadi kepada UMNO, kepada wang Petronas dan pentabiran Kerajaan, dan kepada you.

You buat double mistake. Saya ingat cukup lah Tun. Anwar dah tidak kacau you, tidak hentam you, you jangan lah cari pasal. You pun bukan bersej sangat. Ingat tak masa you menyuruh Anwar menggunakan wang Petronas hendak menolong anak you Mirzan dan Konsotium Perkapalan.

Mirzan sanggup berbohong dengan Petronas dan memaksa Petronas membayar hampir 1.3 billion untuk menyelamatkan Konsotium Perkapalan. Dia kata kepada Petronas ia memerlukan bayaran sebanyak itu untuk menyelamatkan Konsotium. Bila Petronas bersetuju dengan bayaran itu ,Mirzan membuat keyataan di AWSJ yang Konsotium untong 300 juta hasil jualan kapal2nya kepada MISC. Mana Anwar nak simpan mukanya, Mana Hassaan Marican nak simpan malunya kepada petronas board.

Susah orang Melayu hendak percaya cakap you sekarang ini, macam you seorang sahaja yang betul dan orang lain semua crook.

Tun ,saya nasehatkan supaya tolong jangan cakap banyak. Kalau Anwar buka pekong Tun malu nanti dan tak tahu nak jawab,

By [pakbelalang](#) on [August 9, 2009 7:34 PM](#)

Dear Tun,

Anwar sudah terdesak sehingga apa taktik sekali pun yang difikirkannya membawa keuntungan kepada diri peribadinya maka itulah yang akan dicarinya dan dikejanya. Anwar sanggup diperkudakan dan dibontotkan oleh pihak seperti Amerika yang sentiasa ingin menghuru harakan negara Islam seperti Malaysia. Maka anggapan orang ramai bahawa Anwar seorang pembelot bangsa dan pengkhianat bangsa ada kebenarannya.

Berhati-hatilah kita semua tentang "kebodohon" Anwar Ibrahim. Dia nampak sahaja bijaK tapi sebenarnya dia dah bodoh stupid.

By [ibumimi](#) on [August 9, 2009 7:34 PM](#)

Salam Tun,

anuWar ni mana yang menguntungkan diri dan sahabat yahudi je dia buat demonstrasi.. tapi, bila Palestine kena BOMM ngan Yahudi.. takde pulak dia ngan lebai PAS berdemonstrasi..

APESAL? Sebab dia takut nanti kengkawan dia tarik balik sponsorship n etc2..

VERY OBVIOUS!!!

By [prof\\_ridcully](#) on [August 9, 2009 6:23 PM](#)

Salam Tun,

Saya perhatikan terdapat beberapa pelawat di sini yang berasa sedikit kecewa dengan PAS.

Inilah masalahnya bila orang berpolitik dengan menggunakan Islam. Mereka berpolitik kononnya atas nama Islam dan kononnya memperjuangkan Islam. Mereka rajin menggunakan istilah Arab untuk jawatan, mesyuarat dan bangunan. Sementara orang lain -- orang Islam juga -- mempunyai patron atau idealog, PAS mempunyai Mursyid. Sementara orang lain bermesyuarat, PAS bermuzakarah. Sementara orang lain bermesyuarat di ibu pejabat, PAS bermuzakarah di Markaz. Saya hanya menunggu wazir PAS untuk mengeluarkan 'firman' seperti yang dilakukan oleh pemerintah-pemerintah Uthmaniyyah.

Tetapi apabila tiba pada saat penentuannya mereka sanggup berkompromi di atas perkara asas Islam, yakni hukum-hakam ugama murni ini. Keadaan ini kelihatan di dalam masalah penjualan arak di Shah Alam. Mahupun PAS Selangor memprotes tindakan Ronnie Liu, PAS Pusat hanya menyerahkannya kepada Menteri Besar PKR untuk menentukan polisi. Dan kita dapat lihat keputusan yang sangat mendukacitakan orang Islam, terutamanya mereka di Selangor.

Apabila seseorang itu mengaku memperjuangkan Islam, dia akan diukur dengan berapa dekatnya dia dengan syiar Islam. Mahu tak mahu dia akan dihakimi dengan 'keras' lagi atas tanduknya sebagai seorang Islam berbanding dengan orang yang tidak selantang di dalam manifesto partinya di dalam menegakkan Islam, mahupun partinya tidak membelakangkan Islam.

Di dalam hal ini PAS telah gagal untuk menonjolkan dirinya sebagai parti yang memperjuangkan Islam dalam ertikata sebenarnya. PAS tidak mampu mewujudkan satu komuniti, jauh sekali negeri, Islam yang maju di Kelantan walaupun telah mentadbir negeri tersebut selama 20 tahun. PAS mengaku Kelantan sebagai serambi Makkah. Tetapi di manakah pembangunan manusianya? Di manakah kelebihan yang diperoleh dari status itu? Mengapa tiada perkembangan ilmu, peningkatan moral, peningkatan kecekapan pentadbiran, peningkatan ekonomi dan pengurangan jenayah? Mengapa statistik-statistik sosial Kelantan amat mendukacitakan?

Soalan-soalan yang saya tanya di atas bukan igauan dan saya hanya pemerhati berkecuali. Jika kita jenguk sejarah masyarakat Islam lampau sama ada di Andalusia, Baghdad, Damsyik ataupun di Istanbul, kita boleh lihat betapa agungnya tamadun orang Islam di bawah pentadbiran Islam. PAS tidak perlu (dan mungkin tidak mampu) untuk meningkatkan negeri Kelantan ke tahap pencapaian yang telah dikecapi tamadun Islam lama, tapi 20 tahun sudah cukup bagi PAS untuk menunjukkan kebolehannya untuk membawa Kelantan ke tahap kemajuan tuntas yang lebih tinggi dari sekarang.

Malangnya PAS tidak dapat menggunakan peluang selama 20 tahun ini untuk menjadikan Kelantan sebagai model pembangunan bagi negeri-negeri lain di dalam Malaysia. Alangkah baiknya jika Kelantan dapat dijadikan model untuk mencapai kemajuan seperti yang dicapai oleh masyarakat tamadun Islam yang agung yang terdapat di Andalusia dan sebagainya. Alangkah baiknya bagi Islam jika negeri yang ditadbir oleh parti Islam dapat menjadi penyuluh kepada yang lain di dalam hal-hal pembangunan manusia dan kerajaan. Alangkah baiknya bagi Islam jika negeri yang ditadbir oleh parti Islam ini menjadi tarikan dan rujukan kepada orang bukan Islam seperti yang terjadi pada negara-negara Islam lampau?

Dan alangkah buruknya bila parti Islam gagal mempertahankan hukum-hakam Islam? Orang ramai bukan sahaja akan menolak parti tersebut tetapi juga, disebabkan kaitan rapat parti dengan Islam, akan memperlekehkan Islam. 'Audhubillah.

By drnurdin  on August 9, 2009 6:22 PM

AI buat bising dan demo sebab nak tarik perhatian. Dia mahukan BN jemput dia selesaikan permasalahan. Dia akan tarik tali minta itu ini. Biasanya dia lah yang akan mencipta suasana kecoh, dan minta dan upah orang buat kacau. Kemudian dia akan tawar diri kepada pihak berkuasa untuk meredakan keadaan.

Orang-orang tua yang pernah tinggal di Kg. Kerinchi pasti ingat peristiwa ketika AI ni buat kecoh semasa menjadi pelajar dulu. Mereka tahu siapa yang upah penduduk buat kecoh dan siapa pula yang tawarkan diri untuk menjadi pendamai. Itulah AI. Samalah seperti meminta kepala penyamun menghalau penyamun.

Janganlah heran kalau dalam tiga tahun ini macam-macam dibuat untuk tarik perhatian. BN tak perlu layan AI. DAP pun sebenarnya tak pernah pun setuju AI jadi PM. DAP pun nak jugak jawatan PM tu. Kalau AI jadi PM pun, dia akan jadi macam MB Selangor. Kena cucuk hidung dan cucuk belakang.

By drnurdin  on August 9, 2009 6:07 PM

**PKR - PENAKUT DI SELANGOR, DITAKUTKAN PULAU PINANG.**

Di Pulau Pinang , Jeff Ooi dari DAP mahukan Razali PKR dikeluarkan dari Ahli Majlis MPPP. Bila Jeff Ooi suruh maksudnya dia telah dapat restu Bos nya Lim Guan Eng (LGE) DAP. Begitu power seorang Ketua Staf. Kalau di Rumah Putih Amerika, kalau Ketua Staf buat begitu, alamat tak lamalah khidmat beliau sebagai Ketua Staf. Bos Besar PKR (Penasihat dan Presiden) yang tanah tumpah darahnya Pulau Pinang terus terkelu tak boleh buat apa. Moral cerita adalah DAP tetap pertahankan orang DAP. Dia akan kata Lu dengar gua cakap.


Let's the war begin.....

By zaba  on August 8, 2009 5:03 PM

assallammualaikum Tun Dr MM

YB PM Datuk Najib misti mecipta raspi baru untuk di kasehan ramai rayat bersemangat untuk sukarila membantu UMNO memmantap BN memerintah

- 1 . dekat diri dengan masyarakat peniaga kecil kaki lima
- 2 . dekat diri dengan pemandu taxi
- 3 . dekat diri penarik2 beca
- 4 . dekat diri dengan orang2 tua bersalam tanya khabar
- 5 . sekali2 guna pesawat awam klas murah bersama rayat ekonomi
- 6 . rayat merasa malu mendekati datuk PM jika disisi datuk bersama kaki bodek dan kecuali lah pegawai keselamatan biasa lah tu
- 7 . bekas menteri dah kaya tak payah pungut balik saperti JJ,semak sesak masaalah buat kerajaan
- 8 . jangan buat TPM pening kepala, bagi dia ruang berkongsi kuasa
- 9 . kurung sikit mak cik datin rosmah mansor supaya dia tak kacau campur urusan kerajaan, dulu kj,skarang macam dia pula mengada2
10. ISA perlu memantap, bagi keras lagi, hukum tendang dan sumbat dalam penjara sampai reput
11. kenang jasa orang miskin, berhempah dengan orang miskin, mereka tak akan ter cari2 YB Datuk sebab mereka sedar mereka miskin & hina ada perasaan malu,ini sifat malayu ulu, kata orang biar kita ni miskin buat cara miskin,mereka tu orang besar2,pangkat besar2,rumah besar2,kereta besar2,bini besar2,anak besar2, biar mereka semua sesama besar2 mereka kaya kita tak layak campur dengan mereka segala2 banyak2 besar2,mereka mati pun geng datuk2 pikul bawa tanam,orang ulu ni apa hanya tengok melopong

By huzanna  on August 8, 2009 4:39 PM

Assalamualaikum Tun Yang Amat Dihormati,

1.Budaya demostrasi yang digalakkan oleh Anwar Ibrahim lebih kepada budaya jalanan,lebih banyak implikasi negatif daripada positif.

2.Setiap perlakuan dan tindakan selalunya seiiring dengan tanggungjawab yang harus dipikul akibat setiap tindakan itu,tetapi AI lebih kepada melepaskan segala tanggungjawab dan kesalahan kepada orang lain,tetapi dia sendiri yang memulakan suatu perkara yang memudaratkan terutamanya kepada negara dan rakyat.Contoh demonstrasi yang digalakan olehnya pada tahun 1998,Bersih dan yang terbaru.

3.Adakah beliau sanggup memberi gantirugi kepada para peniaga,kesesakan lalulintas yang teruk(bukan semua orang mengetahui tentang demonstrasi ini).Kelakuan para pendemo seolah-olah seperti di Palastine(membaling batu).Siapa hendak membayar gantirugi kepada kerosakan

harta benda awam, contoh kenderaan, pondok telefon, pasu bunga, pagar dan sebagainya? Ini bukan kerosakan akibat kejadian semulajadi seperti, banjir, puting beliung dan sebagainya, tetapi disebabkan oleh manusia dikuasai oleh bisikan syaitan sehingga tidak dapat membezakan yang baik dan buruk. Mereka ini adalah golongan 'katak di bawah tempurung' yang senang digunakan oleh pihak pembangkang dan terutamanya KEPALA PENGKHIANAT, AI.

4. Sekiranya Demonstrasi untuk tujuan yang mulia dan mendapat permit, tidak mengapa. Contoh di Barat, Mengutuk peperangan, hak asasi wanita, alam sekitar (Greenpeace), kebajikan haiwan dan sebagainya. Walau bagaimanapun demonstrasi lebih baik diadakan di padang, dewan atau di stadium (dengan permit). Demonstrasi jalanan ini akan mengundang budaya demonstrasi yang lain pula, ini adalah tidak baik untuk negara dalam langkah-langkah kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara.

5. Oleh itu, tidak kira di jalan mana sekalipun, Jalan TAR, Bangsarke, Bukit Bintang ke kawasan melayuke, kawasan Cinake, kawasan Indiake, orang biruke, hijauke, kuningke.... memang ia tidak sesuai dan lebih banyak kesan buruk, siapakah hendak bertanggungjawab sekiranya para pendemo menjadi tidak terkawal dan emosional?

6. Tahniah dan terima kasih kepada polis, FRU serta anggota keselamatan negara yang lain kerana bertungkus lumus menjaga keselamatan orang awam dan negara.

7. Kesimpulannya, sejak disingkirkan daripada jawatan TPM dahulu, saya tidak pernah mempercayai manusia bernama ANWAR IBRAHIM!! Keluarnya dia (tidak layak menggunakan 'beliau') dari 'Hotel' Sungai Buluh banyak membawa kemudaratan daripada memakmurkan negara. Saya berharap pemimpin negara lebih tegas dalam menghadapi golongan pengacau ini.

Akhir sekali saya sentiasa mendoakan semoga Tun dan Tun Siti Hasmah sentiasa dirahmati dan dilindungi Allah. Cantik gambar Tun berdua di Jepun baru-baru ini (dalam NST) sempena memperingati peristiwa pengeboman di Hiroshima.

**BERSATU RAKYAT UNTUK KESEJAHTERAAN NEGARA  
TERCINTA, MALAYSIA. SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN KE 52.**

By ariezjapez  on August 8, 2009 4:09 PM

Salam Sejahtera Tun!.... harap komen saya dapat dibaca oleh Tun dan sekalian Bloggers...

Anwar Ibrahim a.k.a pengkhianat bangsa...

Sebenarnya apa yang Si Pengkhianat nie nak dalam konteks politik negara sekarang nie.... kuasa... pangkat.. Dan yang paling penting jawatan sebagai Perdana Menteri...

Kalau Si pengkhianat ini menjadi Perdana Menteri ibarat Lim Kit Siang menjadi perdana menteri bermakna Orang Melayu khususnya akan merempat di negara sendiri seperti apa yang terjadi di Singapura dimana Orang Melayu Hanya mampu berdiam diri tertunduk bisu.

Kenapa Demonstrasi jalanan berlaku di Jalan Tunku A. Rahman bukannya di sekitar Bukit Bintang ataupun Times Square ?

Jawapannya cukup senang kerana disitulah majoriti orang Melayu kerana yang menjahanamkan orang Melayu adalah Melayu jugak.....

saya sedih.. cukup-cukup sedih sebab demonstrasi ini terdiri daripada mereka yang melaungkan Allahuakbar (Allah Maha Besar) sedangkan mereka laungkan utk si pengkhianat tue bukannya utk Allah yang Maha Esa.


Kenapa lah mereka ini masih tak sedar diri ....nak kata bodoh bebal dulu pergi sekolah....belajar sampai universiti tapi bodoh diperalatkan oleh orang lain utk kepentingan Si Anwar pengkhianat Bangsa tersebut..Wahai Tun saya amat berterima kasih pada Tun kerna diatas kebijaksanaan Tun kita sekarang sudah mampu utk berdikari sendiri dan yang paling penting saya bersyukur kerana masa zaman gawat dulu Tun Membuat keputusan utk tidak pinjam IMF dan apa yang dapat kita lihat kita mampu pulih daripada zaman gawat lebih cepat drpd yang kita sangkakan.....terima kasih Tun!

Saya asyik tertanya mengapa Si pengkhianat ini dilepaskan?

Kalau si pengkhianat nie masih dalam penjara tentunya kita masih mampu utk hidup aman bebas tanpa rasa takut ancaman demonstrasi!..

apapun bloggers seperti razak baginda yang komen tak pakai otak tapi pakai kepala lutut bawaklah muhasabah diri.....awak tue bangsa apa melayu ker Bangla? fikirilah masa depan anak cucu bukanya pikir utk si pengkhianat bangsa nie.....kalau saya cakap awak bodoh marahlah pulak....

TERIMA KASIH TUN diatas segala jasa murni yang telah membawa Malaysia ke mercu kejayaan !

By sujini  on August 8, 2009 3:38 PM

Tun Dr Mahathir,

1. Mungkin sudah ditakdirkan Allah, Tun menerima Anwar masuk kedalam UMNO.
2. Saya akui , Datuk Seri Anwar mempunyai satu peribadi "jurujual" dimana ia boleh menjual peti sejuk kepada seorang Eskimo.
3. Maka tidak hairanlah kalau dia mempunyai banyak pengaruh. Tetapi sayang, kelebihannya telah disalahgunakan semata-mata kerana hendak menjadi PM,( atau pun PM Republik Malaysia) dengan cepat dan tidak sabar menunggu Tun meletakkan jawatan.
4. Namun niat yg tidak jujur itu telah dipatahkan oleh Allah jua. Sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah jua. Diatas keangkuhannya, beliau telah mengarahkan Polis menyiasat penulis buku "50 Dalil kenapa Anwar tidak boleh jadi PM." Seterusnya Tun fahamlah.
5. Datuk Seri Anwar juga berpendirian " The end justifies the means." Pendirian ini saya rasa ada kepada kebanyakan manusia ,Tun tidak terkecuali. Kenapa saya rasakan begitu?

Dibawah adalah hujah-hujah saya:-

- a. Kenapa Tun menerima Anwar masuk UMNO? Bukankah beliau mempunyai rekod hitam semasa di Universiti lagi? Bukankah beliau selalu keluar masuk penjara kerana selalu merusuh semasa daripada seorang penuntut sehingga menjadi Presiden ABIM?  
Tetapi saya rasa mesti ada keistimewaan yg Tun lihat pada Anwar sehingga Tun sanggup menerima beliau jadi ahli UMNO. Kalau musang dibenarkan masuk kedalam reban ayam, maka berHari Rayalah si-sang musang.
- b. Keduanya, kenapa memilih Abdullah (Tun) sebagai pengganti? Kenapa tidak Najib atau pun Muhyiddin sekali pun?

c. Seperti juga pada Anwar, Tun melihat suatu ciri "Yes Minister" pada Abdullah. Malangnya Abdullah tidak ikut "gentleman's agreement". Beliau ikut "family agreement". Beliau pula didodoikan dengan lagu, "Tidurlah Permaisuri".

d. Ketiga, setelah kerajaan memansuhkan PPSMI mulai 2012, Tun telah mengadakan POLL di chedetblog sebagai meraih sokongan kerana "ego" Tun telah tercabar. Bukankah ini satu tindakan "The end justifies the means"?

6. Mohon banyak maaf Tun, sekiranya komen saya kali ini tersalah tafsir dan sedikit berdesing di telinga.

7. Walaupun saya rasa Tun ada buat kesilapan tetapi tidak pula saya menganggap segala jasa-jasa Tun yg lain terhapus. Tun juga mengakui didalam chedetblog bahawa Tun ada buat kesilapan.

It's only human.

8. Tetapi saya amat menghormati dan kagum kepada sesiapa yg boleh mengaku kesalahannya dan pada masa yg sama cuba memperbetulkan kesalahan itu. Lebih-lebih lagi kalau seseorang itu digelar seorang PEMIMPIN.

Terima kasih.

By toksabiq  on August 8, 2009 3:27 PM

Tun yang saya hormati,

Ini masalahnya orang Melayu...masa Manchester datang baru ni menentang Malaysia, Malaysia tewas 3-2 dan kemudiannya 2-0.

Tapi bila UMNO menentang PR di Semenanjung Malaysia for the last few months, UMNO tewas 5-0 ke atau 6-0...itu belum masuk lagi PRK yang akan datang tidak lama lagi.


Kenapakah sempit sekali pemikiran Tun dan mereka yang sewaktu dengan Tun? Tun mungkin lalai dan leka dok pujian mereka yang dalam blog Tun ini tapi Tun lupa ramai di luar sana sudah muak dengan modal Tun yang menuduh Anwar itu dan ini....

Demonstrasi jalanan adalah luahan hati rakyat. Yang baru ini adalah luahan hati rakyat yang mungkin sedikit sahaja kaitannya dengan Anwar.

Rakyat sudah benci dengan kezaliman ISA ini. Mereka ditahan sehingga 7-8 tahun tanpa ada bukti. Mereka sebenarnya adalah tahanan politik bukan ada bukti kesalahan mereka.

Selagi demonstrasi jalanan ini tidak menggugat kerajaan seperti demonstrasi menentang pendudukan Israel di bumi Palestin atau demonstrasi menentang kebiadaban Denmark mencela Nabi s.a.w. maka polis bertugas menjaga keamanan negara maka penjual dan mereka yang berniaga akan lebih untung berlipat kali ganda. Tetapi bila demonstrasi ini "menyoal" kedudukan kerajaan maka tiada jalan lain melainkan mencederakan rakyat dan menangkap mereka.

Sedarlah Tun, rakyat sudah muak....

By musato  on August 8, 2009 3:19 PM

Assalamualaikum Tun.

Orang kebanyakan terpegun kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana gaya panglimanya. Panglima yang berupaya menunjukkan keberanian luar biasa. Menunjuk-nunjuk.

Entahlah...kalu saya dapat power pun belum tentu saya menaip dengan gaya slow camni. Baguslah orang-orang Melayu sekarang masih ada yang suka berdarah panglima.

Terima kasih Tun.

By [sevilla](#) on August 8, 2009 3:11 PM

Salam Dear Tun,

Hopefully rakyat akan terbukak mata untuk melihat siapa sebenarnya dalang di sebalik semua ni. Kalau mereka betul-betul memikirkan tentang kebajikan dan kepentingan rakyat, tak mungkin mereka akan membuat 'rally' jalanan semacam ini dari masa ke semasa.

Tindakan yang dibuat hanya menyusahkan rakyat. Membazirkan sumber kerajaan kerana terpaksa mengerahkan polis untuk mengawal keadaan. Perangai tak lebih macam yahudi. Kalau dibiarkan dia kata dia betul, kalau dihalang dia kata kita nak tutup benda yang betul.

Kesimpulannya dia saja yang betul bagi dia dan orang lain yang tak ikut kata dia semua salah. Kadang-kadang terpikir apa agenda perjuangan mereka yang sebenar? Untuk rakyatkah atau untuk diri sendirikah? Kalau mereka ikhlas dan betul-betul berjuang untuk rakyat, mustahil mereka akan ambil tindakan yang akan menyebabkan rakyat susah. Yang penting nawaitu kena betul.

Ini bukan kali pertama 'rally' jalanan semacam ini dibuat. Kesannya? Rakyat jugak yang tanggung.

Mereka telah diberi peluang didalam pilihanraya, ada yang dah jadi MP dan ada yang dah jadi ADUN. Kenapa tak gunakan 'channel' yang ada dengan lebih intelektual dan berhemah. Ini tidak, peluang yang diberi untuk perjuangkan nasib rakyat samada di Parlimen atau di DUN digunakan dengan membuang masa dengan benda-benda yang tak konstruktif.

Dalam Al-Quran ada satu ayat...dan bagi mereka yang mahu berfikir.....wallahuaalam.

By [Pendekar Mustar](#) on August 8, 2009 3:07 PM

Assalamualaikum ayahanda Tun...

Saya amat bersetuju dengan gelaran 'PENGKHIANAT' yang dilabelkan kan oleh TSMY baru-baru ni kepada KETUA PEMBANGKANG..KETUA PEMBANGKANG banyak melakukan kezaliman di negara ni sejak dibebaskan oleh Pak Lah dari penjara..Semasa zaman Tun memerintah,kaum bukan bumiputera tidak berani sama sekali mempersoalkan raja2 melayu,hak istimewa raja2 melayu, DEB tetapi disebabkan ade sorang pengkhianat melayu yang bercita2 ingin menjadi PM skrg mereka semakin brani menuntut macam2 sehingga menghakis hak orang melayu..Sebagai orang melayu,kami berasa terancam jika fenomena ini berterusan khususnya untuk generasi akan datang..Dibimbangi orang melayu akan ditindas seperti yang berlaku di negara jiran Singapore jika konsep kesamarataan yang dilaung2kan oleh PKR diamalkan di negara ini....

Berkenaan dengan demonstrasi baru2 ini, pada hemat saya merupakan satu strategi yang dilakukan oleh KETUA PEMBANGKANG untuk mengalihkan pandangan rakyat isu saiful bukhari dan bertujuan untuk meraih sokongan bagi pilihan raya kecil permatang pasir..Sebagaimana kita tahu PAS menang tipis bagi P/r manik urai..Strategi yang serupa

digunakan bermula PERHUMPUNAN BERSIH hingga berlakunya tsunami politik pada MAC 2008 bagi menjatuhkan kerajaan BN....

By Cikgu Ikhwan on August 8, 2009 2:53 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya nampak permainan politik dan budaya berdemonstrasi Anwar ini sungguh bahaya untuk negara. Jika berterusan negara ini akan jatuh ketaraf seperti Pakistan, Iraq dan Afghanistan dan negara Afrika satu hari nanti.

Kerajaan seharusnya jangan rasa tertekan dengan tipu muslihat Anwar ini, seperti dalam hal PPSMI. Sungguh menyedihkan kerana ia menjejaskan kemampuan negara dimasa hadapan.

Saya telah memulakan satu blog baru khas untuk mengajar bahasa Inggeris secara online dan percuma. Diharap ini akan memberi faedah kepada anak2 Melayu.

Cikgu Ikhwan

By cicit tok perak on August 8, 2009 2:33 PM

by matG. 8 Aug.


Selepas saya baca komen anda, saya gambarkan anda seorang anak muda yang berpendidikan tinggi hasil dari polisi dan kemajuan yang berjaya disediakan oleh kerajaan Malaysia yang selama ini diperintah secara terus menerus oleh satu gabungan parti iaitu BN. Golongan muda seperti anda ini mewakili sejumlah besar rakyat dan pengundi yang akan menentukan kerajaan apa yang akan memerintah Negara kita yang tersayang.

Saranan saya untuk anda cubalah jadi seorang muda berpendidikan yang tidak mudah termakan hasutan oleh mereka2 yang berkepentingan. Tidak salah kalau anda mahu masuk team mana sekalipun asalkan pastikan perjuangan anda berlandaskan kebenaran dan keikhlasan.

Saya kira orang lama lah juga, tetapi saya tidak pernah ragu dengan integriti pasukan polis, psrm dalam menjalankan tugas berlandaskan undang2 negara. Masalahnya banyak kes yang digembar gemburkan pembangkang adalah kenyataan POLITIK tanpa membuat sebarang laporan polis pun. Malahan kalau mereka mempunyai bukti yang sah sudah pasti musush mereka takkan dilepaskan. Sepatutnya orang2 muda seperti saudara dapat menerima hakikat seseorang yang dituduh itu hanya bersalah sekiranya mahkamah mendapatinya bersalah. Tak kiralah sepahit mana sekalipun kenyataan mau di telan. Dalam falasafah undang2 sendiri mengatakan Biar melepaskan bebas orang yang mungkin bersalah asalkan tidak menghukum orang tidak bersalah.

Last sekali, Orang Melayu secara tradisinya tidak pernah cemburu terhadap kemajuan yang dicapai oleh kaum bukan Melayu ini. Kalau orang Melayu melenting sekarang ini mesti ada sebabnya. Kalau saudara tak faham kenapa, kenalah saudara bertanya orang2 lebih tua yang beasal dari kampung. Saya pasti anda mendapat jawapannya.

Saudara adalah golongan penentu survival Orang Orang Melayu, pastikan kita tidak di anggap KACANG LUPAKAN KULIT.

By JJJ  on [August 8, 2009 2:19 PM](#)


salam Tun,

AWAS! AHLI PARLIMEN DAP JELUTONG GELAR ISLAM AGAMA EKSTREMIS!

Belang dah nampak...Tahniah PR! Kita lihat siapa yang kena!

Wassallam

Jeng3


By zafri  on [August 8, 2009 1:51 PM](#)

Salam Tun,

Persoalan pertama,

Difahamkan Tony Pua (DAP Selangor) dlm paper hari ini bingung kenapa PAS dan DAP di negeri selangor kacaubilau sedangkan hubungan mereka diperingkat pusat baik. Jawabnya mudah. Kerna kedua2nya masih belum perintah pusat(persekutuan). Bolehlah cakap-cakap kosong dan boleh bekerjasama ituini. Belum dapat kuasa katakan. Bolehlah duduk semeja. Kalau dapat...tak tahulah. Sedangkan di negeri pun macam-macam kacau. Ideologi macam langit dan bumi. Yang satu Malaysian Malaysia yang satu lagi nak pemerintahan Islam. Sanggupkan kedua2nya berkorban ideologi mereka yg menjadi prinsip utama penubuhan mereka. Sanggupkah PAS tenggelamkan kepentingan umat Islam dan DAP tenggelamkan kepercayaan non-Bumi demi utk win-win situation? RUMIT. Padahal BN adalah satu gagasan yg sejak menuntut kemerdekaan lagi telah bekerjasama baik. Masing-masing telah berkorban demi perpaduan negara. Yang sensitif dibawa berbincang walaupun ada sekelumit kecil keceluparan di sana sini. Pemerintahan telah bawa kemakmuran kpd semua. Cuma cacat cela pasti ada. Rasuah & penyelewengan kuasa pasti ada di mana-mana. Tak payah nak perintah baru ada rasuah. Ini isu penting namun isu yg lebih teramat penting ialah isu sejauh mana pemerintahan secara multiracial berkesan dapat dilaksana demi perpaduan, kesejahteraan dan keselamatan negara. Isu rasuah dan seangkatan dgnnya akan wujud sampai bila2 dan BN telah sedar dari tidur. Mula mengorak langkah memerangnya. Membuka pekung di dada sendiri demi banteras rasuah dan salahguna kuasa. Macam-macam kes yg dibuka yg boleh jejaskan imej BN. BN boleh sorok. Tapi demi utk bersihkan BN, perlu dibuka satu persatu. BN lebih terbuka sekarang walaupun dikatakan terdesak mencari kuasa. Tetapi inilah hikmahnya yg diberi Tuhan. BN Bravo. Keduanya, demonstrasi. Saya ada tonton dlm Awani tentang diskusi demonstrasi. Panelnya UMNO dan PKR. Wakil PKR katakan masa tuntutan kemerdekaan dulu kita buat demonstrasi, apartheid di Afrika Selatan juga dibenarkan demonstrasi. Betulkah kedua-duanya dibenarkan dan apakah motifnya sama dgn Mansuh ISA. Kedua-duanya juga demonstrasi haram demi perjuangkan kemerdekaan rakyat setelah tiada alternatif lain yg diberi oleh penjajah kulit putih. Kalau diberipun, hilanglah segala kepentingan rakyat diratah mereka dulu. Zaman itu kita amat miskin, hilang kuasa malah mungkin tanahair hingga memaksa melawan penjajah bukannya pemerintah Raja2. Sanggup gadai nyawa dan segalanya. Segala bentuk kekejaman ditelan hingga wujudnya demonstrasi segalanya. Tetapi kita sudah merdeka. Negara yg baru 52 tahun makmur sentosa. Ramai pemimpin PR juga maju atas dasar kerajaan. Kalau kerajaan teruk sejak merdeka, maka jadi kuli lah kita masa ini. Banyak pilihan lain yg ada selain demonstrasi. Cthnya PPSMI, tak perlu sangat demonstrasi, cuma duduk di meja bulat dapat maklumbalas pihak yg kononya mewakili kepentingan pelajar dan bahasa, yg akhirnya PPSMI dapat juga dimansuhkan. Kenapa

nak bergegak gempita. Tentulah ada udang disebalik batu. Demi sesuatu sanggup berkorban. Takpalah kalau hilang 2 3 nyawa. Boleh jugak dijadikan isu. Tak bolehkah elak hilang 2 3 nyawa itu, contohnya? Kenapa wakil PKR itu tidak mengambil cth negara Singapura yg majunya tak terkira. Mereka matured, maju tetapi amat tegas dalam penguarkuasaan undang2 demonstrasi. Cubalah buat di sana. Kenapa?. Kerna mereka lebih pentingkan kemakmuran, kestabilan dan keselamatan negara. Hal lain adalah asam garam kehidupan seharian. Bagi mereka, demonstrasi membawa bencana. Boleh sebabkan kehilangan nyawa dan hartabenda yg akhirnya menyemarakkan lagi dendam kesumat samada di pihak penguatkuasa, pendemonstrasi mahupun pihak ketiga. Dendam ini akan merebak sedikit demi sedikit. Sukar utk diubati dan akhirnya terbitlah bibit perpecahan rakyat dan negara. Kenapa negara kita yg sudah aman, makmur perlukan demonstrasi semacam ini. Tidak bolehkan 50 orang PR pergi mengadap Agung hantar memorandum atau ke pejabat PM bagi nyatakan bantahan. Jangan kata tak ada saluran. Ini semua tipu belaka. Fikirkanlah...

By soupich  on August 8, 2009 1:49 PM

Salam sejahtera YABhg TDM & semua

Kesilapan kerajaan adalah tidak memberi penjelasan bagaimanakah syarat-syarat dan kelayakan untuk memohon sebagai tahanan ISA dan apakah kelebihan dan keistimewaan mendapat sijil keluaran ISA. Saya rasa kem. Penerangan kena menyebarluaskan kaedah2 utk memohon sebagai tahanan ISA.

Rakyat kena diberi tahu apakah gerakan-gerakan gotong royong membersihkan kawasan, ceramah ugama yang betul(bukan ceramah politik ugama), ceramah motivasi/kesihatan, noreh getah, panjat kelapa, jual kain pasang dsbgnya boleh dipertimbangkan untuk kemasukan ke ISA.

Tidak ada penangkapan ISA dibuat kalau setakat makan nasi sepinggan dua atau pergi mancing ikan.

Rakyat kena faham hanya golongan tertentu sahaja yang berminat dengan ISA ni, tapikalau golongan ini buat bisnes, dapat duit kemudian sedekah kepada fakir miskin,ibu tunggal, pelajar dan lain2, saya raya tak mungkin depaorang kena ISA.

Saya tak tahulah kalau ada berlaku kt kampung tuan2 sekelian. Kat kampung saya tak ada.

bangsaku telah jauh di/terpesong....sehingga orang lain dah naik tocang... wassalam

By SHAM\_AB  on August 8, 2009 1:34 PM


Assalamualaikum TUN and all,

I started to read a book call "The SHOCK DOCTRINE" - ANNA KLEIN (mungkin most of you already read it). To me it explained the happenings in the last decade or so...GLOBALLY, REGIONALLY and also perhaps in our countries...

There are similarities...within this book on the approach, strategy etc...to achieve "their" agenda.

Last , few months we are presented with few incidents that "SHOCKED" the nation as well....REFLECT ON THIS

Wassalam.

By HBT  on [August 8, 2009 1:26 PM](#)

By Razak baginda on August 7, 2009 12:45 PM  
Tun,

//Saya amat terkejut dengan komen Tun yang nampaknya kebelakangan ini pandai memutal belitkan hal hal penting. Paling terbaru mengenai hak asasi rakyat.

Saya sekarang tinggal di Hong Kong, di mana demonstrasi diadakan setiap hujung minggu. (janganlah Tun kata Tun tak pernah melawat Hong Kong).

Polis di sana telah menutup jalan untuk memberi laluan kepada demonstrasi ...Mereka tidak pernah mencederakan rakyat sendiri.....

Saya tak perlu cakap banyak....lihat sendiri di youtube//


Saudara Baginda R,

Tak perlu tengok youtube, HKTVB's siri drama dah ceritakan Kisah Benar dengan cara yang betul dan aman, orang yang street demonstration sebenarnya mereka tidak boleh membezakan apakah itu Highstreet Fashion and Budaya Street Demonstration .

Yang benar ,

Live from Hongky

Just my cent no in perception, smile spikey:) from Spike

By che set  on [August 8, 2009 1:12 PM](#)

Salam sejahtera Tun sekeluarga serta semua pejuang Che Det.

"Rakyat didahulukan...", jika benar slogan ini maka perbicaraan pengkianat #1 ini wajib disegerakan, kerana pengkianat ini adalah tok dalang kepada kekacauan yang menggugat rakyat. Sekarang ini kelihatannya "Pengkianat Didahulukan". Kenapa atas nama demokrasi petualang-petualang dibiarkan bebas melakukan pengkianatan kepada negara? Untuk siapakah undang-undang dan hukuman yang tersedia ada? Seolah-olah penjahat meminta supaya polis, penjara dan seluruh sistem kehakiman dimansuhkan agar dapat memberi laluan kepada aktiviti mereka. Jangan sampai nasi menjadi bubur, negara akan rosak binasa. Wahai Najib, protes rakyat sebenarnya adalah kerana kerajaan lemah. Majoriti rakyat inginkan satu kerajaan yang tegas dan berani. Masih tidak nampak usaha memperkasakan kerajaan. Musuh sekarang berada dalam selimut. Laporan akhbar melaporkan yang enak-enak sahaja. Nostalgia Tun Razak dijadikan santapan rakyat untuk menutup ketidak-tenteraman rakyat. TV memberi banyak 'airtime' percuma kepada peliwat negara dan segala aktivitinya. Kalau di China, India, Pakistan, negara Timur Tengah dan juga negara-negara Amerika Selatan, orang ini pasti tinggal nama sahaja. Ingat, "Pengkianat Didahulukan, Rakyat Dikemudiankan".

By MALAYSIADREAM  on [August 8, 2009 1:00 PM](#)

\*\*\*\*\*

We love Malaysia..because we have a visionary leader..to lead

our beloved nation to the greater high on the map in the world..!

We have everything in our life in our country.!We love..nasi lemak..  
we like char kui teow...we never miss..roti prata..in our daily life  
in our beloved country!Today..we even love more our One Malaysia...!  
But sometimes..we cry for our beloved nation Malaysia..! Don't know  
why..just don't know what to do..how to do..for our beloved nation  
Malaysia..! We can only pray..pray to the Mighty God..forever  
never-lasting lovingkindness for our beloved nation..1 Malaysia..!

Count on us ..1 Malaysia..!Inshaallah

\*\*\*\*\*

By [rahman abbas](#) on August 8, 2009 12:52 PM

kepada sdr mohta.

demonstrasi adalah budaya barat yang dibawa masuk oleh seorang pemimpin melayu yang kecewa.

sdr sebut korea, jepun, amerika, britain kenapa tidak sebut thailand yang menyebabkan kerugian berjuta-juta dollar kerana baju kuning dan merah beraksi di jalanan. sdr tidak sebut singapura mengapa sikap pilih-pilih.

kesemua ketua pembangkang yang beraksi dalam demonstrasi adalah ahli parlimen mengapa buat kecoh dijalanan buatlah heboh dalam parlimen itulah tempat untuk mencapai sesuatu untuk rakyat dan negara. tetapi kawan tu pilih dan cipta demonstrasi jalanan ala beliau.

majority rakyat malaysia tidak sokong demonstrasi jalanan.

By [Segara](#) on August 8, 2009 12:48 PM

Salam Bahagia Tun.

Teramat buruk kelakuan , kebudak-budakan dan apa jasa puak PR ini sebagai parti atau juga individual?. Tidak pernah tampak kebaikan mereka untuk dikenang oleh rakyat teramai, bilamana apa yang dibuat hanyalah mengecam supaya orang membenci pemerintah bukan menarik hati rakyat dengan idea-idea yg bernas.

Perlukah lagi demonstrasi bilamana mereka sudah punya beberapa negeri untuk dijadikan platform untuk mempamerkan keampuhan dan membuktikan mereka ini puak pemimpin terbilang, kenapa perlu demonstrasi lagi? Jika sebelum pilihanraya PRU dahulu, mungkin demonstrasi ini tidak memelikkan, ini pasca pilihanraya dan sudah punya tapak, tindakan ini adalah tindakan orang yang tak berakal.

Puak PR harus ingat kemenangan mereka pada Mac 2008 lebih kepada faktor penolakan BN , bukannya kerana rakyat meminati PR. Buatlah kajian terperinci sebelum nak perasan dan merasakan diri disanjung.

Orang Melayu akan terus diperkudakan . Saya ingin bertanya kenapa aspek politik sahaja yg diperjuangkan oleh puak PR ini, bagaimana dengan aspek sosial dan ekonomi? Laungan demi laungan untuk menyamaratakan hak rakyat, tetapi yang nampak jelas kek ekonomi masih lagi utuh ditangan satu kaum saja. Dasar perkauman yg amat jelek berlangsung dalam arena ekonomi, puak monopoli nyata tidak membuka ruang kepada kaum lain. Harga pasaran dikotak-katek kan, bekalan di sorong dan di tarik sesuka hati, berjuta2 ringgit duit rakyat disedut oleh puak monopoli ini saban hari, kenapa tidak ada orang yg memperjuangkan nasib rakyat dalam hal ini? kenapa tiada demonstrasi menentang puak monopoli yg mengawal ekonomi ini? Kenapa yg kuat dipersoalkan adalah hak orang Melayu saja?

Bila kali terakhir kita mendengar puak monopoli ini memberikan hak distributorship kepada kaum lain, memberikan sub-contract kepada puak lain, bila? Sekalipun layak, jangan mimpi kaum lain akan diberi peluang oleh para rasis ekonomi ini. Perjuangan keadilan oleh puak PR adalah satu perjuangan yang pincang dan didokong kuat oleh puak rasis ekonomi yang memerah duit rakyat setiap hari dari permainan harga barang keperluan.

Ini semuanya bermakna puak tertentu mengambil kesempatan dari kelemahan orang Melayu, sedangkan hak mereka tak pernah mahu dikongsi. Ermmm berapa peratus lagi tinggal tanah milik orang Melayu di Pulau Pinang ye? Mungkin puak ini akan merasa bahagia dan berpuashati bilamana keseluruhan Malaysia menjadi seperti Pulau Pinang.

Kita menyokong kesamarataan, tetapi biarlah dalam semua sektor, politik, ekonomi dan sosial.

By [nash](#) on [August 8, 2009 12:17 PM](#)


SALAM TUN,

SEBENARNYA ANWAR NI APA YANG ORANG BUAT SEMUANYA TAK BETUL.

PADA 1972 SEMASA SAYA BEKERJA SEBAGAI PEGAWAI PINJAMAN MARA, ANWAR ADA MEMBUAT PINJAMAN MARA UNTUK PERNIAGAAN PRINTINGNYA DI TEPI JALAN TAR, KUALA LUMPUR SEBANYAK RM30,000-00 UNTUK MEMBELI MESIN CETAK. KETIKA ITU NILAI JUMLAH INI SANGATLAH BESAR. BAGI HENDAK MENDAPATKAN PINJAMAN TERSEBUT SAYA DIKEJAR BAGI HENDAK GILA.BAYARAN BALIK PINJAMAN TERSEBUT TIDAK LANGSUNG DIBAYAR.APABILA PEGAWAI PENGUAT KUASA MARA PERGI HENDAK MERAMPAS MESIN YG DIBELI ATAS PINJAMAN DAN DICAGAR KEPADA MARA DIDAPATI HANYA MEJA KAYU BURUK SAHAJA YANG DITINGGALKAN DAN MESIN MESIN CETAK TELAH LESAP. SELEPAS ITU KALAU BELIAU JUMPA SAYA DIJALANAN BUAT TAK KENAL.

ITU SEBAB APABILA SEDIKIT MASA DAHULU APABILA MARA KECUH DENGAN PENUNTUT TIDAK MEMBUAT BAYARAN BALIK PINJAMAN PELAJARAN, KETIKA ITU BELIAU MENTERI KEWANGAN, BELIAU HANYA MENDIAMKAN DIRI SAHAJA SAHAJA.

ITU LAH ANWAR.T.K.

By lexma  on August 8, 2009 12:14 PM

Salam Tun,

kita sebenarnya tidak memerlukan seorang ahli politik seperti anwar yg lebih cenderung menghuru harakan negara dengan menganjurkan demontrasi jalanan dan sering memburukan negara

kita lebih memerlukan seorang ahli politik pembangkang yg jujur utk mengkritik kerajaan secara ikhlas dan berpandukan perlembagaan negara serta sama2 membangunkan negara (konsep checks and balances)

kita sudah menyediakan tempat yg sesuai utk mereka berdebat mengenai pelbagai isu iaitu parlimen

malangnya pembangkang hari ini sudah lari dari konsep sebenar kewujudannya...dan sering memprovokasi di luar parlimen

mereka mempunyai agenda peribadi untuk menguasai negara secara tak bermoral dan melibatkan rakyat ramai utk melanggar undang2.

mereka yg terlibat sebenarnya tidak menyelami penderitaan rakyat negara dimana sering berlaku demontrasi jalanan..

bibit2 seperti ini lambat laun akan menjejaskan ketenteraman dan kemakmuran negara dan akan menambah penderitaan rakyat ramai..

adakah mereka terlalu menderita dan tidak selesa tinggal di negara ini?

adakah majoriti yg berdemontrasi benar2 menderita kerana ISA..adakah mereka semua pernah dipenjarakan kerana ISA..

jawabannya tentu tidak...

hanya segelintir saja yg berniat jahat yg merasainya.

kenapa perlu melanggar undang2...

kenapa perlu risau jika kita patuh pada undang2

adakah mereka sedar ISA itu diwujudkan demi menjaga keselamatan dan keharmonian hidup rakyat?

adakah mereka rela negara ini huru hara dan kaum keluarga mereka dibunuh gara2 pertelingkahan kaum

sebenarnya kita tidak perlu hapuskan ISA...

cuma perlu menambah baik perlaksanaannya.

By megawati mat nasir  on August 8, 2009 12:14 PM

Saya bukannya seorang yang pandai dalam hal-hal politik, tapi bagi fikiran saya yang normal ini kenapa pada hari demontrasi tempohari hanya orang-orang melayu yang bersungguh-sungguh tapi kaum- lain seperti cina dan india jumlah mereka tak sampai 10 orang pun. Dengan ini sudah dapat di buktikan kerja sia-sia ni hanya orang melayu bodoh saja yang berminat. Saya cukup sedih bila siaran berita menayangkan pakcik-pakcik, makcik-makcik dan adik-adik yang usianya masih muda ditangkap polis, adakah ini yang dibanggakan oleh orang-orang kita?, adakh hidup mereka semua ini ditanggung oleh pihak yang menganjurkan demonstrasi ini?.

Kita jangan jadi BODOH, anwar semasa ditahan dalam lokap dulu, adakah hidup isteri dan anak-anaknya miskin, papa kedana, duduk dalam rumah yang tak macam rumah lagi rupanya, adakah hidup mereka kais pagi makan pagi kais malam makam malam? fikirlah anda-anda semua YANG DITANGKAP polis semasa demonstrasi tempohari, kalau hidup anda semua semewah keluarga anwar saya tak marah sangat, demonstrasilah dan masuk lah lokap berulang kali pun tak menjadi masalah. Dan satu lagi masalahnya, kenapa perlu mengadakan demonstrasi ditempat

tumpuan utama peniaga-peniaga kecil bangsa melayu? kenapa tidak ditempat yang menjadi tumpuan penia-peniaga bangsa cina? jawaplah pertanyaan saya dengan jujur sejujurnya.....

By muslimah\_262  on August 8, 2009 11:52 AM

Salaam Tun and family, May Allah always have Blessings on you and family,

Actually, DSAI did not even join the street demonstration! Clever.

He was in PAS Headquarters (J.Raja Laut) and made a hastily arranged "press conference" there, and left on a motorbike soon after. So, the poor lot of rioters were fooled...again. When are they ever going to WAKE UP.

On a serious note, may I share with fellow readers some data I got from some sources. I am currently also writing up a book on THE NEW WORLD ORDER & NON-MILITARY METHODOLOGY (OF THE CIA and OTHERS) IN BRINGING DOWN A NATION (THEY DO NOT LIKE):

IN THE NAME OF ALLAH , THE MOST GRACIOUS AND THE MOST MERCIFUL.

In a book by Webster Griffin Tarpley entitled "Obama: The Postmodernn Coup", he described in pg. 261, that as far back as 1967, Dr. Fred Emery, then Director of Tavistock Istitute, specified that the then new phenomenon of "swarming adolescents" found at rock concerts could be effectively used to bring down the nation-state by the end of 1990's. The British Military created the Tavistock Institute as its psychological warfare arm following World War I.

The new techniques of warfare include the use of both lethal (violent) and nonlethal (nonviolent) tactics. Both ways are conducted using the same philosophy, infrastructure, and modus operandi. It is what is known as Cyber war. For example, the tactic of swarming is a fundamental element.

In November 1989, In Ohio began a series of conferences to review progress towards that strategic objective. This was reported in "Human Relations" in 1991. There, Dr. Howard Perlmutter, professor of "Social Architecure" and a follower of Dr. Emery, stressed that "rock video in Katmandu" was an appropriate image of how states with traditional cultures could be destabilized, thereby creating the possibility of "global civilization".(1)

Another method of post-modern coup is the deployment of polling agencies' "exit polls" broadcast on international television to give false impression of massive vote-fraud by the ruling party, and put targeted states (nations) on the defensive.(1)

The creation and deployment of coups of any kind requires agents on the ground.

The main handler of these coups on the " street side" has been the Albert Einstein Institution, formed in 1983, specialising in "non-violence as a form of warfare". The group is funded by Soros and the National Endowment For Democracy (NED).

Albert Einstein's President is Col. Robert Helvey, a former US Army Officer with 30 years' experience in South East Asia. He has served as case officer for youth groups active in the Balkans, Eastern Europe and Southe East Asia since 1999. Col. Helvey had created a series of youth movements in Serbia, Georgia and Ukraine. At least one of the books by the Albert Einstein Institution was supported by George Kennan, the founder of the CIA's Operations Division.

By 1985, seminars were given at Harvard entitled “Civilian-based Defense and The Art of War”. In page 267 of Tarpley’s book, he wrote, : During the seminar, the Serbian students received training in such matters as to how to organize a strike, how to communicate with symbols, how to overcome fear and how to undermine the authority of a dictatorial regime”The principal lecturer was Helvey. Of course, the term “dictatorial” in US terms usually means any state that does not conform to its needs.

Helvey emphasized how to break the people’s habits of subservience to authority, and also how to subvert the regime’s “pillars of support” ie the police and armed forces. This “teaching is against the fundamental teaching of Islam.

Movements cannot succeed without funding. The opposition group in Serbia got funding from Freedom House in the US. NED, Internaitonal Republican Institute (IRI) financed by US government. US Agency for Internaitonal Devlopment (USAID) sponsored materials like T-shirts and stickers.

Even a training manual was developed to “train future Trainers” as part of the opposition insurgency methodology, and distributed in workshops. This reflects how systemic the insurgency mechanism is.

Stickers, spray paints and websites are the young activists’ weapons (pg. 268, Tarpley).Street comedy mocking the regime was also a method in puncturing public fear and enraging the powerful.

Once the “opposition group” succeeds, pro-US President Saakashvilli was installed.

Another method is “...organizing massive and colorful protests that drew crowds who never previously had the courage to oppose the ...former Yugoslav President (Milosevic). Carbon copies of such rallies can be seen in Ukraine, Belarus, Iran, Thailand(?) and Malaysia, with one purpose, to undermine a legally elected government, before installing a PUPPET regime.

Dr. Gene Sharp said, “Strategic Non-violent struggle is all about political power. How to seize political power and how to deny it to others”. Excerpts from his book was developed into a ‘training manual” for use by opposition groups in Eastern Europe.

In page 277 of the same book, the Myanmar government described how the Western powers have been aiding certain organizations under the GUISE OF "DEMOCRACY" AND "HUMAN RIGHTS" by giving them assistance in both cash and kind.

(The same is happening in Malaysia as we are speaking right now.)

Another strategy taught by Col. Helvey to insurgent groups was to use all sorts of SUBVERSIVE acts so that people will have wrong impressions of the Government and lose their respect on it; and so disturbances and upheavals will break out in the country.(pg 278.)

(This scenario is well illustrated in the never-before seen scenario in Perak, Malaysia. A strategy it was. )

(A book one should also read: FUTURE FAST FORWARD, by Matthias Chang. Excellent overview.

Anyone keen to share facts with me (for my book)?  
email nshinah@yahoo.com

Thank you, TUN, for the prosperity and peace you give to us MALAYSIANS. Saya Bersyukur kepada Allah dan harap Tun & keluarga sentiasa di dalam Rahmat Allah.

DR. NORSHINAH @ BANGI

By adamfariz  on August 8, 2009 11:36 AM


Salam Tun Dr Mahathir,

First of all, I supported you and the government on upholding the ISA. Dictatorship? Yes sometime it is applicable when we deal with political gangsters. Amendment ? Not sure to what extend, it needs a thorough understanding of who benefited from the amendments.

There is a never ending dispute when we keep up telling bad things ab others, be it for the people from BN or from PKR. At the end, the people of Malaysia that suffer, the younger generation will subsequently affected as well. The poor getting poorer, the middle class start to loose focus, the rich probably loose some multimillion contracts and those in power probably loose some popularity. Same goes to the Royal families. The uniqueness, solidarity and integrity in Malaysia have now been gambled at the extreme stage by those who have their own belief in managing Malaysia. Probably DSAI favourite song is also Sinatra's My Way...

Thirdly, I hope that government should consider allowing legal demonstration by giving permits to those opposition to voice up their thoughts. Let them yell and scream, in a control place like the Football Stadium. Charge fr tickets per entry fr maintenance fees and some profits (why not?). Smalls hawkers/businesses can also get benefited out of this rather than street demos. Publish it on TV else they'll publish in blogs or youtube anyway. Balance up the media coverage fr the opposition so that the younger generation who spend most of their time in front of PC will revert back to government media fr political news and information. The most importantly, The opposition leader must follow certain police guideline and also bring their own security team such as Unit Amal (PAS). UMNO or BN leaders must ensure no provocation from the members to start another problem.

Thanks Tun, you are still the best modern Leads of the world.

By mra  on August 8, 2009 9:41 AM

Having street gatherings are just a way for some people to remain in the limelight. It is DSAI's way of reminding us that he still exist (relevantly or irrelevantly). However I thing the majority of the Malaysian population is starting to see through his facade.

There will come a time when these actions will come back to haunt it's proponents.

By sel  on August 8, 2009 9:24 AM

Aswt YAB TUN & Fello Chedet Bloggers,

DSAI is the True MALAYSIAN SI KITOL

"SUDAH TERANG LAGI BERSULUH"

He fits the criteria -

1. Mengancam ketenteraman Awam
2. Mengancam keselamatan NEgara - sooner or later


so he is the candidate for ISA..

Somebody out there plez do something b4 its too late

ALLLAH HU AKBAR .. SELAMATKAN NEGARA MALAYSIA KU INI.

SALAM

SEL

By Gravity  on August 8, 2009 9:17 AM

This moron has caused a lot of damages to his people and the country which he claim he fight for. The country had made a BIG mistake in releasing him from jail. His good 'wayang' is known since his college time! His blind followers never knew him well enough since they have never been there in the 70's and 80's !!!

By kam  on August 8, 2009 8:53 AM

Salam Tun,

- 1) Siapa yang pandai-pandai keluarkan si Anwar keparat itu
- 2) Orang yang melepaskan Anwar keparat tu juga sepatutnya turut bertanggung jawab
- 3) Apakah tujuan Anwar di lepaskan. Mungkin Tun boleh beri pandangan motif dan apakah kepentingan mereka yang melepas si Anwar pengkhianat bangsa dan negara.
- 4) Saya doakan Tun sekeluarga di lindungi Allah SWT dan sihat sentiasa.

By OrangLama  on August 8, 2009 8:01 AM

Salam,

1. \*\*\*Menghormati Pemimpin\*\*\*\*\*

Saya mulai hilang hormat dengan YB Dato Seri Anwar Ibrahim bila beliau menentang Allahyarham Tun Ghafar Baba pada tahun 1993 untuk memenangi jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Sebenarnya, saya seperti kebanyakan orang Melayu lain di didik dari kecil supaya menghormati ketua selagi ketua itu tidak zalim. Kita boleh menyuarakan pendapat tetapi kita harus sokong pemimpin walupun kita tidak bersetuju selagi mereka tak zalim. Kenapa? Kerana mereka dipilih oleh majoriti. Jika seseorang itu dilantik menjadi pemimpin dengan cara penipuan seperti rasuah, beliau zalim dan harus dijatuhkan. Kita boleh membantah tetapi kita jangan jatuhkan pemimpin kecuali mereka jelas berlaku zalim.

Ingat tu semua orang UMNO dan PAS.

Budaya cantas mencantas kepimpinan Melayu ini harus diberhentikan. Dalam PAS pun ada pertandingan nak menjatuhkan Timbalan Presiden PAS baru2 ni. Macam2 alasan (seperti amalan

biasa dalam UMNO) untuk seseorang itu menebal muka untuk bertanding jawatan. Kalau PAS buat perangai macam UMNO, nanti hang pa pun akan mengalami nasib yang sama seperti UMNO kelak. Buruk sangat akibatnya!

## 2.\*\*\*\*\*Sifat Orang Yang "Gila" Jawatan\*\*\*\*\*

Islam menyuruh kita bersatu.Orang yang suka merebut jawatan biasanya sanggup membuat perkara yang tidak baik untuk mencapai cita2nya. Mereka akan menyebabkan berlaku pepecahan dalam sesuatu organisasi.

Ini amat jelas berlaku setiap kali ada pertandingan jawatan peringkat UMNO bahagian. Yang kalah ada yang merajuk dan meninggalkan UMNO.Yang menang mungkin (bukan semua) akan bertambah sombong. Sebab utama saya tak aktif UMNO lagi kerana terlalu sibuk sekarang dengan tugas harian. Satu lagi sebab ialah semangat perjuangan hak Melayu semakin pudar dikalangan ahli UMNO. Ahli UMNO biasa seperti saya dan arwah2 kita dahulu yang tiada berminat memegang jawatan dalam UMNO, tentu tak selesa jika seseorang itu masuk UMNO kerana ada kepentingan peribadi. UMNO perlu kembali kepada asal perjuangannya. Orang yang gila jawatan harus sedar bahawa mereka itu memperjudikan nasib orang Melayu demi kepentingan peribadi mereka.

## 3. \*\*\*Kepentingan PAS- Penyelesaian Masalah Orang Melayu dan Malaysia\*\*\*\*\*

Satu jalan saja sekarang yang ada. Buat apa2 nak ada permusuhan dan pengeseran antara UMNO dan PAS.

PAS asyik kena bermain dengan DAP walaupun sekarang depa bersma2 dalam Pakatan Rakyat. PAS hang pa tak terfikir ke?, kalau Pakatan Rakyat teramat kuat, DAP akan menguatkan PKR dan melemahkan pengaruh PAS. Kenapa ? DAP terang2 menentang Islam.DAP terang2 menyucuk kaum lain mempertikaikan hak2 orang Melayu. La ni DAP dah ambil pekerja baru dari PKR ntuk perjuangan mereka untuk melemahkan orang Melayu. Depa seperti Bar Council, banyak lawyer susah cari makan jika hang pa duk cerita undang2 Islam. YB Karpal Singh boleh ke jadi lawyer syariah?

Orang Melayu nampak terang2 PAS kena bermain dengan DAP di Selangor, Pulau Pinang dan Perak tetapi hang pa ni tak sedar ke? Perjuangan Islam PAS dah dipermain2kan oleh DAP. Pemimpin PAS masih nak ambil hati pemimpin DAP. Aduh! Apa nak jadi kat hang pa ni PAS! Tak dapat beza betul dan salah.

PAS cepat join Basional, tinggalkan Pakatan Rakyat yang jelas bertentangan dengan falsafah perjuangan PAS. Orang Kedah kata "Boleh belah DAP!" Orang melayu Kedah sangat benci DAP .Punca perpecahan kaum di Malaysia ialah DAP bukannya UMNO.

DAP ini anak PAP yang suka bagi gula2 kat orang Melayu. Mula2 Singapura merdeka. depa naikan orang Melayu jadi Presiden, bagi sikit gula2 kat orang Melayu supaya rasa manis . Lepas tu tengok apa jadi orang Melayu di Singapura sekarang. Hang pa PAS jangan tertipu dengan DAP. Parti DAP sebenarnya ialah parti perkauman nombor 1 di Malaysia yang berselindung dibawah konsep "Malaysian Malaysia". Cuba hang bandingkan bagaimana Yahudi berselindung melalui beberapa oraganisasi atau konsep mengaburi dunia untuk kepentingan mereka.

Sepatutnya Raja2 Melayu mempunyai kuasa memansuhkan parti2 perkauman seperti DAP ini. Pemimpin DAP biadap terhadap Raja Melayu seperti berlaku di Perak. Kalau zaman dahulu apa agaknya hukuman derhaka kepada Raja? DAP memainkan Dato Nizar masa nak jadi Menteri Besar tapi Dato Nizar baik hati sanggup berjuang bersama2 dengan DAP. Orang Melayu nampak Dato Nizar seorang pemimpin yang sangat lemah, boleh dipermainkan oleh DAP tetapi sebaliknya dia pula nak memainkan orang Melayu UMNO. Cerita kartun (Dato Nizar: Cartoon dalam Bingeris!)

PAS masuklah Barisan Nasional. Orang Melayu akan pilih hanya UMNO dan PAS dibawah satu gagasan BNasional. Tak perlu ada hentam menghentam lagi. Boleh beri tumpuan kepada perkara2 lain yang berguna untuk orang Melayu dan kaum2 lain.

Kesan perpaduan Melayu BAIK UNTUK SEMUA KAUM. Hancur lebur DAP dan PKR. Orang Melayu dan lain2 kaum bersatu dibawah Barisan Nasional. Kemasukan PAS dalam Barisan Nasional akan menyebabkan majoriti kaum2 akan undi parti komponen BNasional MCA, MIC, Gerakan dan lain2 bila menentang pembangkang seperti DAP dan PKR.

Daulat yang sebenar, adalah satu sistem institusi pelindung, pemantau, penegur yang nyata utuh berjalan pada setiap detik nadi hidupnya Melayu di bumi Malaysia ini. Kupasan erti Daulat sebenar mesti diperjelaskan kepada Melayu hari ini sebelum terlambat. Apakah lagi erti Daulat Raja-Raja Melayu ini? Jawapannya ialah kelebihan yang ada terdapat untuk Melayu di Malaysia. Contoh mudah: kita boleh laungkan azan pukul 5.40 pagi ketika mereka yang lain sedang

nyenyak tidur kerana Islam adalah Agama Rasmi kita. Surat menyurat rasmi kita Bahasa Melayu. Dah berapa banyak bank-bank tempatan yang saya pulangkan semula semua surat mereka yang berbahasa Inggeris dan minta mereka tulis semula dalam Bahasa Melayu sebab saya tahu hormat dan nilai Kedaulatan saya sebagai Melayu dan rakyat Malaysia di bumi Malaysia ini. Itu contoh mudah, banyak lagi contoh yang teknikal.

Selepas PRU12 dan baru hanya sebulan dua Kerajaan Selangor diambil alih oleh Pakatan Rakyat, DAP Selangor dah buat kecoh hal azan pagi-pagi buta, dah hampir jadi isu perkauman. Ingat lagi semua? Jangan mudah atau pura-pura lupa pula anda hari ini. Siapakah yang campur tangan untuk memulihkan keadaan tanpa berkompromi?

Kita dapat cuti khas apabila menyambut Ramadhan, ada Melayu Singapura sebegini? Di Singapura Melayu sudah tak ada lagi sebenarnya, mereka hanya mendifiniskan diri sebagai keturunan Aceh, Jawa, Bajau, Bugis, Arab kerana hanya itu sahaja yang dibenarkan oleh kerajaan PAP Lee Kuan Yew mereka. Yang anak Melayu muda moden semua sudah anggap diri mereka "citizen of the world".

Cuti Raya Aidil Fitri/Adha di Malaysia panjang. Tak ada iklan minuman keras dalam media Malaysia dan banyak lagi contoh ekonomi Melayu yang jauh lebih penting. Pokok pangkalnya, Daulat Raja-Raja Melayu kita menjadi paksi kepada deklarasi dan terima pakainya bahawa Agama Rasmi bagi Malaysia adalah Islam dan Bumiputra mendapat tempat serta juga semua bangsa yang lain. Jika PAS menjadi pemerintah, apa mampukah mereka memegang kepada ini semua tanpa Daulat Raja-Raja Melayu Berpelembagaan kita?

PAS juga menerima Kedaulatan Raja-Raja Melayu kita kata anda? Tetapi rakan perjuangan PAS iaitu DAP dan PKR pulak? Macam mana dengan gagasan Pakatan Rakyat mereka? Hanya dongeng tunggangan sahaja kah Pakatan Rakyat ini sebenarnya? Wayang Kulit moden? Sebuah mitos dalam pembikinan juga?

Fikirkan betul-betul, anda semua cerdik pandai politik dalam dunia. Mampukah PAS membentuk negara Islam cara Iran dengan kedudukan campuran bangsa dan agama rakyat Malaysia? Tanpa kekuatan ekonomi? Ini geo-politik Asia Hong Kong/Beijing/Mumbai bukan Timur Tengah, hubungan dagangan kita akan banyak menjurus dengan China. Fikirkan betul-betul. Jangan ketepikan akal fikiran hanya kerana terbuai dengan janji karut PKR dan DAP.

Ada komentar menyebut, jika PAS menang Malaysia akan terbahagi kepada 2 (sekurang-kurangnya). Perlis, Kedah, Perak, Kelantan dan Terengganu adalah Negara PAS...? Tak begitu? Saya tak terkejut langsung dengan ideologi ini. Ini bukan perkara baru. Sebenarnya Ideologi sebegini telah dinukilkan pertama kalinya pada tahun 1975 ketika PKM masih berleluasa dengan taktik jenayah penganas mereka keatas masyarakat. Tugu Negara di bom oleh mereka sebagai tanda amaran kepada Kerajaan Malaysia ketika itu yang PKM telah sampai ke bandar-bandar utama dan mampu mengatur serangan tepat sehingga ke Ibu Negara. Ketua Turus PKM Divisyen 10 Thai/Malaya pada ketika itu sedang dalam proses perundingan dengan Ketua Turus Tentera Komander Divisyen Selatan sebuah negara jiran dan juga dengan sebuah parti politik di Malaysia untuk cubaan kedua mereka menghidupkan semula Kerajaan lama Tsai-Buri. Sebuah kerajaan yang akan mendokong fahaman sosialis dengan keluasan politik daripada Pattani sehingga ke Perak. Mereka telah juga berjaya meyakinkan negara-negara blok komunis di PBB pada ketika itu untuk meminta sebuah sidang khas PBB dan melalui kuasa

(kuasa veto) USSR dan China supaya mengiktiraf mereka sebagai sebuah negara republik sosialis kiranya mereka berjaya menggulingkan kerajaan di negeri-negeri berkenaan. Keadaan tampak cemas seketika. Tapi alhamdulillah, penghujung tahun 1977 semuanya aman kembali.

Bagi saya, jelas sekali Kerajaan Malaysia telah berjaya mematahkan komplot komunis ini pada pertengahan tahun 1977. Jika tidak kita sudah lama terbelah dua. Tapi kenapa sejarah negara kita tidak mencatatkan ini semua Tun? Ini adalah penyebab ramai diantara kita buta sejarah diri sendiri hari ini. Kita mengkaji terlalu mendalam Parameswara, Hang Tuah dan Hang Jebat. Tetapi kita menidakkan sejarah dan fakta moden. Siapakah yang boleh dipersalahkan jika ada ahli PAS yang sanggup durhaka pada Raja-Raja Melayu hari ini? Sejarah adalah pengajaran, dan pengajaran sepatutnya menjadi teladan dan landasan buat kita semua. Sejarah boleh berulang semula esok hari sekiranya diabaikan oleh kita hari ini.

Daulat Raja-Raja Melayu Malaysia adalah banyak berpaksikan kepada perjuangan UMNO. Dan juga UMNO bertumpang teduh dengan Panji-Panji Raja-Raja Melayu kita. Satu pertalian yang tidak boleh dipisahkan demi untuk hidupnya Melayu Berdaulat terakhir di dunia ini - di Malaysia. Daulat Raja-Raja Melayu kita juga adalah serba sedikit hak kita bangsa Melayu baik UMNO ataupun PAS untuk dihargai dan dilindungi bersama. Itu makna sebenar Daulat Raja-Raja Melayu bagi diri saya. Mungkin inilah semangat pejuang hulubalang dan laksamana Melayu zaman dahulu dan bukan seperti apa yang tercatat hari ini dalam buku sejarah dan sastera Melayu DBP.

UMNO adalah peneraju DEB. Walaupun ketika ini, bila dimana kiri dan kanan UMNO ditekan mengenai polisi DEB, namun UMNO tetap berpegang teguh pada asas DEB. Ini namanya pendirian dalam perjuangan. Ada kalanya saya juga jual sedikit prinsip dalam ketika menguruskan perniagaan. Tetapi UMNO nampaknya tidak. Susah begitu. Bukan calang manusia boleh begitu. Jangan terima pakai kata-kata ini, tetapi lihat sendiri sejak selepas March 8 2008, ada pernahkah UMNO menyimpang dari DEB? Namun usaha-usaha sedang giat dijalankan oleh pihak-pihak tertentu untuk merungkaikan UMNO dari DEB.

Ketika saya di KL tempoh hari saya pergi makan di sebuah warung dalam jajahan Gombak yang jelas dimiliki oleh seorang penyokong kuat PAS. Nasi campur dengan sembilang goreng berulam dan air suam. Harga RM4.20. Tapi pakcik berserban tu kata tak apa encik, RM4 dah cukup. Kami juga sempat berbual mesra semasa saya sedang makan. Mungkin pakcik itu tidak sedar bahawa saya bukan orang PAS ataupun sebenarnya dia tak kisah pun, sebab dia ikhlas berniaga berkongsi rezeki Allah dengan semua orang. Di sini membuat saya terfikir sejenak ketika dalam perjalanan pulang dari KL. Terfikir bagaimana mesra sebenarnya pertalian kita sesama Melayu ini. Tak ada lagi kemesraan sebegini dalam dunia hari ini, percayalah.

Tapi ideologi politik PKR hari ini sedang memisahkan itu semua dengan amat dahsyat sekali! Boleh kah kita tak berpolitik? Mana mungkin - sebab kita sebuah negara Demokrasi (dan kita Melayu = mesti politik). Maka adalah hak kita sebagai individu untuk berpolitik. Tetapi elok juga jika kita dapat berpolitik secara Melayu kita, dibawah naungan Raja-Raja Melayu kita. Anda PAS saya UMNO, tak ada masalah dan kita semua Melayu berdaulat terakhir dunia dibawah Raja-Raja Melayu kita. Jangan sampai kita juga akan pupus kelak akibat perjuangan yang kabur dari mulanya dan tanpa hala tuju yang jitu seperti Melayu PKM dahulu dan Melayu PKR hari ini. Cukuplah Melayu kita bergaduh sampai ke takat ini saja.

Mungkin bagi yang kaya raya seperti Anwar Ibrahim, Khalid Gagap, Kamaludin Abdullah, Khairy Jamalludin, - mungkin kalau Kedaulatan Melayu pupus pun tak mengapa, tetap kaya juga. Duit sebenarnya lambak dalam bank (luar negara) akan buat duit lagi untuk kita. Tak sentuh pokok pun, bunga/riba dah lebih dari cukup untuk makan mewah. Contohnya: dengan hanya RM3.4 juta dalam pasaran kewangan anda akan mampu memperoleh RM70 – RM140 ribu setahun (bebas/lari cukai). Sekarang dibahagikan dengan 12 bulan dan pendapatan bersih anda sebulan adalah RM5833.00 hingga ke RM17,499.00 (lepas nak buat bayar 3 buah kereta mewah recond). Dana disalurkan semula untuk berbelanja dengan cara penggunaan kad kredit milikan bank-bank luar negara tadi. Itu selamat, tak boleh orang nak korek cepat. Lagipun ianya jatuh pada takrif hutang, berhutang macam orang-orang biasalah kata kan – tapi itu mungkin cerita untuk hari lain... Dan itu semua hanyalah contoh sahaja (tentulah tak betul pun).

Jika dana pelaburan anda berjumlah RM10 juta pula maknanya sebulan pendapatan anda dah mencecah RM17 ribu ke RM30 ribu. Kalau dilaburkan di luar negara, maka untung tadi lagi besar nilai dalam RM. Halal tak halal lain kira, itu belakang cerita, orang tak perlu tahu. Lagipun mereka tak kisah pun. Macam ni senanglah nak berpolitik betul tak? Laungkan apa saja asal menang. Tapi bagi anda yang kurang lagi kekayaan hari ini macam mana agaknya esok hari anda bersama anak cucu cicit anda?

Pengaruh Erdogan dalam arus Muda PAS hari ini juga merisaukan. Ini adalah pengaruh PKR berkonsepkan Islamic Socialist Turkey. Ini akan melenyapkan Melayu berdaulat dari Malaysia dengan sekelip mata sahaja dan akan meletakkan pengiktirafan Islam sebagai ugama rasmi di Malaysia dalam bahaya. Ataupun akan membawa Malaysia kepada sebuah Republik ber-Presiden tanpa lagi Kedaulatan Raja-Raja Melayu yang juga merupakan Kedaulatan Melayu. Oleh itu persoalkan semula, agenda siapakah yang didokong oleh PKR sebenarnya? Melayu yang menolak Daulat Raja-Raja Melayu adalah bererti Melayu yang juga menolak nilai keturunan moyang dan diri mereka sendiri. Tak ubah seperti Melayu dalam PKM dahulu. Tetapi akhirnya Melayu PKM pencen juga akan cari LUTH untuk nak pergi menunaikan rukun Haji. Bukan saya nak memperlekehkan mana-mana individu, tetapi saya hanya menceritakan apa yang saya tengok sendiri.

Kita kebanyakan hanya “Jaguh Kampung” (meminjam kata-kata Pak Lah semasa lawatan pertama beliau ke BM pada hari kedua menjawat jawatan PM November 1, 2003 hari Sabtu). Kita tidak pernah merasakan perit hidup tanpa apa semua yang telah kita ambil mudah hari ini. Mungkin kita lupa hari ini, tetapi adakah itu asas dan bermakna kita mempunyai hak untuk menidakkan keistimewaan ini kepada anak cucu kita kelak? Jangan marah seorang gembala hari ini habis satu kandang nak dibakar pulak buat selamanya. Apa sebenarnya salah besar UMNO pada Melayu? Cuba senaraikan sikit. Apa yang akan anda lihat adalah senarai rasuah itu ini. Memang benar, tak payah saya nak nafikan pada diri sendiri juga. Tetapi cuba lihat apa semua kebaikan yang telah anda perolehi selama ini. Tak ada langsung kah? Saya sangat hairan melihatkan sesetengah hari ini yang dahulunya pergi melanjutkan pelajaran diluar negara dengan duit biasiswa kerajaan tetapi setelah ilmu diperolehi, hari ini nak jatuhkan kerajaan pula.

Apa jasa Anwar Ibrahim pada anda selain daripada hanya pandai mengapikan sentimen? Apakah cukup mampu beliau memperkotakan janji beliau? Melayu dipelihara? Anda dah cukup kaya tak mahu lagi dilindungi? Berkongsi semua secara adil dan seksama? Kawan Cina saya pun tahu igauan itu tak mampu wujud lagi di Malaysia. Penubuhan EQUINAS oleh DSN adalah langkah ikhlas dan tepat untuk memperbetulkan ini semua.

Anda ingat boleh berniaga tanpa ada “supply chain”? Masa Pak Lah PM, kami pernah buat working paper supaya Persatuan Restoran Mamak hanya beli dari pembekal Melayu (buka persatuan juga) untuk bahan mentah mereka, supaya boleh juga pembekal Melayu “bernafas lega”. Nilai dagangan berbillion setiap tahun. Saya rasa atas persaudaraan sesama Muslim kita, ini pasti boleh berjaya. Tapi tak boleh buat akhirnya. Bidang construction pula, developer Melayu boleh hutang kalau yang dah Datuk atau jutawan, tapi had 60 hari saja dan kena sign “pre-agreed letter to a bankruptcy proceeding”. Saya dah tengok surat sedemikian. Memang pun tak laku dalam mahkamah tapi itu tak dihiraukan mereka. Apa motif mereka? Keikhlasan?

Namun hari ini mungkin juga kerajaan masih lagi boleh menggabungkan Persatuan Restoran India Muslim Malaysia, Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia, Persatuan Cina Muslim Malaysia dengan Persatuan Pembekal Makanan Mentah dan Bermasak Melayu Malaysia (kena tubuh lah).

Jangan bebankan kegagalan anda dan kemarahan itu pada orang lain. Lebih sedih adalah apabila sebenarnya orang yang anda persalahkan adalah sebenarnya saudara sekeluarga yang hendak membantu anda dengan ikhlas. Adakah semua ahli PAS bebas rasuah? Tak mungkin akan makan rasuah? Adakah Penasihat PKR bebas rasuah? Tak mungkin makan rasuah? Adakah anda bebas rasuah 100%? Bebas dari pernah mengamalkan kronisma 100%? Saya pun tak bebas. Tetapi yang penting adanya kesedaran dalam semua sudut realiti.

Saya merasakan cara kehidupan serba sederhana Nik Aziz boleh dicontohi oleh sesetengah orang PAS itu sendiri. Ini kekuatan beliau – ada perhatikan? Namun jika saya terus mengatakan bahawa semua orang PAS tidak mempertahankan institusi Raja-Raja Melayu, akan bermakna bahawa cakap saya itu besar mungkin tidak tepat. Sebab hanya segelintir pelampau Erdogan anjuran PKR dalam PAS sahaja yang buat kacau sebegini. Selebihnya ahli PAS tetap taat dan setia pada institusi Raja-Raja Melayu, tebalnya taat setia mereka kepada Institusi Raja-Raja Melayu kita mungkin juga sama sahaja.

Natijahnya, mungkin tidak tepat jika saya katakan yang 100% PAS tidak mempertahankan Institusi Raja-Raja Melayu kita. Sebagai contoh, hari ini perbalahan dilema kesetiaan ini sedang mula bergelora didalam PAS dan juga angkatan Pakatan Rakyat.

Apapun, saya merasakan pendidikan yang jelas kepada erti sebenar Daulat Raja-Raja Melayu hari ini mesti diutamakan dan Datuk Seri Rais adalah orang yang terbaik untuk melakukan ini. Bila dia cakap orang akan dengar sebab dia pandai bermain lingo bahasa ketika becakap dan aturan ayat dia ada serba sedikit lenggok elemen seni Mahawangsa. Masalahnya dia kurang cakap hal yang penting, dia nak cakap hal baju Nehru ala Tun, hal KEKWA, hal pakai baju batik untuk meningkatkan efisyensi seperti arahan Pak Lah dulu, hal Akta Undang Undang Multimedia, hal Akta Undang Undang itu dan ini – macam Ahmad Nisfu punya skrip. Kadang-kadang sampai masuk Parlimen dalam sesi pembentangan soalan. Kadang-kadang skrip tak ada keserasian dengan penyampai soalan (mungkin juga hanya untuk laluan supaya beliau boleh berdiri dan jawab panjang lebar serta bebas merujuk kepada Akta itu-ini, macam Profesor Undang-Undang pula).

Cuba pula banyakkkan bercakap hal pendidikan dan pengisian agenda bangsa sebegini pulak Datuk Seri Rais. Ada juga faedah dan menaifatnya pada ramai. Saya rasa Datuk Seri Rais ini kalau kehidupannya tidak ke sekolah undang-undang dan hanya dikampung, pastilah akan

menjadi Tok Haji Rais, seorang “pencerita”. Kalau kenduri di desa maka mungkin Tok Haji Rais akan diundang khas untuk bercerita kepada semua orang yang datang awal semalaman untuk menyediakan juadah kenduri. Seronok suasana begitu sebenarnya. Mereka akan dengar asyik sampai lewat malam sambil bergotong royong kenduri. Maka ceritalah hari ini Datuk Seri Rais. Itu kekuatan tersendiri anda.

Kita dah banyak tersasar sekarang oleh kerana terlalu taksub kepada emosi dan KURANGNYA PENDIDIKAN DAN PENGETAHUAN. Kita sebenarnya banyak cakap tapi kurang ilmu pendidikan dan pengalaman. Inilah bahayanya. Anwar Ibrahim dia dah kaya besar dengan dasar DEB, senanglah cakap mengarut hari ini. Janji jadi PM saja, lepas tu tendanglah DAP. Ingat DAP sebegitu bodoh kah? Hanya kucar-kacir bakal menanti kita dengan formula dan janji penipu PKR yang sebegitu rupa.

Daulat Raja-Raja Melayu kita adalah Daulat Melayu Berpelembagaan; ini adalah hak kita. Raja-Raja kita memegang Panji-Panji untuk mendaulatkan dan memertabatkan Islam dan Melayu di Malaysia bermula semenjak daripada Negeri-Negeri Tanah Melayu dahulu lagi. Namun masa telah berubah dan juga turut merubah, akan tetapi adakah institusi Raja-Raja Melayu kita ini telah turut juga berubah? Jawapannya sama sekali TIDAK. Oleh itu kenapa perlu kita sisihkan diri kita daripada apa yang telah melindungi dan memartabatkan keturunan kita selama ini? Fikirkan dengan teliti. Kita semua PhD Politik disini. Siapalah saya nak kata saya betul pulak, sebab hanya anda yang mampu berkata apa yang betul pada diri anda semua dan saya hanya menulis pandangan saya untuk berkongsi coretan dengan minda anda yang sudi membaca.

Apabila kita melaungkan Daulat Tuanku! sebenarnya bukan sebab nak puji bodek Raja-Raja kita, tak bodek pun mereka boleh hidup sebagai Raja-Raja Melayu kita, tetapi sebenarnya dasar dan sebab mengapa kita melaungkannya adalah untuk mengkeramatkan laungan Hidup Melayu! Hidup Melayu yang bersandarkan kepada Daulat Tuanku!

Jika dahulunya apabila Raja-Raja Melayu memimpin angkatan Melayu ke medan perang, dan sebagai kata keramat mereka melaungkan Daulat Tuanku! Itu kata keramat Melayu, maknanya demi Melayu dan hidup Melayu! Itu maknanya laungan Daulat Tuanku! Pada saya itulah erti sebenar Daulat Tuanku! Jangan sangat nak beremosi macam para sasterawan sawan negara dan para “theatrics” angin negara untuk memesongkan erti sebenar Daulat Tuanku!

Tak ada pun sejarah menunjukkan Raja-Raja Melayu memimpin Angkatan Melayu menentang Penjajahan. Namun tahukah anda bahawa Kedaulatan Raja-Raja Melayu kita inilah yang telah menubuhkan Angkatan Tentera Melayu DiRaja pada tahun 1957 dahulu demi untuk melindungi kedaulatan kita semua rakyat Malaysia. Faktor kekurangan ilmu pengetahuan sebegini dikalangan kita sebagai rakyat adalah sebab semuanya sudah diaturkan oleh penjajah sebagai “novel dan hanya layak untuk kategori kesusasteraan sahaja”. Cerita seperti Sultan Mahmud mangkat dijulang, Hang Tuah dan Puteri gunung Ledang – ini semua ditulis dan dihebahkan megah oleh para sasterawan yang terlalu emosional tapi tak ada agenda jelas. Tak makan tak apa, janggut tak cukur, rambut tak gunting, seluar baru tak buat lagi pun tak apa, janji boleh sastera.

Datuk DBP pencen, siapa yang tak mahu jadi hero dalam sejarah kan? Tetapi adakah sejarah anda mempunyai nilai yang penting serta menguntungkan hari ini dan esoknya juga? Emosi tak boleh suapkan nasi kemulut - itu kehendak akibat lapar. Emosi dan kehendak selari? Tapi tak kisah lah, yang penting dapat jadi hero selepas berkarat.

Namun banyak yang tak tahu cerita berfakta seperti kepemimpinan Kerabat DiRaja Kesultanan Perak menentang British dengan agresif sekali sehingga ada yang telah di buang negeri oleh British dan tidak dapat pulang lagi, kepemimpinan pintar dan teratur Baginda Sultan Abu Bakar dengan cara halus menapak dan mengalahkan percaturan British sendiri dan langsung mengasaskan Johor serta memaksa British menerima kewujudan Kerajaan Johor. Kepimpinan Kerabat DiRaja Perlis, Kedah, Terengganu dan Kelantan menidakkan tuntutan (pertama) Thailand keatas penubuhan kerajaan Tsai-Buri selepas Perang Dunia ke-dua. Kepimpinan agresif Kerabat DiRaja Pahang Lanchang yang tersohor menentang penjajahan British. Kepimpinan Kerabat DiRaja Terengganu menentang Perjanjian Bangkok. Kepimpinan Kerabat DiRaja Seri Menanti bersama deligasi Merdeka.

Catitan fakta sejarah sebegini semua tidak banyak tercatat dalam buku sejarah kita. Jika ada pun pendek, dipusingkan fakta dari awal lagi oleh penjajah dan disunting merata-rata untuk tidak menunjukkan kelemahan British. Hanya elemen theatrical ala “Shakespeare King Lear” saja yang banyak dipaparkan penjajah Kolonial kita dahulu. Generasi hari ini dan esok amat memerlukan pengisian sejarah yang lebih bermakna.

Malaysia kini telah dipesatkan oleh cambahan mendadak pembangunan dan permodenan fizikal dan minda Tun Dr.M, namun dalam semua ini kita kurang pengisian ilmu khususnya ilmu sejarah. Kita malas membaca, lebih suka mendengar dan melihat sahaja. Akibat itu kita tidak dapat mengendalikan dan menguruskan kejayaan kita dan kita terus mencari pengisian jauh tanpa menghiraukan apa yang wajib dan terdekat.

Kita dilentur dari rebung lagi untuk lebih menggabungkan cerita berelemenkan Hang Tuah - sebab itu, British yakin akan terpisah lagi Melayu dengan Raja-Raja mereka dengan cara “soft psychological element of conflict syndrome” – dengan cara menyembunyikan kepimpinan Raja-Raja Melayu. Mana-mana Kerabat memberontak melawan penjajah, British akan buang negeri terus sampai jauh ke Seychelles, Mesir dan banyak lagi kepulauan kecil yang terdapat berselerak dalam laluan pelayaran British. Maka kita tak pula diberi banyak pendedahan tentang siapa Tok Janggut? Sebab British tahu, Tok Janggut dah tendang bontot penjajahan mereka berkali-kali dan Tok Janggut adalah wakil Kesultanan Kelantan dan Terengganu menentang penjajahan British dengan begitu agresif sekali. Jadi British benamkan sejarah sedemikian. Sudah tiba masanya pengertian sebenar dilaksanakan oleh yang berwajib dan membuang semua unsur mitos karut lari dan terbang laju atas air (false feel good factor) dan elemen perpecahan (divide and rule) peninggalan konsep penjajah yang begitu diagungkan oleh para sasterawan kita hari ini.

Tapi saya sangsi juga...sebab delivery system kerajaan kita tetap lemah. Kita ni kebanyakan lebih nak glamour media dan ucapan tahniah dari pemimpin sahaja lebih dari keikhlasan. Tengok saja saham 1Malaysia yang dilancarkan baru-baru ini, selain daripada hanya glamour hari pelancaran, ada susulan penerangan penjelajahan serata negara untuk semua pelosok masyarakat? Susah nak buat sebab kamera media tak ada dan media tak akan melaporkan apa yang tak “glam”.

Malaysia sepatutnya memisahkan para sasterawan dari arus politik bermula daripada hari ini. Emosi mereka yang mudah dipesongkan ke luar kawalan akan menjahanamkan apa saja hakikat rational tersedia ada. Kata lawan rational adalah emosi; ingat kepada hikayat Golongan Karyawan seberang kita? Hanya mitos juga tinggalan sejarahnya.

Raja-Raja Melayu adalah merupakan institusi Melayu di Malaysia. Kedaulatan Raja-Raja Melayu adalah bererti Kedaulatan Melayu itu sendiri. Erti laungan Daulat Tuanku sebenarnya adalah Daulat Melayu. Lupa ini maka bererti sejarah pahit akan berulang lagi. Namun perlu juga difahamkan bahawa dengan Daulat Raja-Raja Melayu adalah bererti Daulat untuk Malaysia, Kedaulatan untuk semua rakyat segenap bangsa dan agama, dalam erti definasi luas konteks Kedaulatan Rakyat Malaysia. Oleh itu, dari segenap aspek penelitian ianya menuntut pemahaman kita semua dan kita wajar melihara dan melindungi Kedaulatan Raja-Raja Melayu kita oleh segenap semua rakyat Malaysia. Itu adalah hak kita semua sebagai pelbagai rakyat Malaysia yang sama Berdaulatnya - ini hak kita untuk dilindungi.

Persoalan saya sekarang:

-Apakah sebenarnya nilai PKR dalam perjuangan Melayu?

-Apakah kebaikan atau kemusnahan yang bakal menegur Malaysia jika ditangan PKR ini?

---

By kamal ahmad Author Profile Page on August 7, 2009 7:48 AM

7 WASIAT RAJA-RAJA MELAYU BERDAULAT PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957.

Wasiat yang disampaikan semasa raja-raja Melayu menurunkan tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 itu ialah:

- \* Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung Persekutuan Tanah Melayu (sekarang dikenali dengan nama Malaysia).
- \* Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, Tanah simpanan Melayu sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain.
- \* Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kami serta harta milik kamu, kami tubuhkan Rejiman Askar Melayu selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara.
- \* Kami kekalkan dan kami jamin kerajaan dan kedaulatan raja-raja Melayu memerintah negara ini.
- \* Kami isytiharkan Islam adalah agama Persekutuan
- \* Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu.
- \* Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada raja-raja Melayu untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum-kaum lain (kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).

By anaco  on August 7, 2009 12:15 PM

ramai ahli politik malaysia sanggup mengadai negara dan bangsa utk kepentingan diri. siapakah yg lebih mulia antara pelacur dan ahli politik ini? satu melacurkan diri hanya utk sesuap nasi dan satu lagi melacurkan bangsa dan negara utk kemewahan dan ketamakan kuasa.

By [leading](#) on August 7, 2009 12:10 PM

**Tun,**

Sad to read what *zul81* has written.

I wonder if *zul81* knows the **difference** between **riot** and **peaceful demonstration**.

I hope he wont recommend those *belantan* to be used to discipline schools children.

Regards,

[www.leading.com.my](http://www.leading.com.my)

By [che\\_wan](#) on August 7, 2009 12:06 PM

Assalamualaikum Ayahnda.

Anwar akan diingati sebagai "BAPA DEMONSTRASI" oleh anak cucu di masa hadapan nanti.

p/s: sapa lah yang pi "gatai" lepaih dia dari kurungan dulu ntah ?

<http://pusakaayahnda.blogspot.com/>

By M.Najib on August 7, 2009 12:05 PM

Salam, sejahtera pada Ayahanda Tun dan Bonda...

Suka saya mengingatkan disini, wasiat yang disampaikan oleh DYTM Raja Muda perak Darul Ridzuan, yakni Wasiat yang disampaikan semasa raja-raja Melayu menurunkan tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957.

~Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung Persekutuan Tanah Melayu (sekarang dikenali dengan nama Malaysia).

~Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, Tanah simpanan Melayu sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain.

~Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kami serta harta milik kamu, kami tubuhkan Rejiman Askar Melayu selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara.

~Kami kekalkan dan kami jamin kerajaan dan kedaulatan raja-raja Melayu memerintah negara ini.

~Kami isytiharkan Islam adalah agama Persekutuan.

~Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu.

~Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada raja-raja Melayu untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum-kaum lain (kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).

Renungkan dan fahami, pengorbanan yang dilakukan.

" Whatever happened in the past is the past. Whatever is going to happen in the future is going to be transformed to the past too. So whatever you do has to be forgotten?"


By resaksegoronite  on [August 7, 2009 11:56 AM](#)

salam Tun,

Memang dasar pengkhianat...

Dari sejak dalam umno lagi ramai yang tahu perangai dia, tapi disebabkan Tun bawak dia naik, semua orang tutup mulut. Cuma doa untuk kebenaran dan Alhamdulillah, kebenaran ternyata mengatasi kebatilan.

Sama la macam sekarang ni Tun. Hanya dipanjatkan doa supaya orang-orang yang tak sepatutnya berada dibarisan kepimpinan menjadi pemimpin... siapa?? Tun lebih kenal orang2 berkenaan...

By akma  on [August 7, 2009 11:51 AM](#)

Dulu kalau dengar FRU semua orang takut nak buat hal, sekarang FRU takut pada musuh-musuh negara ini. Kenapa?

Mereka2 yang membuat demo jalanan ini kebanyakannya tidak berpekerjaan dan ada yang masih belajar dengan makan, minum dan berak mereka ditanggung orang rakyat dan ibubapa mereka.

Mereka ini bukan golongan yang produktif yang dapat menyumbang kepada memperbaiki keadaan negara dari segi ekonomi, malah menurunkan lagi jumlah keluaran negara dengan mereka sendiri tidak menyumbang malah menghalang kegiatan ekonomi negara.

Mereka2 yang tidak berdemonstrasi itu sebenar secara diam menyumbang kearah kemajuan negara dengan cara mengekalkan imej negara dimata pelabur.

Mereka boleh mengadakan demonstrasi (bukan jalanan) seperti di Stadium dsbnya. Meneruskan demonstrasi jalanan di ibu negera atau mana-mana bandar adalah bukti bahawa tujuan mereka ialah untuk mengkhianat.

Oleh itu, saya merayu supaya FRU menggandakan lagi kepekatan GAS pemedih mata dan Meriam air supaya menjadi kenangan yang tidak dapat mereka lupakan apabila menjahanamkan ekonomi dan imej negara untuk mengalih perhatian rakyat dafripada perbincaraan seorang peliwat tegar.


Janganlah dilayan kerenah kelompok kecil pengkhianat ini, sedangkan hasrat rakyat majoriti yang memelih kerajaan tidak dipedulikan. Pengkhianat-pengkhianat ini tetap tidak akan menyokong kerajaan walau sebanyak manapun kehendak mereka dituruti. Jangan kecilkan hati rakyat majoriti, kerana pepatah melayu mengatakan: Yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran.

By orang kampung  on [August 7, 2009 11:47 AM](#)

Salam Tun,

Budaya Anwar - demonstrasi, ya ke Tun.

Budaya Tun - melayu mudah lupa, jangan la Tun.

By zharif  on August 7, 2009 11:42 AM

Salam Tun

Akhirnya tun bersuara juga mengenai masalah ini. Sudah jelas tindakan DSAI ini adalah untuk mencemarkan imej negara, kononnya negara kita zalim dan tidak menjalankan demokrasi. Tetapi jika kebebasan demokrasi itu disalahgunakan maka apa akan jadi kepada negara kita?

Saya bersyukur kerana Tun tidak mengikut rentak DSAI ketika krisis 1997/1998. IMF yang terdiri daripada Wolfowitz sememangnya menunggu2 tandatangan tun untuk meminta bantuan tersebut. Tapi kesudahannya jika Tun meminta bantuan IMF maka negara kita akan terperangkap dalam kemelesetan ekonomi yang lebih teruk, akhirnya rakyat akan menggulingkan kerajaan sama seperti yang berlaku di Indonesia.

Dan itulah DSAI mahukan..malangnya gelaran PM in waiting beliau tidak ditukar2 sampai ke hari ini.

SALAM TAKZIM

ZHARIF

<http://pre-lawria.blogspot.com>

By Kalam  on August 7, 2009 11:40 AM

Assalammu'alaikum Tun,


Semoga Tun sentiasa sihat serta dirahmati Allah. Saya sangat bersetuju dengan luahan Tun ini. Cuma saya rasa sangat sedih dan teramat malu dengan bangsa saya (MELAYU) kerana majoriti yang terlibat dalam budaya ini adalah datangnya daripada kaum MELAYU. Mana perginya kaum selain Melayu? Adakah bangsa kita ini amat mudah dipergunakan oleh pihak-pihak tertentu? Adakah dengan memberi sedikit hadiah (rasuah) Melayu reda dipergunakan? Amatlah malang sekali. Kita sebenarnya berada diambang kehancuran. Jika Hang Tuah menyatakan "TAKKAN MELAYU HILANG DIDUNIA", saya pula menyatakan "MELAYU HILANG DUNIA" kerana "MENANG SORAK KAMPUNG TERGADAI" dan kesudahannya terpaksa kita mengucapkan "SELAMAT DATANG SINGAPURA Ke-2". Saya amat hairan dengan mentaliti bangsa kita ini kerana, sebagai contoh, bilamana harga kenderaan awam dinaikkan walaupun harga petrol tidak berubah, tiada pula ada pihak yang tampil membantah kenaikan ini (sekiranya ada pun jumlahnya amat kecil) tetapi sebaliknya, apabila menyentuh tentang isu politik tertentu maka ramai pula yang membantah. Sungguh ironi sekali. Akhir kata, kalau diikutkan hati, tidak sanggup rasanya untuk menghadapi hari2 yang mendatang di bumi Malaysia ini kerana seolah tahu apa akan jadi di masa depan dengan nasib MELAYU.

\*Ayahanda, saya masih lagi menyokong hasrat Dato Muzkriz untuk merealisasikan "SATU SEKOLAH UNTUK SEMUA BANGSA" walaupun isu ini semakin terhakis dek kerana tiada majoriti MELAYU yang menyokong. Harap, ayahanda dapat menolong sedikit sebanyak melalui kempen ini "KEMPEN SATU SEKOLAH UNTUK SEMUA"

<http://www.thepetitionsite.com/1/kempen-satu-sekolah-untuk-semua>

Sekian,

MELAYU Prihatin

By YSLim  on [August 7, 2009 11:37 AM](#)

... Isunya apa saya sudah lupa... SAYA MUDAH LUPA

... taktik memperalat... RAKYAT MEMPUNYAI FIKIRAN SENDIRI, TIDAK MUDAH DIPERALATKAN. JIKA RAKYAT DEMONSTRASI, NESCAYA ADA SEBABNYA! JIKA RAKYAT SANGGUP BERDEPAN DENGAN PDRM & FRU & RELA, NESCAYA ADA SEBABNYA!

... Tiap minggu demonstrasi diadakan... ADA KE??? TIDAK LUPA KE ??

... Budaya demonstrasi datang dari luar... TIDAK, BUDAYA DEMONSTRASI HADIR DARI SANUBARI RAKYAT. BILA YANG KEJAM MENZALIMI RAKYAT, RAKYAT DENGAN SENDIRINYA AKAN BANGKIT. BANGKIT DAN BERKOBAR-KOBAR.

... Yang jadi mangsa ialah peniaga, terutama peniaga kecil ...  
...adalah mala petaka ... Peniaga lain juga akan tanggung kerugian... kerugian yang terbesar ialah pembangunan negara ...

... semua peluang ini akan hapus... RAKYAT RELA SEKARANG PEMBANGUNAN YANG DIKATAKAN DIBERHENTIKAN SEKEJAP... KERANA RAKYAT INGIN MEMBERSIHKAN YANG KOTOR... CUBA BAYANGKAN, KALAU NAK RENOVASI RUMAH YANG USANG & JELIK, ADA ANAI-ANAI PEROSAK, TERPAKSA BERHENTI DUDUK RUMAH & KELUAR DARI RUMAH, AGAR KONTRAKTOR DAPAT KERJAKAN UBAHSUAI. MAKA BILA SIAP DAPAT TINGGAL DALAM RUMAH YANG INDAH DAN SERGAM. RAKYAT MESTI PASTIKAN BN KECUNDANG. BILA BN KECUNDANG, YANG BARU AKAN HADIR.

... Polis terpaksa ambil tindakan. .... Gas pemedih mata dan belantan diguna... Imej polis dan negara jadi buruk... Ini sangat menggembirakan Anwar ... UNTUK TIDAK MENGEMBIRAKAN ANWAR, MAKA JANGAN GUNA GAS, BELANTAN, MAKA RAKYAT GEMBIRA DAN ANWAR TIDAK!!

... seperti Wolfowitz, Cohen dll yang menjadi sahabat karib DSAI. JANGAN LUPA LIM KIT SIANG, KARPAL SINGH, ABDUL AZIZ, ABDUL HADI, DLL.

SEKARANG, BAGAIMANA PULA DENGAN SAHABAT-SAHABAT KARIB ANDA?? DULU MASA MEREKA PEGANG APA-APA ATAS NAMA ATAS NAMA SAHABAT, APA SUDAH JADI?

By HBT  on [August 7, 2009 11:33 AM](#)

Ayahanda,

BUDAYA ANWAR Bukan BUDAYA MALAYSIA.

From,

MalaysianBudaya

By [HOT ZOOM](#) on August 7, 2009 11:32 AM

Salam,  
Budaya DSAI amalkan sekarang memang tak boleh pakai.

Tapi....

Bagaimana DSAI boleh dilantik oleh Tun sebagai TPM dulu?

Agak hairan juga,apa ilmu yang dia pakai?

Lagi satu samada kita perasan atau tidak pengaruh yahudi di Malaysia umpama dapat restu kerajaan kerana banyak syarikat dari pihak yahudi beroperasi di Malaysia dengan kelulusan kerajaan.

memang dari segi ekonomi 'yes' tapi dari segi agama bagaimana?

yang mana perlu didahulukan agama atau perniagaan atau macaman.

cuba lihat sini

<http://www.zoompanas2.com/2009/08/produk-tesco-selipat-bertulisan-kalimah.html>

By [ParpuKari](#) on August 7, 2009 11:28 AM

Assalamualikum Ayahanda Tun,

Anwar Ibrahim ini adalah ibarat kanser, makin dibiarkan makin melarat jadinya, sampai ke hari ini saya tak boleh maafkan Tun Dol dan menantunya yang amat menyayangi si peliwat ini!

Sekarang Tun Dol sudah retired tapi menantu masih dok dalam UMNO lagi, sebagai ketua pemuda sebuah parti keramat, si kitol ini sudah gagal menjalankan tugasnya, hari ini parti keramat ini dikecam dari pelbagai sudut namun si kitol ini diam seribu bahasa!

Saya juga mendapat tahu ayahanda Tun yang ramai dari kalangan yang satu jemaah dengan si kitol ini kecewa dengan sikap dia yang tidak mahu berbuat apa-apa bial timbul sesuatu isu!

Si kitol akan hanya memilih isu sensasi dan glamor sahaja, yang tak glamor dia tak suka, sebagai seorang ketua dia gagal menyatakan pendirian dia tentang isu ISA, kiri pun tak kanan pun tak!

Playing safe atau dia sedang membuat base untuk pujaan dia Anwar si pengkhianat bangsa ini untuk masuk semula ke dalam UMNO, perkara ini amat menrunsingkan kami semua ayahanda TUN!

Apa perlu kami lakukan? Siapa yang akan dengar suara kita ini? Kepada Dato Seri Najib, kalau masih menyimpan si perasuah kitol ini dalam UMNO maka akan lenyaplah sokongan golongan muda kepada UMNO!

Cukup kita sudah ada satu Anwar Ibrahim, tolong jangan lahirkan lagi yang semacam dia! Dato Seri Najib percayalah UMNO tidak akan hancur kalau kita buang si kitol dari UMNO!

Saya percaya bisikan-bisikan ke telinga Dato Seri Najib sekarang ini mengatakan jangan di ambil tindakan kepada si kitol ini, nanti UMNO hancur, mereka kata UMNO sedang lemah sekarang!

Sebenarnya Dato Seri, UMNO bukan lemah cuma susah untuk kita nak tarik orang-orang muda menyertai parti keramat ini kerana kita masih membela si PERASUAH! Ini semua adalah dakyah orang-orang dia yang terdapat di sekitar Dato Seri Najib!

Saya ini bukanlah memihak kepada sesiapa wahai Dato Seri najib, saya menggunakan ruangan ayahanda Tun ini untuk sampaikan kepada Dato Seri tentang perkara yang sedang berlaku sekarang ini, sebagai salah seorang penyokong kerajaan saya tidak sanggup melihat kerajaan yang sedia ada musnah disebabkan si kitol dan konco-konconya yang hanya mengambil kesempatan menanggung di air yang keruh!

Lupakah Dato Seri, UMNO jadi macam ini hari ini apa puncanya? kami sudah bagi peluang untuk dia memainkan peranan dia namun hasilnya amat mengecewakan dimana apabila berlaku sesuatu isu, dia tidak pernah tampil ke depan!

Kami pun tidak tahu apa peranan dia sebagai seorang ketua pemuda kepada parti keramat ini Dato Seri, lakukan sesuatu Dato Seri sebelum terlambat!

Kepada ayahanda Tun, maafkan anakanda kerana terpaksa menggunakan ruangan ini untuk luahan perasaan! Apakan daya wahai ayahanda, blog saya tidak sehebat blog ayahanda, saya harap ada seseorang baca mesej saya ini dan sampaikan kepada Dato Seri Najib!

**PERCAYALAH UMNO AKAN MENJADI LEBIH KUAT TANPA SI KITOL DIDALAMNYA!**

**SAYA BERANI KERANA BENAR! SAYA SUDAH PUN TERIMA ANCAMAN SEBELUM INI DAN SAYA PERCAYA SELEPAS INI JUGA SAYA AKAN DIANCAM LAGI, NAMUN KEBENARAN HARUS DISAMPAIKAN! SAYA BERSEDIA MENANGGUNG RISIKO DEMI AGAMA BANGSA DAN TANAH AIR!**

<http://parpukari.blogspot.com>

By zul81  on August 7, 2009 11:28 AM

Di negara barat polis akan pukul orang yang terlibat dengan demonstrasi jalanan dengan belantan.

Di Malaysia paling lebih pun sembur air,  
Membazir bekalkan FRU belantan.

By [muschemun](#)  on August 7, 2009 11:21 AM

Assalamu'alaikum Tun

Sebagai ketua pelajar, kepandaiannya adalah menghasut pelajar untuk berdemonstrasi. Sebagai pembangkang, DSAI menghasut penyokongnya mengadakan demonstrasi serta memburukkan polis dan juga kerajaan.

Semasa menjadi Menteri kabinet, tidak ada pula dia mengadakan demonstrasi untuk menentang pembangkang.

Tun telah membawa DSAI yang ketika itu adalah ketua ABIM kedalam UMNO dan memberikannya jawatan. Tun juga yang telah memecatnya dari UMNO dan melucutkannya dari

jawatan TPM. Saya lihat inilah takdir Allah swt dan Tun hanya seorang perantara yang menjalankan tugasnya.

DSAI ibarat seorang budak yang mengamuk kerana tidak diberikan gula2. Saya lihat DSAI hanya pandai MENGHASUT, MENGUTUK dan BERDEMONSTRASI. Dan satu lagi kepandaian DSAI adalah Mat Bont..  
DSAI tidak pernah matang didalam politiknya.

DSAI menjadi PM? Na'uzubillah juga dari saya

Wassalam

By HBT  on August 7, 2009 11:19 AM

Good morning Ayahanda,

//Point No 8.

Secara tidak langsung tujuan demonstrasi ialah supaya dianya memerintah Negara ini.  
Na'uzubillah.//

Oh my God, Is Anwar a God or just a W-Lord claiming himself sitting UP the LEMON TREE all by himself because he favoured ISOLATION????

//Point No. 11. Ada orang di sebelah sana, di Barat yang amat gembira apabila kita tidak dapat bangunkan Malaysia. Nama mereka adalah seperti Wolfowitz, Cohen dan lain-lain yang menjadi sahabat karib DSAI.//

OIC, the situation is clearer now. Good Luck Mr Anwar Ibrahim for going to the way by harrasing Paris. Paris is on your gambling table now!!!!

"Learn from Copy "People First, Performance Now"

Good day Ayahanda,

From,

Dr Mahathir vs Lady GaGa in English FM Radio ke

YES to MB (MalaysiaBoleh), that's why I'M LOVIN' IT in complementing the route of KENTUCKY FRIED CHICKEN (KFC) to get recipe from Colonel's "Finger Lickin' Good" to goreng ayam.

By snal  on August 7, 2009 11:15 AM


Salam Tun,

Saya mencadangkan agar Tun berkempen kepada kerajaan agar mereka yang berdemonstrasi menentang ISA ini ditahan di bawah ISA. Begitu juga dengan pemimpin2 pembangkang yang menggalakkan demonstrasi anti ISA ini dikenakan juga tahanan ISA... cuma tempoh tahanan mereka hendaklah sekurang-kurangnya 2 kali ganda lebih lama daripada tahanan2 lain.

Mereka ini bedr Kempen agar ISA dibatalkan kerana mereka tidak mahu ada bayang2 ISA menghantui mereka setiap kali mereka berbuat apa-apa... seumpama sword of damocles.

Demonstrasi itu terjadi masa ISA masih ada... bayangkan apa yang terjadi kalau ISA sudah tiada...

Semoga Tun adapat berkempen seperti di atas, untuk kesejahteraan semua rakyat Malaysia.


By Gen2R3  on [August 7, 2009 11:14 AM](#)

Assalamualaikum Tun Dr Mahathir yang dihormati.. Saya dari dahulu lagi memang berminat and menyokong terus dengan pentadbiran, cara dan gaya Yang Berhormat Tun, bapa permodenan! Saya juga sebenarnya sehingga hari ini tidak puas hati langsung dengan apa yang Anwar Ibrahim lakukan, tidak kira dari segi apa pun.

Saya sangatlah berharap jika masa boleh berputar balik semula dan biarkan Yang Berhormat Tun Dr Mahathir menaung dan mentadbir Negara Malaysia ini sehingga akhir hayat! Kerana sehingga kini, Negara Malaysia agak 'kucar-kacir', walaupun saya tidak banyak berkecimpung dalam politik tetapi saya dapat 'rasakan' politik sekarang hanyalah sebagai 'game' kepada seseorang atau individu / 'group' yang lain..

Walau bagaimanapun, saya terus menyokong Tun Dr Mahathir sehingga akhir hayat saya! Insyallah!

Semoga panjang umur... ;-)

By apanama  on [August 7, 2009 11:03 AM](#)

Thank you for yet another insight into Anwar Ibrahim, Sir. Evidence and facts continue to show the true face of the Prime Minister wannabe but I'm perplexed as to why some Malaysians are so gullible?

What else could we do to 'open the eyes' of the people, PARTICULARLY the MALAYS?

TQ, Sir.

p/s Wishing you and Tun Dr.Siti Hasmah the best of health at all times.

By Al-Qadahi  on [August 7, 2009 10:58 AM](#)

DSAI hny mahukan nama dan kuasa... menggadaikan maruah bangsa demi kepentingan diri... tak kisah walaupun terpaksa jd talam 2 muka... sejarah telah membuktikan siapakah DSAI, tetapi mengapa sebahagian rakyat masih buta dan tuli...

Source : <http://chedet.co.cc/chedetblog/2009/08/budaya-anwar.html#more>